



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) (Halaman 13)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Pada. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) – MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) – UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

24. Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Yang Berhormat Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN

62. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Yang Berhormat Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO

-
99. Yang Berhormat Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Yang Berhormat Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 3 April 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohd. Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengenai penggunaan kad subsidi elektronik atau e-diesel yang diperkenalkan baru-baru ini dan adakah sistem ini boleh memberi kemudahan yang sepenuhnya kepada para nelayan serta apakah tindakan yang akan dikenakan jika berlakunya penyelewengan di dalam sistem ini. Contohnya penjualan semua diesel oleh nelayan kepada pihak ketiga.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua soalan ini sebenarnya telah pun banyak saya jelaskan dalam masa penggulungan berbahasan di peringkat jawatankuasa dalam membahaskan jawapan dasar dan ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lepas. Walau bagaimanapun begitu saya ingin menyatakan bahawa penggunaan kad subsidi elektronik atau pun e-diesel ini telah pun kita perkenalkan pada 1 Januari 2006 yang bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada nelayan kita membeli diesel dengan harga bersubsidi. Sehingga 23 Mac 2006 sejumlah 12,964 *vessel* telah pun mendaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan menerima kad pintar e-diesel bagi membolehkan mereka ini mendapat bekalan diesel bersubsidi.

Di bawah skim ini nelayan telah pun membeli diesel bersubsidi dengan harga RM1.00 seliter melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan Semenanjung (NIKMAT) di Semenanjung, Persatuan Nelayan Sarawak (PALISA) di Sarawak dan KO Nelayan di Sabah. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mensyaratkan hanya *vessel* nelayan yang berlesen sahaja layak menerima skim ini. Ini bertujuan untuk memastikan hanya *vessel* yang benar-benar terlibat dengan aktiviti penangkapan yang sah sahaja layak menerima faedah ini.

Sebagai langkah membendung penyelewengan diesel bersubsidi di kalangan nelayan pula, kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan menyemak jumlah pendaratan ikan. Nelayan diwajibkan untuk mengisytiharkan pendaratan ikan mereka sebelum dapat memberi diesel bersubsidi sebagai langkah penggalakan penggunaan diesel oleh nelayan-nelayan. Selain daripada itu kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan juga akan melaksanakan penggunaan penanda diesel bersubsidi yang dikhususkan kepada sektor nelayan di mana ia boleh dibezakan dengan minyak diesel lain untuk mengesan penyalahgunaan.

Jika sekiranya didapati penyelewengan berlaku di dalam sistem ini, beberapa tindakan telah dan akan di ambil oleh kerajaan terutamanya ialah menyenaraihitamkan kad elektronik pemilik bot yang menyalah gunakan kemudahan yang telah pun diberikan menyebabkan pemilik kad tidak boleh membeli minyak diesel bersubsidi. Keduanya pemilik bot diminta untuk memberikan surat tunjuk sebab dan sekiranya didapati benar melakukan penyelewengan, kad elektroniknya akan digantung menyebabkan pemilik kad tidak boleh beli minyak diesel bersubsidi dan sekiranya ia ditangkap oleh pihak pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan dihadapkan ke

mahkamah maka elektronik pemilik bot berkenaan juga akan digantung sehingga mendapat keputusan mahkamah.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kuala Krai dulu.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri yang telah menjelaskan begitu tepat dan sebelum soalan ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri, pegawai perikanan di kawasan saya ini tidak cukup satu orang. Satu orang dalam empat DUN. Luasnya empat kali negeri Perlis. Saya mintalah. Surat pun saya telah utarakan. Satu pegawai yang begitu rakyat tertanya-tanya.

Soalan saya kepada diesel ini daripada pihak manakah penguat kuasa ini menteri dilantik dan berapa ramaikah tiap-tiap satu negeri yang telah dapat dikemukakan. Dan kriteria pemilihan cepatnya tadi telah diberi *vessel* itu kalau boleh di jelaskan lebih lanjut sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama tentang jawatan pegawai perikanan memang kita tidak mempunyai jumlah yang ramai tetapi kita harap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ada pertambahan, kita akan beri perhatian terutama di kawasan Yang Berhormat. Soal kedua ini adalah soal penguatkuasaan. Mengikut peraturannya kita boleh kuatkuasakan iaitu pegawai-pegawai Lembaga Kemajuan Perikanan ada kuasa untuk mengambil tindakan bagaimana yang saya sebutkan tadi di samping pegawai daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana lesen-lesen untuk menyimpan dan menjual minyak ini dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang biasanya dikenakan kepada pengusaha-pengusaha stesen minyak sebagai contoh. Kalau ada pelanggaran maka pihak berkuasa pun boleh mengambil tindakan.

Bot-bot yang dikatakan tadi berhak untuk mendapatkan lesen ini mestilah bot yang sebelum daripada ini berlesen kerana kita dapati ada juga pengusaha-pengusaha bot tidak memiliki lesen sebenarnya dan ikut peraturan sekarang ini mereka ini tidak berhak tetapi ada juga yang kemudiannya kita berikan lesen selepas disahkan ada keperluan untuk mengeluarkan lesen baru maka mereka layak untuk mendapatkan bekalan minyak yang bersubsidi ini.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kita nampak apa yang diatur oleh kementerian sungguh indah sekali. Tetapi masalahnya koperasi nelayan ini yang menjaga koperasi, jawatankuasa tertentu. Tetapi apa yang saya khuatir bahawa koperasi ini akan menyelewengkan kad untuk diesel ini. Bagaimana kementerian dapat monitor ini semua sampai ke bawah kerana kalau tidak memang kita nampak bahawa banyak kad-kad ini dibahagi, diesel banyak dibahagi tetapi bukan semua nelayan yang mempunyai lesen mendapat mungkin. Ini kita minta supaya menteri dapat menjelaskan lebih lanjut.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat hari ini belum ada lagilah laporan yang sebegitu seperti Yang Berhormat sebutkan tadi kerana sistem yang kita laksanakan ialah mengeluarkan kad *smart card* yang dikatakan e-diesel kepada nelayan yang berlesen sahaja sama ada dia di bawah koperasi atau tidak, tidak berapa penting tetapi nelayan itu sendiri mestilah botnya berlesen dan mereka sahaja yang kita akan keluarkan lesen dan permohonan mesti dikemukakan oleh pemilik lesen itu, bukan koperasi. Pemilik itu sendiri kalau dia memohon hari ini juga, hari ini juga kita boleh keluarkan kad itu, bagaimana sistem yang sudah kita laksanakan. Atas dasar itu saya percaya kita boleh kawal kalau ada pihak-pihak tertentu umpama untuk menyalahgunakan. Tuan Yang di-Pertua, ialah *monitoring* dikata dijalankan oleh koperasi. Mereka tidak ada keupayaan untuk *monitoring* ini semua. Saya fikir kalau *monitoring* dijalankan oleh koperasi dia orang tidak dapat menjalankan dengan sempurna. Tetapi kalau di kementerian mungkin kita percaya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Koperasi kita minta kerjasama sahaja tetapi kerja-kerja pemantauan di bawah oleh kementerian saya pengerusi LKIM.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Maran.

2. Datuk Ismail bin Abd. Mutalib [Maran] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah tahap prestasi pembangunan serta pelaksanaan program dan juga perbelanjaan yang telah dicapai dalam RMK-8 berakhir 31 Disember 2005 dan berapakah jumlah projek yang terpaksa disambung pelaksanaannya ke dalam RMK-9.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk menjawab sekali Yang Berhormat bagi Maran dan juga Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jentera dan agensi kerajaan telah siap sedia mengimplementasikan RMK-9 mengikut perancangan yang telah disediakan oleh setiap kementerian dan jabatan dan agensi. Bagi RMK-8 sebanyak RM169.144 bilion atau 99.2% telah dibelanjakan daripada siling peruntukan RMK-8 yang berjumlah RM170 bilion, dan sebanyak 77,457 sub projek atau 81.7% daripada 94,838 sub projek telah disiapkan. Sebanyak 2,326 program ataupun projek akan disambungkan semula dalam RMK-9.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan RMK-9 baru-baru ini. Walau bagaimanapun saya mahu bertanya seperti yang dimaklumkan bahawa prestasi perbelanjaan program Rancangan Malaysia Kelapan adalah dikatakan menggalakkan. Tetapi prestasi baik dalam kewangan tidak bermakna kita mencapai prestasi baik dalam pelaksanaan projek, kerana sedikit pengalaman terdapat sebahagian daripada perbelanjaan yang kita keluarkan untuk melaksanakan projek adalah bagi menyelesaikan masalah-masalah projek yang ter bengkalai, projek sakit dan berbagai-bagai lagi masalah yang ditimbulkan oleh berbagai-bagai pihak termasuklah oleh kontraktor-kontraktor yang gagal melaksanakan projek yang diberikan kepada mereka.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu berapakah jumlah sebenarnya perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan semata-mata hanya membelanjakan untuk mengatasi masalah-masalah yang tidak sepatutnya kita belanjakan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan itu memerlukan jawapan yang khusus berkenaan dengan angka, saya minta supaya notis diberi dan insya-Allah saya akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh. Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah sebab yang sebenarnya kegagalan menyiapkan projek mengikut jadual, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah berulangnya kegagalan pelaksanaan projek dengan tanpa sebab yang sah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya memanglah banyak. Pertamanya soal kontraktor lari, pun ada juga. Keduanya soal kadangkala projek ada, tetapi projek memerlukan kepada tanah dan tanah perlu diluluskan oleh kerajaan negeri. Ini juga memakan masa, kita tidak boleh ambil tanah dalam masa satu, dua minggu sahaja.

Kemudian, sudah tentulah masalah kita terpaksa selesai jika ada pengambilan tanah oleh kerajaan daripada pemilik-pemilik tanah peribadi. Itu juga memakan masa. Inilah semua faktor yang menyebabkan banyak projek ter bengkalai. Namun seperti mana yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, dia telah

menjadikan pelaksanaan dan pemantauan sebagai satu daripada lima teras yang ada di bawah RMK-9. Dia melihat iaitu pemantauan dan pelaksanaan sebagai satu perkara yang penting dan sebagaimana yang telah disebut, jawatankuasa kecil akan juga dipengerusikan oleh beliau sebagai Perdana Menteri dan dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri untuk memantau semua projek yang telah pun disebut dalam RMK-9 ini. Itulah cara yang kita usahakan untuk menyelesaikan masalah projek yang terbengkalai kalau ada, bagi RMK-9.

3. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rancangan pihak kerajaan dalam mengisi perjawatan serta mengatasi kekurangan anggota yang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia yang mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Awam kini hanya dipenuhi pada kadar 67% sahaja serta menerangkan sama ada kekurangan ini menjejaskan strategi pertahanan negara atau tidak.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Pada masa ini jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia ialah seramai 116,075 orang ataupun pada kadar 98.37 peratus. Anggaran berjumlah 63 peratus itu ialah bagi tahun 1983. Yang ada pada hari ini termasuklah pegangan perjawatan di semua unit Angkatan Tentera Malaysia dan unit-unit di luar unjuran seperti yang disyorkan penubuhannya oleh kerajaan seperti Rejimen Siri 500 Askar Wataniah, unit-unit pelapis di institut pengajian tinggi awam dan unit istiadat berkuda. Dalam jumlah anggota yang menghampiri maksimum ini strategi pertahanan negara tidak akan terjejas. Terima kasih.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan jawapan tadi di mana nampaknya 98 peratus telah diisi, maknanya perangkaan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam nampaknya perlu dikemaskinikan. Soalan tambahan saya, saya yakin angkatan tentera membelanjakan begitu banyak untuk melatih pekerja-pekerja yang mahir dalam Angkatan Tentera Malaysia, untuk ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Angkatan Tentera Udara, Laut dan Darat. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Angkatan Tentera sendiri untuk menghalang mereka yang telah dilatih daripada meninggalkan perkhidmatan terutama sekali mereka yang dilatih dari segi teknikal?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya kita mengharapkan anggota tentera kita yang berpangkat rendah ataupun berpangkat tinggi yang telah mendapat pengalaman dan latihan ini tidak meninggalkan angkatan tentera. *Brainstorming* dan penerangan kita beri kepada setiap anggota tentera dan meyakinkan mereka bahawa di dalam angkatan tentera ini ada kemudahan dan kesempatan yang mereka boleh pelajari dan mereka tawarkan untuk kepentingan perjawatan dan tugas, dan untuk kepentingan negara.

Oleh sebab itu gaji mereka telah dinaikkan. Peluang, pangkat dan latihan telah kita beri dan kita memberitahu adalah lebih baik mereka ini kekal di dalam angkatan tentera sehingga berkhidmat lebih daripada 20 tahun bagi menentukan mereka akan mendapat pencen apabila habis berkhidmat dalam angkatan tentera. Sebelum mereka tamat perkhidmatan dan perjawatan, mereka juga diberi peluang untuk mengikuti *professional courses* yang boleh menentukan mereka akan dapat sumber pekerjaan apabila mereka meninggalkan perjawatan di dalam angkatan tentera.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat telah mendengar jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan bahawa peluang yang diberikan kepada angkatan tentera waktu di dalam perkhidmatan untuk melanjutkan pelajaran dan dalam masa yang sama kita membuka peluang mereka mendapat pendidikan di dalam pasukan, bahkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti di mana kementerian telah menerima untuk menubuhkan Universiti Pertahanan Negara. Peluang ini bukan sahaja akan diberikan kepada pasukan angkatan tentera yang bertugas, bahkan orang awam yang ada minat serta berkebolehan untuk mengikuti dan merencanakan hidup sebagai bakal anggota tentera dan pemimpin angkatan tentera pada masa yang akan datang.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita maklum bahawa tempoh maksimum bagi Angkatan

Tentera Malaysia memberikan perkhidmatan ialah 21 tahun. Kita mengandaikan kalau seseorang itu dia mula masuk umur 20 tahun, maka umur dia bersara ialah 41 tahun, satu umur yang masih muda, tanggungan anak pun, kalau anaknya masih bersekolah, ini mendatangkan masalah kepada anggota tentera tersebut dan ini juga mendatangkan masalah untuk mengisi dalam perkhidmatan dalam angkatan tentera.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan umur bagi tempoh perkhidmatan ini daripada 21 tahun kepada paling tidak pun 25 tahun bagi mengatasi masalah tentera itu dan juga masalah kementerian itu sendiri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, tentang sekatan umur ini kita berdasarkan kepada kehendak perkhidmatan awam dan dalam angkatan tentera, maksimum perkhidmatan mereka ialah dalam tempoh 20 tahun. Tetapi sekiranya umur mereka lebih daripada itu, dan mereka telah tamat perkhidmatan, saya telah menyatakan tadi bahawa rezeki tidak hanya ada dalam angkatan tentera, tetapi peluang mereka untuk mencari rezeki yang lain disediakan oleh angkatan tentera bagi meneruskan perkhidmatan ini.

Oleh sebab itu sebelum mereka meninggalkan angkatan tentera mereka telah dilatih bagi menceburkan dalam pelbagai bidang termasuk dalam IT dan *cyber technology*. Kepada mereka yang berkhidmat untuk meneruskan perkhidmatan mengikut kepakaran dan *experience* dengan izin, sewaktu mereka di dalam angkatan tentera.

Saya yakin bahawa perkhidmatan di dalam angkatan tentera ini hanya lebih kurang dalam 116,000 dan daripada 25 juta rakyat Malaysia yang kemungkinan tidak ada pekerjaan ketika berumur 30 tahun. Tetapi bekas angkatan tentera tidak ada pekerjaan lebih kepada umur 40 tahun. Saya melihat tidak menjadi masalah tetapi kita juga pernah mencadangkan kepada perkhidmatan awam dan kita terpaksa menunggu keputusan daripada pihak perkhidmatan awam untuk meluluskan lanjutan umur mereka untuk terus bekerja dalam angkatan tentera.

4. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai mekanisme tertentu yang diguna pakai oleh kementerian untuk memudahkan pembayaran bil oleh golongan orang kurang upaya (OKU) dan mereka yang berpendapatan rendah memandangkan keadaan biasa mereka perlu melalui proses yang sama sebagaimana manusia normal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin terhadap golongan orang kurang upaya bagi memastikan mereka dapat bersama berperanan dalam arus pembangunan negara. Sehubungan dengan itu pada tahun 1990, kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah membuat pindaan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dengan memasukkan peruntukan mengenai kewajipan untuk menyediakan kemudahan mesra OKU seperti laluan *barrier free* dan menyediakan perkhidmatan kaunter khas OKU dalam urusan bayaran bil dan sebagainya.

Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan bertajuk *Guideline On Building Requirement For Disable People* untuk membantu semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan dan pematuhan kepada undang-undang kecil tersebut. Dari segi pelaksanaannya kebanyakan agensi kerajaan termasuk PBT telah menyediakan kaunter khas dan laluan *barrier free* bagi memberi kemudahan kepada OKU berurusan dengan agensi kerajaan.

Di samping itu di sesetengah tempat terdapat pegawai keselamatan di tempat bayaran yang bersedia membantu golongan OKU apabila diperlukan. Kemudahan kaunter khas juga turut disediakan bagi golongan yang lemah seperti warga emas atau warga tua. Walau bagaimanapun pada masa ini kemudahan khas untuk golongan berpendapatan rendah tidak disediakan kerana memandangkan agak sukar membezakan antara orang kaya dan mereka yang berpendapatan rendah yang datang mendapatkan khidmat kaunter. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar jawapan daripada setiausaha Parlimen begitu baik, indah kerana ini menyebut dasar. Sebentar tadi, dalam surat khabar sudah keluar cerita bagaimana susahnya orang kurang upaya berdepan dengan mesin membayar tiket. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan audit kepada setiap pihak berkuasa tempatan di bawah kawalan kementerian, dan kementerian sendiri menyatakan umpamanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, tarafnya sebagai mesra OKU, lima *star*, ataupun di Klang 2 *star*. Adakah proses audit itu, untuk menentukan dasar itu berjalan dengan baik.

Kedua, daripada apa yang kita baca dalam surat khabar, bukan sahaja mesin ataupun kemudahan ini tidak mesra kepada OKU, tetapi pegawai dan kakitangan dalam Majlis Perbandaran Klang itu sendiri, sikapnya pun tidak hendak mesra langsung dengan OKU. Bolehkah kementerian juga membuat audit terhadap pegawai dan kakitangannya? Jangan cakap kita hendak kaji. Itu kita fahamlah tetapi adakah difikirkan perkara ini.

Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat, pada tahun yang lalu, kementerian telah membuat satu *survey* dengan pihak-pihak berkuasa tempatan yang ada di Semenanjung Malaysia. Daripada 96 PBT yang telah memberi jawapan kepada *survey* itu, iaitu 50 PBT yang telah menjawab yang mempunyai 217 pegangan iaitu *building* di bawah mereka dan daripada jumlah itu 72 peratus daripada bangunan itu adalah OKU *friendly*.

Selain ini ada beberapa masalah yang dihadapi iaitu bangunan lama yang telah dibina sebelum *guideline* yang ditetapkan untuk Orang Kurang Upaya telah disediakan dan bangunan-bangunan ini telah kena diubahsuai dan kadang-kadang kerana bangunan ini dibina secara macam itu tidak mempunyai ruang yang cukup membuat ubah suai.

Di dalam keadaan ini, apabila bangunan-bangunan ini dibina semula atau diubahsuai maka peruntukan untuk menyediakan kemudahan OKU itu disediakan. Selain daripada itu, ada PBT yang ada menghadapi kekurangan kewangan di dalam melaksanakan program ini dan untuk ini, kementerian telah memberi bantuan sebelum ini dan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah memohon mendapatkan peruntukan supaya kemudahan-kemudahan OKU boleh disediakan.

Tentang apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, tentang sikap pegawai di PBT, ini ialah suatu sikap bukan sahaja tentang masalah yang dihadapi oleh orang OKU tetapi juga masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang lain di dalam membangunkan pegawai-pegawai yang bersikap baik. Memang kementerian dan pihak-pihak pegawai sentiasa mengadakan seminar dan kursus-kursus supaya mereka lebih sedar tentang kemudahan-kemudahan ini dan apa yang menjadi kewajipan mereka supaya menjalankan tugas mereka sebagai pegawai dengan baik. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya mudah sahaja. Apakah ada suatu akta atau undang-undang bagi mereka yang tidak menghormati orang yang tidak berupaya ini atau yang berpendapatan rendah supaya diambil tindakan.

Jika ada akta, apakah sudah diambil tindakan. Jika tiada bilakah akta ini akan di bantangkan dalam Parlimen untuk kita luluskan sebagai ketegasan pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan *delivery system* yang diwarwarkan oleh Perdana Menteri kita. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat. Jangan hanya setakat mengatakan ia akan dibuat tetapi bila akan dilaksanakan.

Dr. S. Subramaniam: Tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam hal ini ialah tentang bangunan-bangunan supaya bangunan ini mesra dengan orang OKU dan pemindaan untuk *building by laws* itu telah dibuat pada tahun 1990 dan bila pindaan telah dibuat memang itu sudah menjadi kewajipan. Bila pihak swasta seumpama ini membuat permohonan iaitu *submit plan* memang perkara ini diambil semasa meluluskan pelan ini.

Selain daripada itu, untuk OKU dan segala keperluan mereka, saya ingat ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kebajikan dan saya ingat mereka mungkin ada akta untuk menjaga keperluan orang OKU daripada segi itu. Terima kasih.

5. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk menghalang penggunaan anugerah ijazah palsu seperti BA, MBA di belakang nama perseorangan yang merupakan satu gejala yang agak berleluasa dan mengelirukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memandang serius terhadap apa juga bentuk penipuan yang berlaku di dalam bidang pengajian tinggi termasuklah kes-kes penggunaan ijazah palsu seperti yang didakwa.

Mengikut tinjauan Kementerian Pengajian Tinggi, penggunaan gelaran palsu oleh individu yang diragui kesahihannya merupakan salah satu penipuan akademik semakin berleluasa bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Laporan *observatory on Borderless Higher Education* dengan izin, yang diterbitkan oleh *Association of Commonwealth Universities* pada bulan Ogos 2005. Memang terdapat pemegang ijazah palsu dari USA di Malaysia.

Beberapa jenis penipuan juga dilaporkan di negara lain seperti Australia, China, Isreal, Amerika Syarikat, United Kingdom, Thailand, Nepal dan sebagainya. Malah di Thailand terdapat seorang calon Senat dibatalkan apabila didapati ijazahnya diperolehi daripada universiti palsu. Justeru langkah yang diambil oleh kementerian untuk membendung amalan buruk ini ialah meneliti panduan dan *instrument* yang digunakan oleh badan antarabangsa seperti UNESCO, *Organization for Economic Corporation and Development* dengan izin, iaitu OECD dan Kesatuan Eropah seperti yang terkandung dalam *Guideline on Quality Provision In Cross Border Higher Education* dengan izin, dan juga *Lisbon Convention* yang memastikan ketelusan kelayakan melalui diploma *supplement* dan *procedure* pengiktirafan kelayakan serta gelaran akademik yang telus, adil, senang difahami dan boleh dipercayai.

Di samping itu kementerian juga mengarahkan semua IPTA dan IPTS mengemaskinikan laman web masing-masing dan membekal maklumat tentang program pengajian dan status pengiktirafan akreditasi, kelayakan anugerah, senarai staf dan pangkat akademik, prosedur penganugerahan kelayakan dan gelaran akademik kehormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat aduan rasmi berhubung penggunaan ijazah palsu, kementerian tidak akan bertolak ansur untuk membawa perkara ini kepada berkuasa untuk disiasat. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sebenarnya merangkumi juga Ijazah Kehormat untuk Ph.D, MBA yang diperolehi dengan satu cara atau lain mungkin membeli dengan beberapa ratus ringgit sahaja untuk mendapat Ph.D. Apakah mekanisme untuk mencegah berlakunya pembelian ijazah kehormat dan digunakan di depan namanya sebagai Dr. *so and so*.

Apakah mekanisme yang digunakan untuk mencegah berleluasanya perkara-perkara atau gejala-gejala seperti ini dan yang kedua ialah sehingga kini berapa kes penipuan menggunakan ijazah palsu atau tiruan dan berapa kes salah guna ijazah kehormat telah dikesan oleh kementerian. Apakah tindakan diambil terhadap orang-orang yang berkenaan dan apakah langkah-langkah diambil untuk membendung gejala yang kurang sihat ini.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, jenis ijazah yang dipalsukan melibatkan MA, MBA, Ph.D dan Ph.D Kehormat yang disebut sebagai Ijazah Kehormat. Walau bagaimanapun, jenis-jenis ijazah yang dipalsukan ini, kita sentiasa pantau kesahihan anugerah itu dengan pengukuhan kerjasama dan persefahaman serta pertukaran maklumat di antara agensi jaminan kualiti, akreditasi dan pengiktirafan bagi memelihara standard dan kualiti pendidikan dan kita dapat mengenal pasti akreditor yang tidak sah.

Setakat hari ini kita ada jaringan yang kuat iaitu digelar sebagai *National Academic Recognition Information Centre* ataupun NARIC UK yang melibatkan lebih kurang 180 buah negara dan penubuhan jaringan ini membantu kita sebenarnya menjamin kesahihan penganugerahan dan untuk peringkat negara kita boleh semak sebenarnya melalui laman

web JPA iaitu www.eghrmis.gov.my dan setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, kita ada mengiktiraf kursus daripada 55 buah negara yang melibatkan 25,236 kursus yang ditawarkan di seluruh dunia dan di peringkat, kita menubuhkan pusat rujukan kelayakan yang memberi maklumat tentang kelayakan yang diiktiraf di Lembaga Akreditasi Negara.

Pusat ini boleh dicapai oleh masyarakat umum melalui laman web LAN dan yang terakhir kita mengarahkan LAN mengeratkan lagi hubungan dengan Badan Jaminan Kualiti dengan pengiktirafan negara lain dan bertukar maklumat serta memainkan peranan aktif. Kita sendiri memainkan peranan aktif dalam jaringan agensi kualiti seperti *Network of Quality Assurance Agency In Higher Education, European Network In Quality Agency* dan *Asia Pasific Quality Network*.

Yang Berhormat, tidak dinafikan terdapat setengah pihak mengambil kesempatan untuk memperoleh ijazah palsu untuk kepentingan dirinya sendiri dan sekiranya ini berlaku, ada individu merasakan dirinya tertipu maka aduan boleh dibuat kepada pihak polis setelah kes penipuan dapat disahihkan dengan merujuk kepada IPTA dan IPTS, JPA dan Lembaga Akreditasi Negara.

Setakat ini tidak ada aduan rasmi dikemukakan kepada kementerian terhadap kesahihan. Tetapi walau bagaimanapun kita tetap akan mengambil serius perkara ini dan tidak bertolak ansur sekiranya ada aduan rasmi dikemukakan. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih setiausaha Parlimen, saya rasa mengenai Ijazah Kerhormat itu, mungkin tidak mudah untuk kita mengambil tindakan kerana itu kehormat bukan tujuan kegunaan akademik. Saya hendak tanya kepada setiausaha Parlimen, apakah pandangan Yang Berhormat terdapat kekangan yang ada sekarang ada *loopholes* dengan izin, di mana *e-learning* berleluasa dan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa kerana kebanyakan membeli melalui *e-learning* dan mereka ini hanya mengikuti kursus selama dua atau tiga bulan dapat MBA.

Bagaimana kementerian memantau cara ini kerana itu lebih serius daripada Ijazah Kehormat dan ia boleh digunakan sebagai suatu kelayakan akademik, minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akui bahawa kepakaran corak pengurniaan ijazah melalui beberapa kaedah terbaru ialah *e-learning* atau *e-learning* ini telah pun diamalkan di negara-negara Barat dan di negara-negara *develop country* atau negara maju dan *e-learning* ini kita pun sebenarnya di negara ada mengemukakan kursus-kursus yang digunakan secara elektronik sebagai contoh di Open Universiti yang hari ini kita dapati ramai pelajar-pelajar menggunakannya.

Walau bagaimanapun, saya setuju bahawa melalui *e-learning* yang diamalkan ataupun diambil daripada luar negara bukan mudah untuk kita kesan dan sebab itulah saringan yang kita lakukan setakat ini dengan menggunakan *guideline on quality provision in cross border higher education* sangat penting dan saya sebutkan tadi menarik NARIC yang berpangkalan di United Kingdom, kerjasama inilah yang kita gunakan untuk memastikan kita dapat menyelamatkan industri pendidikan di negara kita daripada menghadapi masalah-masalah pengurniaan ijazah seperti ini.

6. Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, berasaskan peningkatan kepentingan dalam komunikasi sama ada kerajaan akan membenarkan orang awam memasang '*satellite disc*' selain daripada pemasangan Astro.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shahziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penggunaan *satellite disc* untuk menerima siaran TV dari satelit adalah dikawal oleh kerajaan. Penggunaannya tanpa kelulusan kerajaan adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 239 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih dua (2) tahun. Kawalan ini adalah penting untuk mengawal kandungan berunsur lucah atau apa-apa kandungan yang mungkin amat tidak sesuai dengan nilai-nilai tempatan dan boleh menggugat kerukunan dan keselamatan

negara. Oleh itu, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan orang ramai memiliki *satellite disc* untuk menerima siaran TV selain dari ASTRO. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita alu-alukan ketegasan kerajaan dalam kes penggunaan *satellite disc* di kalangan orang ramai tetapi pada masa yang sama juga kita melihat dari sudut pandangan yang lain ini seolah-olah memberi monopoli kepada syarikat ASTRO untuk memberikan *satellite TV* kepada masyarakat. Tetapi hakikatnya ramai di kalangan masyarakat yang lebih ringan bebannya untuk mendapatkan *Satellite TV* ini terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Adakah akan kerajaan akan mengkaji kelonggaran kepada mereka ini yang berada di luar pedalaman Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada Astro terdapat juga stesen-stesen TV swasta lain yang menawarkan perkhidmatan TV iaitu MiTV dan Fine TV. Maka tidaklah menjadi kenyataan yang benar bahawa hanya Astro yang memonopoli segala penyiaran tv swasta dan ini kalau dicampurkan ketiga-tiga siaran TV ini, sudah ada 100 saluran TV dan orang boleh pilihlah. Kalau tak setuju dengan Astro ataupun tidak berpuas hati dengan siarannya bolehlah *subscribe* MiTV ataupun boleh menggunakan perkhidmatan Fine TV. Buat masa ini kerajaan belum membuat kajian untuk memberi lesen kebenaran kepada mana-mana pihak untuk menerima perkhidmatan satelit TV. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa larangan menggunakan parabola untuk menerima siaran TV, tujuan utama ialah untuk mencegah maklumat-maklumat yang lucah dan lain-lain yang tidak diinginkan tetapi dalam masa *information age* pada masa sekarang walaupun tidak diterima dari TV, dari *internet* dan dari sumber-sumber lain pun boleh terima. Memandangkan negara jiran kita iaitu Indonesia dan Thailand mereka mengizinkan rakyatnya menggunakan parabola maka saya minta Yang Berhormat pada masa sekarang mungkin ada keperluan untuk kerajaan membenarkan rakyat menggunakan parabola untuk menerima siaran hiburan dari negara-negara yang lain. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita semua maklum dari segi siaran lucah TV kalau kita lalui Astro kita boleh adakan Lembaga *Censorship* dan sebagainya tetapi internet berbeza dengan Astro. Internet kita kena cari sendiri, Yang Berhormat. Bukan disiaran oleh pihak kerajaan, mendapat kelulusan kerajaan tetapi kita mencari mana-mana *website* yang ada laman lucah baru kita jumpa. Bukan dia cari kita, kita cari dia. Tetapi kalau Astro atau satelit ia dihamparkan kepada orang ramai maka tidak baik. Ini adalah perbezaan antara satelit dengan internet. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat sekiranya boleh diketengahkan dan terpolung kepada kementerian ataupun kerajaan untuk menimbangkannya. Terima kasih.

7. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, prestasi kejayaan dalam menerokai pasaran dan perniagaan di negara China.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, eksport Malaysia ke China telah meningkat 7 kali ganda iaitu dari RM4.9 bilion pada 1995 kepada RM35.2 bilion pada tahun 2005. China adalah pasaran eksport keempat terbesar bagi Malaysia dan merupakan pasaran utama bagi barangan eksport seperti peralatan dan komponen elektrik dan mesin eksport ke China bernilai RM9.6 bilion pada tahun 2005, minyak kelapa sawit RM8.9 bilion, mesin dan peralatan pejabat, termasuk mesin pemprosesan data automatik RM3.9 bilion, getah mentah RM3.9 bilion dan peralatan suara dan telekomunikasi RM1.8 bilion.

Dari perspektif pihak China, Malaysia adalah rakan dagang yang kelapan terbesar dan sumber import yang ketujuh terbesar bagi China untuk tahun 2005. Dari segi

pelaburan, pada tahun 2005, China adalah destinasi pelaburan yang keenam terbesar bagi Malaysia dengan nilai pelaburan sebanyak RM903 juta. Pelaburan kumulatif oleh Malaysia di China sehingga 2005 adalah sebanyak RM2.98 bilion dalam 286 buah projek. Pelaburan utama adalah dalam sektor pembuatan yang merangkum hampir 75% daripada jumlah pelaburan. Bidang-bidang lain adalah perdagangan pengedaran, cari gali minyak dan gas, hotel, hartanah, pertanian dan pergudangan.

Syarikat-syarikat Malaysia telah mengambil peluang untuk menembusi pasaran dan mengukuhkan lagi eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia di China. Sebagai contoh dalam sektor perdagangan pengedaran sebuah syarikat milikan Malaysia telah berjaya memperluaskan rangkaianannya ke 39 buah pasar raya di seluruh China dan akan membuka 5 lagi cawangan pada tahun 2006. Pada tahun 2005 syarikat ini telah mencatat jualan sebanyak RM4.71 bilion.

Syarikat-syarikat Malaysia juga mempunyai pelaburan dalam sektor pembuatan seperti dalam bidang elektrik dan elektronik, benang, fabrik dan pakaian, memproses minyak sawit, tayar, motosikal, tiub dan paip bagi galian minyak dan gas, cat dan plastik. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Soalan tambahan, saya amat tertarik sekali apabila disebutkan 7 kali ganda peningkatan dari segi aktiviti perdagangan kita dan di tangga yang kelapan dari segi keseluruhan dagangan kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat iaitu dalam usaha kita untuk terus menjadi juara dalam penerokaan perniagaan peringkat antarabangsa, khususnya negeri China ini faktor yang menjadi keutamaan kita ialah dari segi TFP ataupun *Total Factor Productivity* ini sejauh manakah syarikat-syarikat SME ataupun *Multi National* di Malaysia ini mempunyai kekuatan dari segi produktiviti faktor keseluruhannya ini iaitu dari segi peningkatan teknologinya, dari segi pengurusan yang baik dan faktor-faktor serupa ini yang boleh menjanjikan kepada barangan yang lebih murah, berkualiti dan juga berdaya saing.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang soal produktiviti ada dua aspek yang kita lihat. Satu, produktiviti *per say* di mana kalau kita bandingkan dengan China kedudukan kita jauh lebih tinggi dan kita lebih kurang RM12 ribu berbanding dengan China jauh lebih rendah daripada itu. Dari segi TPF, melihat kepada produk-produk yang kita hasilkan adalah produk yang bernilai tambah lebih tinggi daripada produk China. Saya tidak mempunyai statistik secara spesifik, saya tidak dapat bagi tetapi saya percaya TPF kita lebih tinggi lagi kerana produk kita bernilai tambah.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa TPF penting kerana ini nanti akan diterjemahkan dalam bentuk produk yang kita akan hasilkan dan kita tahu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibenangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dari segi sektor ekonomi pemindahan kita adalah kepada nilai tambah tinggi serta produk-produk hiliran dan di sini ada sektor yang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan meletakkan pentingnya TPF ini daripada sudut latihan, kursus, R&D, teknologi, perancangan dan sebagainya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita menyatakan bahawa perniagaan di antara China dengan negara kita eksport tetapi negara China sejak pintu terbuka pada tahun 1978 catatan pembangunan sekurang-kurangnya 8% atau 9%. Ini bermakna banyak syarikat di China ataupun Enterprise di China ini mempunyai kuasa untuk pelaburan di luar negara. Soalan tambahan saya ialah adakah negara kita ini bersedia untuk menjemput pelabur-pelabur daripada syarikat-syarikat yang besar dari China ini yang mempunyai teknologi yang tinggi ke negara kita supaya kita tidak boleh hanya bergantung kepada *targets* pelaburan kita seperti Amerika Syarikat, Jepun atau mana-mana negara-negara Eropah. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sumber pelaburan FDI ke negara kita ini daripada pelbagai negara. Bukan kita bergantung kepada tradisi yang melabur banyak di negara kita seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara EU. Ini juga termasuk negara China. Sekarang China termasuk di dalam negara-negara yang juga merupakan sumber pelaburan FDI yang besar di negara ini. Apabila kita

bercakap tentang FDI sebanyak RM17 bilion tahun lalu dalam bidang *manufacturing*, ini sebenarnya dalam bidang *manufacturing* semata-mata. Kalau kita lihat dalam bidang lain, dalam bidang portfolio *management*, kewangan, dalam bidang pertanian dan sebagainya jumlahnya lebih besar daripada RM17 bilion dan ini datang daripada pelbagai negara.

8. Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Malaysia supaya kejadian hotel runtuh di Arab Saudi yang telah mengorbankan empat (4) rakyat Malaysia dari Sabah tidak berulang lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji selama ini telah menyewa bangunan-bangunan yang disahkan selamat oleh pihak berkuasa tempatan di Arab Saudi untuk didiami oleh jemaah haji. Bangunan tersebut dipastikan mempunyai 'tasrih' ataupun sijil kelayakan menduduki bangunan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi. Tabung Haji telah dan akan terus bekerjasama rapat dengan pihak Berkuasa Arab Saudi untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap keselamatan bangunan yang disewa.

Semua dokumen perjanjian bangunan dibawa ke pengetahuan pihak muassasah ataupun sebuah badan di Arab Saudi yang menguruskan jemaah haji Asia Tenggara dan juga Kementerian Haji Arab Saudi untuk mendapatkan pengesahan. Tujuannya mendapatkan kepastian pihak berkuasa Arab Saudi bahawa bangunan yang disewa ada jaminan dari segi tahap keselamatan dan perjanjian tersebut mempunyai kuat kuasa undang-undang.

Tabung Haji juga akan mengambil kira bangunan persekitaran apabila menyewa pada masa akan datang supaya terhindar daripada mengalami kesusahan sekiranya bangunan di persekitaran terkena apa-apa musibah seperti kejadian runtuh. Tabung Haji difahamkan oleh pihak konsul haji bahawa pihak berkuasa tempatan Arab Saudi di Mekah sudah meneliti kesesuaian bangunan mana-mana yang diragui keselamatannya telah dikosongkan sejak musim haji yang lepas.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan tambahan saya. Tabung Haji terlalu menumpukan sewa-sewa yang termurah, ini adalah pendapat saya. Adakah pengurus-pengurus Tabung Haji ini yang menunaikan jemaah fardu haji ini telah diperiksa bangunan itu walaupun ada CF kepada bangunan itu. Adakah pengurus-pengurus ini telah memeriksa bahawa bangunan itu sesuai dan selamat untuk dihuni sebelum menandatangani perjanjian penyewaan bangunan tersebut?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya suka menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa bangunan-bangunan yang disewa oleh Tabung Haji adalah di antara bangunan-bangunan yang terbaik. Dalam pengurusan Tabung Haji, pertama, diambil kira ialah keselamatan bangunan itu sendiri, dan yang keduanya ialah jarak di antara bangunan itu dengan Masjidil Haram, iaitu tidak lebih daripada 800 meter dan kebanyakannya adalah di sekitar, yang paling jauh pun sekarang ini di sekitar 700 meter.

Saya rasa bagi mereka yang pernah menunaikan haji ia akan dapati bahawa perbezaan yang begitu jelas. Bangunan yang disewa oleh Tabung Haji dengan bangunan-bangunan lain yang disewa oleh jemaah-jemaah haji dari negara-negara lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita tahu hidup dan mati ini di tangan Allah S.W.T., dan selaku manusia biasa kematian itu kita tidak tahu di mana, bagaimana dan bila, itu kita terima. Tetapi pada hakikatnya ini merupakan kecuaiian manusia dan telah berlaku keruntuhan hotel di Mekah yang mengakibatkan jemaah haji dari Malaysia yang berasal dari negeri Sabah.

Apakah perancangan Tabung Haji pada masa akan datang termasuk mengenal pasti bangunan-bangunan sebab kita tahu di Mekah ini konsep perumahannya tidak ada sistem. Ia dibina oleh orang yang menggunakan pakai kain dan tanpa ada jurutera. Asal siap boleh diduduki oleh sesiapa sahaja [*Ketawa*] dan ini akan mengakibatkan mungkin kemalangan pada masa akan datang. Apakah Tabung Haji tidak berhasrat untuk membina

hotel sendiri dengan kerjasama, mungkin dengan usahawan dari Arab Saudi untuk memastikan keselesaan jemaah haji kita pada masa akan datang sebab kita setiap tahun menghantar jemaah haji. Minta penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Pertama, saya suka menegaskan di sini bahawa bangunan yang disewa oleh Tabung Haji itu adalah bangunan yang baik. Tetapi kebetulan dalam peristiwa runtuh ini adalah bangunan yang lain iaitu jaraknya juga jauh daripada bangunan yang disewa oleh Tabung Haji. Jemaah Haji yang balik dari mengerjakan ibadah di Masjidil Haram lalu di kawasan itu hendak pergi ke bangunan tempat tinggal yang disewa oleh Tabung Haji. Saya sangat setuju dengan Kinabatangan iaitu hidup mati adalah satu ketentuan.

Dalam perkara ini ia adalah merupakan suatu ketentuan dan kita pastikan bahawa pada masa akan datang, persekitaran juga akan diambil perhatian supaya lebih selamat lagi ataupun lebih baik lagi bangunan-bangunan yang disewa oleh Tabung Haji. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 9 – Y.B Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]

[Soalan No. 10 – Y.B Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) tidak hadir]

11. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Pelancongan menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan luar negara bagi menambah penerbangan terus ke Sabah dan Sarawak dari destinasi luar negara untuk meningkatkan jumlah pelancong ke Sabah dan Sarawak. Apakah langkah lain yang dicadangkan oleh kementerian untuk meningkatkan lagi industri pelancongan di kedua-dua negeri tersebut.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan luar negara untuk menambah penerbangan ke Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2005, Silk Air, telah mula beroperasi terus dari Singapura ke Kota Kinabalu bermula dengan tiga kali seminggu kepada empat kali seminggu dan kemungkinan akan ditingkatkan kepada lima kali seminggu. Penerbangan *charter* berjadual seperti Asia Asina Airline dari Korea Selatan telah membuat penerbangan empat kali seminggu ke Kota Kinabalu, Sabah.

Kementerian Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* telah mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk meningkatkan lagi industri pelancongan di Sabah dan Sarawak. Antaranya:

- (i) mengambil bahagian secara aktif di dalam pameran pelancongan antarabangsa yang disertai oleh pengusaha-pengusaha pelancongan Malaysia termasuk dari Sabah dan Sarawak, khususnya yang menawarkan pakej percutian berunsur *eco-tourism* di luar negara;
- (ii) mengadakan misi-misi galakan ke luar negara di mana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej istimewa negeri Sabah dan Sarawak kepada pengusaha pelancongan di negara yang dilawati;
- (iii) bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan dan pihak media di pasaran-pasaran tertentu untuk mempackagekan produk *niche* seperti *diving*, *golfing* yang terdapat di Sabah dan Sarawak;
- (iv) mengatur program lawatan suai kenal untuk mendedahkan secara langsung produk-produk pelancongan termasuk di negeri Sabah dan Sarawak di dalam program-program lawatan yang ditawarkan;

- (v) menerbitkan dan mengedarkan majalah pelancongan Malaysia atau *tourism news* dengan izin, yang memaparkan tempat-tempat tarikan pelancongan yang dikeluarkan secara bulanan kepada industri pelancongan antarabangsa;
- (vi) penempatan serta pengedaran risalah kebudayaan, kembara dan tarikan alam semula jadi di pasaran antarabangsa melalui pejabat-pejabat luar negeri *Tourism Malaysia* dan agensi-agensi pelancongan. Risalah-risalah berkenaan diterbitkan di dalam bahasa Inggeris, Jepun, China, Arab dan Korea.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui *Tourism Malaysia* akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi promosi bagi memastikan negeri Sabah dan Sarawak sebagai destinasi pelancongan yang popular di kalangan pelancong asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada hari ini.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[31 Mac 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah iaitu Usul Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum itu saya ingin menyarankan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri akan dibahaskan di Dewan ini selama 10 hari dan pihak menteri akan menjawab selama lima hari.

Namun begitu, perbahasan adalah terhad, mengambil masa yang saya katakan tadi. Buat peringkat ini saya ingin menyatakan bahawa ahli-ahli mestilah tidak mengambil masa terlalu lama untuk membahaskan perkara ini kerana lebih lama Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil masa, lagi kurang ahli yang lain dapat berkesempatan untuk berbahas perkara ini. Mungkin kemudian, usaha ini akan dapat mengehadkan masa setiap Ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Jadi sekarang saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan.

11.05 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, komposit Kuala Lumpur yang menjunam sedikit semasa Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen Jumaat lepas, merupakan satu tanda mengenai respons yang bercampur aduk dan bercanggah yang dicetuskan oleh Rancangan Malaysia Kesembilan di kalangan rakyat Malaysia. Reaksi yang saling bertentangan ini mungkin dapat dilihat dengan jelas dari dua respons yang berikut.

Yang pertamanya ialah satu rencana komen surat khabar pada hari Sabtu yang memuji Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai dokumen bersejarah, yang akhirnya menunaikan janji dan rancangan pembaharuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setelah 30 bulan berlepas. Dalam menghuraikan Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai dengan izin, *a blueprint not merely for the next five years, but for the next few decades* biarpun bahawa dengan komen yang berkenaan mengisytiharkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan izin, *has set motion to reforms that will reverberate for generations to come.*

Kebanyakan rakyat Malaysia bagaimanapun, gagal mengesani sebarang petanda pembaharuan dari Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Tidak rasa kesan *seismic* ini. Memang wujudnya banyak *hype*, tetapi sekiranya rakyat Malaysia ditanya, apakah berbeza Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan lapan atau tujuh rancangan-rancangan lima tahun yang lepas yang telah dibentangkan dan dilaksanakan sepanjang hayat mereka. Saya rasa kita tidak akan mendapat apa-apa jawapan.

Tetapi memang wujud ramai rakyat Malaysia yang masih berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan menunaikan janji dan rancangan *reform* menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerana ramai yang melihat peluang ini sebagai peluang terakhir bagi beliau untuk menunjukkan iltizam dan komitmen politiknya *'walk the talk'* dan menerajui sebuah pentadbiran yang bersih, tidak korup, *accountable*, telus, dipercayai, cekap dan profesional. Mencipta sebuah negara yang benar-benar bersatu padu, adil, progresif dan kaya. Malangnya harapan ini telah berkecai.

Berikut merupakan *e-mail* yang menyuarakan rasa sedih dan hampa sehingga merasa putus asa oleh seorang rakyat patriotik menaruh harapan besar supaya Yang Amat Berhormat dan Malaysia akan berjaya dalam era cabaran globalisasi ini dan dengan izin, saya baca *e-mail* ini.

"We cry for Malaysia because it is doomed to a fate as a mediocre nation. 200 billions allocated for development under The Ninth Malaysia Plan but it is not likely to kick start the nation to achieve bangsa Malaysia by 2020 for the following reasons:

Pak Lah has decided to take the advice of kris-waving UMNO Youth to extend the NAP to 2020 which is a great misfortune because NAP had been dragging the economy compare with South Korea, Taiwan, Hong Kong, Singapore and Japan and we have a mediocre economy.

The Ninth Malaysia Plan will be handicapped by a culture of corruption, with mediocre democracy, mediocre with transparency, with mediocre press freedom, with mediocre rules of law, with mediocre freedom of religion, with mediocre national unity and so on. The song like

Cry for Argentina was born out of suffering and misery of the people of Argentina and it is poignancy was stopped and reverberated all over the world. The NAP will be a milestone around the neck of Malaysia. We must cry for Malaysia because we will be condemned to a culture of mediocrity, culture of corruption, culture of mediocre democracy and mediocre economy”.

Tuan Yang di-Pertua, penulis rencana komen yang bertajuk “*From Short Term Lucre to Long Term Out Wealth Younger*”, saya sebut yang pertama merupakan salah seorang ahli penting dalam ‘*kitchen* Kabinet’ Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu menantunya dan juga Timbalan Ketua UMNO Khairy Jamaluddin.

Sementara *e-mail* berkenaan adalah dari seorang negarawan Malaysia yang berumur 81 tahun, Ahli Parlimen lima penggal dan pengerusi pengasas DAP, Dr. Chen Man Hin.

Sekiranya Parlimen kita ingin memainkan peranan *sound-bound* negara, ia mestilah mengizinkan segala pandangan dan respons sama ada positif atau negatif terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan dan misi negara disuarakan secara terbuka dan bukannya menyekat perbahasan yang mengandungi kritikan dan pandangan yang berbeza hanya kerana Barisan Nasional menguasai 92% dari kerusi di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya saya ingin mendengar *the sense* dari Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional serta UMNO kerana saya percaya pandangan semacam ini memang wujud, pandangan yang berbeza dari apa yang dikomen oleh Khairy Jamaluddin dalam rencananya, khususnya mengenai apa yang dikatakan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan, dengan izin, *makes a clean break from the errors of the past*.

Dan, apabila beliau mengisytiharkan bahawa berakhirnya, dengan izin, “*the outmoded thoughts and strategies of the economic bureaucracy*”, serta bahawa tirai kini sedang menutup bagi segala *rentier capitalism that characterized some of the earlier NEP type programmes*. Satu ayat dalam rencana berkenaan telah menarik perhatian saya dan saya rasa juga menarik perhatian ramai orang di mana Khairy berkata dengan izin, “*Through the fiscal discipline of the last few years, the government has created a war chest to turn its ideas into a reality*”. Apakah *war chest* yang dimaksudkan ini? Adakah ia mempunyai kerajaan UMNO ataupun beberapa individu UMNO terpilih? Adakah kita ini berbalik kepada zaman dahulu di mana kerajaan tidak membezakan antara sempadan kepentingan negara, parti dan individu sebagai entiti-entiti yang berlainan, sama ada dalam segi perkembangan kepentingan politik UMNO atau dalam usaha membantu kepentingan *corporate* atau individu terpilih yang terdiri daripada pemimpin UMNO sendiri?

Dalam ucapan pembentangannya pada Jumaat lepas, Yang Amat Berhormat menyentuh mengenai Wawasan 2020, katanya perenggan 9,

“Kita perlu bertindak pantas, hanya 15 tahun sahaja yang tinggal antara sekarang sehingga 2020. Kita perlu menjadikan tempoh 15 tahun ini tempoh yang paling produktif dan paling bermakna demi mencapai cita-cita kita. Kita mesti menjadikan 15 tahun ini, tahun-tahun yang terbaik dalam usaha kita untuk berdiri megah pada tahun 2020 nanti, mengumumkan bahawa wawasan yang kita gagasan telah tercapai.”

Dan, perenggan 96,

“Rakyat mahu melihat keazaman politik dan ketegasan kerajaan melaksanakan rancangan ini sebagai langkah pertama misi nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.”

Dan, perenggan 107,

“Rancangan Malaysia Kesembilan membuka ruang untuk kita mengenal pasti apa yang telah kita capai, mengenal pasti kelemahan dan seterusnya untuk meletakkan kita di landasan perjalanan mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.”

Misi nasional menyediakan perspektif jangka panjang dirangka bagi menghasilkan prestasi yang lebih baik dan meningkatkan impak daripada gabungan usaha pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya pandangan ini. Kita perlu bertindak pantas sekiranya kita mahu mencapai Wawasan 2020. Kekosongan kerusi Naib Canselor Universiti Malaya yang berlaku semasa dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan serta misi nasional ini berikutan dengan tamat tempoh kontrak bekas naib canselornya yang penuh kontroversi Prof. Datuk Dr. Hashim Yaacob merupakan ujian pertama dan kritikal kepada kerajaan sama ada ia mempunyai iltizam politik serta kesediaan untuk *walk the talk* dan melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan dan misi nasional 15 tahun dari 2006 ke 2020 untuk membina minda kelas pertama dan memupuk *towering* rakyat serta institusi Malaysia melalui pelantikan seorang ahli akademi yang berkelas dunia sebagai Naib Canselor Universiti Malaya.

New Straits Times melaporkan pada hari Khamis yang lepas bahawa Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, CEO Lembaga Akreditasi Nasional (LAN) merangkap presiden NCWO, dengan izin, "*Will create history this week when she becomes the first woman vice chancellor*", tetapi laporan ini telah dibuktikan silap kerana Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Mohamed Razali Agus pula yang telah dilantik sebagai pemangku NC selama sebulan sementara Kementerian Pendidikan Tinggi memutuskan calon baru.

The Star melaporkan bahawa tiga wanita merupakan antara calon-calon untuk mengambil alih jawatan NCUM. Mereka adalah Dr. Sharifah, Prof. Dr. Mahani Zainal Abidin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Bahagian Pengurusan dan Datuk Rafiah Salleh, Pengarah Eksekutif Internasional *Center for Leadership in Finance*.

Pelantikan seorang naib canselor wanita ke universiti awam merupakan pencapaian penting dalam segi gerakan penyamarataan jantina dan menandakan satu lagi usaha memecah *glass ceiling* untuk kaum wanita di Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bagaimanapun, isu dalam soal pelantikan naib canselor baru Universiti Malaya ini adalah lebih besar dari isu memecah *glass ceiling* untuk kaum wanita, kerana ujian di sini adalah sama ada kerajaan mempunyai iltizam serta semangat politik untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan dan misi nasional yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jumaat lepas. Yang Amat Berhormat berkata bahawa, saya petik, "Rakyat adalah aset negara paling berharga dan menghuraikan bahawa pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga sebagai salah satu cabaran terbesar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan".

Beliau berkata, "Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan bukan lagi satu kemewahan".

Tuan Yang di-Pertua, ini memang bernas tetapi cukuplah dengan kata-kata, ini adalah masa untuk *walk the talk*. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi bersedia untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa pilihan atau *select committee* yang bebas untuk memilih seorang ahli akademik berkelas dunia, tidak kira ia Melayu atau bukan Melayu, lelaki atau wanita untuk menjadi Naib Canselor Universiti Malaya yang baru, yang membuktikan bahawa kerajaan mempunyai iltizam dan semangat politik yang diperlukan untuk *walk the talk* dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini demi memupuk minda kelas pertama, dan memulihkan status Universiti Malaya sebagai universiti yang dikenali sebagai bertaraf dunia, sebagaimana statusnya dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya merasa terkejut dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang gagal berterus terang dalam ucapannya, yang berkeras mendakwa bahawa Malaysia sedang menuju atau *on track* ke arah Wawasan 2020 untuk mencapai status negara maju kerana beliau sepatutnya lebih sedar bahawa Malaysia sebenarnya telah *off track*, bukan *on track* tetapi *off track* dari matlamat mencapai status

negara maju pada tahun 2020. Melainkan sekiranya kita mencontohi teladan Selangor yang berani mendakwa dirinya sebuah negeri yang maju sepenuhnya sedangkan ia hanya tersenarai di tempat keempat selepas Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka dalam indeks komposit pembangunan mengikut negeri 2006 dalam *table 17/1* dengan air berbau buruk yang mengalir dari paipnya di Lembah Kelang.

Tempoh 30 tahun Wawasan 2020 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju telah pertama kalinya diisytiharkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Muhammad dalam ucapannya *The Way Forward* di mesyuarat pertama Majlis Perniagaan Malaysia pada 20 Februari 1991. Matlamat Wawasan 2020 adalah berlandaskan pertumbuhan ekonomi purata 7% setahun selama 30 tahun. Mencapai pertumbuhan KDNK dua kali ganda setiap dekad di antara 1990 ke 2020 dengan jumlah KDNK lapan kali lebih besar pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 1990.

Mengikut *outline* perspektif pelan tiga tahun 2001, Malaysia masih *on track* untuk mencapai status negara maju pada 2020. Sungguhpun ekonomi kita terjejas berikut dengan krisis kewangan serantau dalam tahun 1997, pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka mencapai purata 7.5% setahun dalam dekad kedua Wawasan 2020 meningkat dari jangkauan 7% di bawah *outline* perspektif pelan kedua ialah 1991 ke 2000. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaporkan bahawa negara kita hanya mencapai pertumbuhan KDNK purata sebanyak 6.2% dalam 15 tahun lepas, iaitu dari 1991 ke 2005 dan sasaran pertumbuhan KDNK purata sebenar dalam jangka masa lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah 6% setahun.

Ini bermakna bahawa untuk mencapai objektif wawasan 2020 yang memerlukan pertumbuhan KDNK melipat kali ganda setiap 10 tahun dan lapan kali lebih besar dari tahun 1991 pada tahun 2020. Malaysia kini menghadapi cabaran yang sungguh besar iaitu mencapai kadar pertumbuhan purata 11.8 peratus setahun sepanjang tempoh dekad ketiga wawasan 2020.

Dari tahun 2011 ke 2020 satu cabaran yang tidak mungkin di atasi, *this impossible*. Ini bermakna wawasan 2020 bukan sahaja telah *off track* dalam dari segi objektif pertumbuhan ekonomi malah ia telah gagal dalam sembilan cabaran dan objektif strategiknya. Saya tidak bercadang untuk menyenaraikan secara terperinci. Sembilan cabaran strategi utama yang disebut oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang perlu diatasi oleh Malaysia sekiranya negara ini ingin mencapai status negara maju. Negara yang bersatu padu, masyarakat Malaysia yang yakin diri berpandukan nilai-nilai moral dan etnik sebuah masyarakat yang demokratik, liberal dan bertoleransi, penyayang adil dan saksama dari segi ekonomi progresif dan kayu maju serta ekonomi yang berdaya saingan, dinamik bersemangat dan tahan lasak.

Bagaimana pun boleh dikatakan bahawa dalam menghadapi setiap satu cabaran strategi ini wujudnya kedua-dua ciri-ciri mundur dan maju "*regression and progress*". Di setiap kes yang dikaji kesimpulan sama ada kita telah bergerak ke depan mundur ke belakang merupakan isu yang boleh dipertikaikan satu yang sangat *contentious*. Soalan ini boleh digambarkan menerusi kejadian-kejadian terbaru yang berikut :-

Pertama, kaji selidik pendapat umum yang dilakukan oleh Merdeka *center for opinion research* mengenai isu perhubungan kaum yang telah mendedahkan bahawa:

- (i) sungguhpun peratus dari *respondent* berkata mereka merasa bangga sebagai rakyat Malaysia, hanya 45 peratus yang menganggap diri mereka sebagai pertama sekali rakyat Malaysia;
- (ii) 42 peratus menganggap diri mereka pertama sekali sebagai ahli dari kumpulan etnik masing-masing sementara 12 peratus menganggap diri mereka sebagai sama rata sebagai rakyat Malaysia dan ahli kumpulan etnik mereka sendiri;
- (iii) stereotaip negatif mengikut kaum masih berleluasa. 58 peratus kaum Melayu, 30 peratus kaum China dan 43 peratus kaum

yang diselidik bersetuju bahawa pada amnya kebanyakan orang Melayu adalah malas;

- (iv) 71 peratus kaum Melayu, 60 peratus kaum China dan 70 peratus kaum India bersetuju bahawa pada amnya kebanyakan orang China adalah tamak. Tak ada respons;
- (v) 64 peratus kaum Melayu, 58 peratus kaum China dan 20 peratus kaum India bersetuju pada amnya kebanyakan kaum India tidak boleh dipercayai. Ya....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa yang saudara cakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biar Ipoh Timor teruskan ucapanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya boleh

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak, tidak. *I want to do some clarification*, dari segi ekonomi dia. Tadi Yang Berhormat kata sudah *off track*. Dahulu tujuh peratus, ke enam peratus. Yang Berhormat dalam sektor ekonomi kita terpaksa melihat dua-dua, tiga faktor *important*. Yang pertama faktor di seluruh negara itu penting. Kadar nilai wang itu penting. Kalau kita *target* 6 peratus bukan bermakna kita *off track* daripada 7 peratus kerana bila kita set wawasan 2020 tahun 1991 kadar perindustrian pada tahun itu adalah hanya untuk *just for industrialisation, we are moving from agriculture to the industrialisation*, dengan izin. Tetapi, dengan globalisasi dan seterusnya dengan perkembangan kadar ekonomi tahun demi tahun ini bermakna enam peratus juga *enough because*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat minta penjelasan atau ..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya minta penjelasan. Kalau tak tahu jangan cakap? Saya tahu cakap, dia apa tahu? Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya Yang Berhormat tak faham apa saya cakap, bahawa, *you* tak faham apa saya cakap bahawa itulah matlamat visi 2020, ini bukan apa sebab yang diberi kita boleh bincang mengenai sebab-sebab itu tetapi perkataan ini bererti bahawa matlamat dan visi 2020 mengenai ada pertumbuhan sudah gagal *off track*, selain daripada kata bahawa inilah tidak realistik kita boleh bincang sama ada apa Yang Berhormat kata benar atau tidak benar bahawa perubahan ekonomi daripada pertanian *based* kepada perindustrian *based* sekarang kepada *knowledge based*. Sebenarnya apabila kita sudah buat transisi ini pertumbuhan patutlah lebih pantas. Itulah oleh kerana kita ada satu lonjakan pertumbuhan. Satu lagi sebab kenapa kegagalan untuk mencapai Wawasan 2020 *off track* ini dan kalau kita mahu menunaikan objektif itu dekad yang ketiga kita perlu mencapai pertumbuhan ekonomi setiap tahun 11.8 peratus. Saya percaya Yang Berhormat bersetuju, *impossible*, tentu *impossible*. Kalau dan kalau *impossible* tentu...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh saya memberi penjelasan sedikit..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:itu akan gagal. Ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dulu kita tujuh peratus, *let said* sebagai contoh *its 500 billion per year* okey, dulu ya, dulu. Sekarang ini mungkin kita ada tujuh, *seven hundred billion per year, six percent grow of seven hundred per year is more than five hundred per year* itu *mathematic calculation, the GDP calculation*. Itu saya maksudkan so bagi saya kadar itu tidak begitu penting, yang penting ialah pertumbuhan ekonomi itu adalah berasas kepada kek ekonomi itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita bincang perkara-perkara lainlah. Dua-dua isu, dua-dua isu, *'use your brain'*. Jangan lari daripada... Saya hairan kenapa Yang Berhormat bagi Puchong tak berani untuk menghadapi satu hakikat bahawa wawasan 2020 sudah *off track* tak tahulah untuk mereka

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cameron Highlands, bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cameron Highlands, bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Minta laluan, minta laluan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Ketua Pembangkang. Saya nak tanya adakah *consensus* mengikut *stereo typing*, mengikut kaum 1,113 orang telah ditemu duga melalui telefon dan disiarkan dalam surat khabar yang mengatakan Melayu malas peratusan tinggi. Orang China tamak dan juga orang India ini tidak boleh dipercayai. Bolehkah Yang Berhormat menerima hakikat bahawa 1,113 orang yang memberi pandangan merupakan asas kepada pandangan yang dikatakan tadi dan adakah Yang Berhormat setuju bahawa Yang Berhormat sendiri sebagai orang China seorang yang tamak. Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya rasa kita tidak perlu 100 peratus terima, tapi kita tidak boleh 100 peratus tolak. Itulah berasas *opinion* pun, kita perlu ambil perhatian yang serius. Itulah sikap yang patut mengadakan dan itu patut menjadi input dalam perbincangan dan *deliberation* kita. Tentu, saya tidak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bersetuju dengan sikap Yang Berhormat daripada Cameron Highlands bahawa kita tolak 100 peratus *opinion* itu, langsung kita tidak peduli. Saya rasa ini perlulah menjadi bahan untuk kita pertimbangan yang serius. Setuju, tidak setuju. Setuju, tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor! Sudah habiskah? Ucapan habiskah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum lagi, ada ganggu. Saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cabar, mereka ganggu bukan mereka suka ganggu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Keduanya, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa polarisasi etnik masih berleluasa di sekolah, tempat-tempat kerja dan di kalangan masyarakat. Mengesahkan kenyataan baru-baru ini yang dibuat oleh Profesor Khoo Kay Kim dikatakan sebagai salah seorang arkitek Rukun Negara bahawa perhubungan kaum antara rakyat Malaysia kini berada pada tahap paling lemah selama 40 tahun. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah mengabaikan isu polarisasi kaum di satu sektor yang penting iaitu perkhidmatan awam.

Ketiga, semakin lemahnya perasaan sensitiviti hormat dan ruang bagi rakyat bukan Islam untuk membela hak-hak agama kaum dan budaya mereka sebagaimana yang digambarkan oleh insiden-insiden kontroversi M. Moorthy dan perkara 121A Perlembagaan yang belum diselesaikan, arahan Ketua Polis Negara supaya tudung dijadikan pakaian seragam wajib di upacara rasmi untuk pegawai polis wanita bukan Islam dan malang sekali mendapat sokongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Baru-baru ini Pemuda UMNO Kelana Jaya yang mengeluarkan *ultimatum* kepada Ahli Parlimen MCA bagi Kelana Jaya yang membangkitkan di Dewan ini mengenai isu ketidakseimbangan dalam buku-buku teks Sejarah yang gagal memberikan pengiktirafan dan tempat yang sewajarnya kepada sumbangan oleh semua kaum dalam proses pembinaan negara bantuan sembahyang baru serta masalah yang dihadapi oleh rakyat bukan Islam dalam isu tempat-tempat beribadat.

Saya ingin menegaskan di sini sokongan penuh saya terhadap hak Yang Berhormat bagi Kelana Jaya untuk berdiri di Parlimen dan menyuarakan rasa khuatir serta kerisauan rakyat Malaysia. Saya juga menyokong sepenuhnya keresahan dan legitimasi pelbagai isu yang telah beliau bangkitkan. Saya menyeru supaya semua Ahli Parlimen khususnya dari pihak Barisan Nasional dan UMNO supaya membantah ultimatum dan ugutan yang dikeluarkan oleh Pemuda UMNO Kelana Jaya itu. Ini kerana tindakan itu bukan sahaja merupakan percubaan untuk menghalang Ahli Parlimen daripada bersuara di Parlimen tetapi juga nampaknya berhasrat untuk mengulangi politik keras yang ditunjukkan atas isu tuntutan pilihan raya Jiao Zhong setelah Pilihanraya Umum 1999 termasuk ugutan Pemuda UMNO untuk membakar Dewan Perhimpunan Cina Selangor.

Semasa saya membaca Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya turut tersinggung dengan nada yang semakin tidak sensitif, kurang hormat dan kehilangan ruang yang menjejaskan Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai agama. Keadaan ini menjadi semakin buruk kerana Islam Hadhari nampaknya telah dinaikkan pangkat sebagai rangka kerja pembangunan yang menyeluruh dan sejagat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah habiskah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Promoting Islam Hadhari as a comprehensive an universal development framework for the nation, dengan izin. [Disampuk]* Saya tidak membantah Islam Hadhari. Saya tidak membantah Islam Hadhari atau sepuluh prinsipnya yang ada dalam *box* itu yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berlandaskan

- (i) keimanan dan ketakwaan kepada Allah;
- (ii) kerajaan yang adil dan beramanah;
- (iii) rakyat berjiwa merdeka;
- (iv) penguasaan ilmu pengetahuan;
- (v) pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif;
- (vi) kehidupan berkualiti;
- (vii) perlindungan hak kumpulan minoriti dan wanita;
- (viii) keutuhan moral dan budaya;
- (ix) pemeliharaan alam semula jadi; dan
- (x) kekuatan pertahanan.

Walau bagaimanapun, apabila Islam Hadhari dinaikkan pangkat dan status, dan menjadi prinsip arahan negara atau *directive principal* untuk semua rakyat Malaysia tanpa kira agama dan bukannya dihadkan kepada masyarakat Islam, satu prinsip penting mengenai pentadbiran demokratik atau *democratic governors* telah berbangkit.

Pertamanya, ia bertentangan dengan prinsip pertama Rukun Negara. Ini ialah bertentangan dengan Rukun Negara prinsip pertama yang pun dalam buku ini. Kepercayaan kepada tuhan, menghormati dan mempertahankan ciri-ciri dan nilai-nilai Malaysia yang pelbagai agama serta kontrak sosial Perlembagaan Merdeka 1957 yang mengesahkan bahawa Islam sebagai agama Persekutuan tetapi Malaysia merupakan sebuah negara sekular dan bukannya negara Islam.

Keduanya, sekiranya Islam Hadhari akan turut menjejaskan kehidupan rakyat Malaysia bukan Islam, turut mempengaruhi kehidupan rakyat Malaysia bukan Islam. Adakah mereka turut dibenarkan untuk menyertai proses membentuk, memajukan dan membina 10 prinsip-prinsip yang terlibat. Kalau masyarakat bukan Islam pun terikat, adakah mereka hak demokratik untuk ambil bahagian mengenai penggubalan perkembangan pemindaan Islam Hadhari.

Ketiga, adakah kenaikan pangkat Islam Hadhari sebagai prinsip negara dan rangka kerja pembangunan yang menyeluruh dan sejagat telah di bincang, di bahas secara menyeluruh dan diluluskan oleh Kabinet dan mendapat sokongan sepenuhnya dari menteri-menteri Kabinet bukan Islam. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada di sini. Adakah beliau memberi sokongan 100% kepada perkara ini bahawa Islam Hadhari menjadi *directive principal* dalam dokumen pembangunan untuk semua rakyat bukan sahaja terhad kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam.

It effected everyone atau ini tidak pernah dibincang dalam Kabinet. Ini adalah *head of company....*, seperti Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan minggu lalu bahawa sama ada perkara 121(1A) dipinda dalam Perlembagaan tidak perlu di bincang dan diputuskan oleh Kabinet. Perdana Menteri sendiri sudah cukup untuk buat keputusan? Adakah Yang Berhormat pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional atau PPP yang ada di sini juga bersetuju Islam Hadhari sekarang di

elevated sebagai *governing principal, directive policy* untuk semua aspek dasar-dasar kerajaan. Adakah setuju? Kenapa duduk sana? Ada dua tokoh-tokoh komponen Barisan Nasional di sini adakah setuju?

Datuk M. Kayveas: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, boleh.

Datuk M. Kayveas: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa 100% rakyat Malaysia sudah bersetuju bahawa DAP adalah salah satu parti sudah gagal sebagai parti pembangkang? [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inilah mentaliti seorang yang masih tidak boleh harap menjadi menteri. *Ambition* politiknya ialah mahu menjadi menteri sahaja.

Datuk M. Kayveas: DAP sekarang sudah jadi 'NATO'....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu dia boleh....

Datuk M. Kayveas:masih NATOlah. *No action, talk only.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baru boleh kacau, kacau sahaja. Mengacau-bilau di sini. Tetapi tidak berani untuk membuat kenyataan. Adakah beliau memberi sokongan atau tidak? Kenapa tidak berani? Kata sahaja pendirian! Bersetuju kata bersetuju, tidak bersetuju kata tidak bersetuju! Ini pun tidak berani. Kalau tidak berani apa guna duduk dalam Dewan yang mulia ini? Keluarlah! Ini *simple*! Beranikah kata adakah setuju atau tidak setuju? Adakah tahu atau tidak tahu? Sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa Islam Hadhari sudah menjadi satu *overall directive government principal* untuk semua rakyat tidak kira apa agama. Adakah tahu? Adakah setuju? Duduk sahaja, diam. Duduk sahaja, diam. Ada berani?

Datuk M. Kayveas: Setuju apa? Awak fahamkah apa awak cakap?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya faham!

Datuk M. Kayveas: Awak Ketua Pembangkang awak tidak tahu apa awak cakap. Bentanglah RMK-9, jangan pergi isu-isu lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: RMK-9! Saya baca....

Datuk M. Kayveas: Satu-satulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:daripada RMK-9.

Datuk M. Kayveas: Ikut satu-satu. Jangan pergi sana sini sampai orang pun tidak tahu apa you cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inilah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya baca daripada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk M. Kayveas: *You* ada bacakah? Ada masa hendak bacakah? Dalam masa 48 jam, apa *you* baca? Ambil buka *page* ini, *page* itu cakap Islam Hadhari sahaja. Cakaplah isu dalam sana!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan yang....

Datuk M. Kayveas: RM200 juta ada sanalah! Cakaplah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:cakap setuju atau tidak bersetuju, tidak berani kata dia setuju atau tidak setuju. Dia mahu elak daripada isu itu sahaja. Itu menunjukkan bahawa bukan sahaja Yang Berhormat seorang yang tidak ada prinsip, partinya juga tidak ada prinsip.

Datuk M. Kayveas: Setuju tidak setuju apa? Saya setuju pembangkang itu tidak boleh pakai lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan...

Datuk M. Kayveas: Balik! Tidak boleh pakai! Kerusi pun tidak ada cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini ialah sama ada Islam Hadhari menjadi *directive principal* adakah PPP setuju, adakah semua parti komponen bersetuju khususnya parti-parti bukan Islam Yang Berhormat Menteri ada beri nasihat, jawablah. Terima nasihat, berdiri jawab atau nasihat itu tidak guna.

Datuk M. Kayveas: 100% rakyat Malaysia setuju, DAP tidak boleh pakai sebagai parti pembangkang lagilah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah.....

Datuk M. Kayveas: Kasi peluang kepada Keadilan atau PAS lagi baik!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mungkin sebab itu Yang Berhormat sungguhpun seorang peguam seorang yang begitu tidak berguna. Soalan yang sangat tepat tidak mahu jawab, mahu lari sahaja. *We are giving you a chance, answer!* Adakah setuju atau adakah tahu sebelum ini di bentang dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini yang mustahak, ini yang mustahak. Oleh sebab ini menyentuh hak-hak semua rakyat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya, penjelasan di sini, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Setujukah sikap yang ditonjolkan tadi, merupakan pemimpin-pemimpin ataupun politician yang ada tulang belakang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah, berani berdiri tetapi tidak berani untuk mengatakan kenyataan pendirian parti atau sendiri. Keberanian ini, Ini bukan satu isu saya. Ini bukan isu DAP. Ini isu negara. Isu semua rakyat Malaysia. Kenapa? Kenapa Islam Hadhari sekarang sudah menjadi *directive principle* untuk semua rakyat Malaysia? Adakah, adakah menteri-menteri bukan Islam semua bersetuju atau tidak perlu mereka bersetuju?

Datuk M. Kayveas: Okey, Yang Berhormat pembangkang, Ketua Pembangkang, cakaplah, apa salah? Bagi tahulah kita apa salah dalam itu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Prinsip *democratize governance* ialah kalau...

Datuk M. Kayveas: Kalau kita setuju, tidak setuju, beritahu kepada kita? Beri penjelasan apa salah dalam Islam Hadhari? Beritahu apa ada kesalahan dalam Islam Hadhari? Beritahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi saya sudah kata, Yang Berhormat tak faham. Saya kata bahawa *a basic principle*...

Datuk M. Kayveas: Faham dululah Islam Hadhari. Faham dulu, *you* tak ada faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat tidak faham. Itulah..

Datuk M. Kayveas: *You* tak ada faham, *you* mahu cakap. Setuju tak setuju, apa setuju, apa tak setuju? Awak fahamkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sampai sekarang, berani kata setuju, tak setuju. Ini nampaknya..

Datuk M. Kayveas: Bagi penjelasan apa yang tak baik dalam Islam Hadhari itu, beritahu kita!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini merupakan satu *quantum shift* dalam asas pembinaan negara. Daripada satu apa yang dipersetujui dalam sosial kontrak, bahawa negara ini ialah sebuah negara sekular. Kita mengakui bahawa Islam agama rasmi, tetapi, Malaysia bukan *Islam state*. Tak faham ini? Nampaknya ini subversif di mana Islam Hadhari telah menjadi satu.

Datuk M. Kayveas: Negara ini bukan Islam *instead* itu. Selain daripada apa itu Islam Hadhari. *You* faham dulu apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Quantum shift*. Itulah *quantum*..

Datuk M. Kayveas: Kalau faham, cakaplah. Ini *shift*, itu *shift*. Apa *shift*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Cukuplah. Cukuplah. Balik kepada tajuk yang lainlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah menunjukkan dia bahawa tidak dihubungi, dia tidak perlu mendapat persetujuan daripada beliau. Daripada parti beliau, dan sebab itulah dia tidak berani kata pendirian beliau sendiri. Tapi ini, satu isu yang penting. Petak satu memberikan penjelasan berikut mengenai Islam Hadhari. Islam Hadhari bukan merupakan agama baru.

Ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ia juga bukan merupakan ajaran yang baru ataupun mazhab yang baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk menggalakkan rakyat berpegang kepada prinsip asas seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis yang merupakan asas tamadun Islam. Itu untuk rakyat beragama Islam. Kenapa ia diperluaskan sekarang untuk melibatkan rakyat Malaysia yang bukan Islam.

Kenapa parti-parti komponen dalam Barisan Nasional, menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri setuju atau tidak berani untuk mengeluarkan pendapat mereka mewakili rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berbilang agama. Kepada mereka apa yang lebih mustahak ialah terus dengan status dan jawatan, sungguhpun baharulah untuk timbalan menteri sahaja. Untuk jawatan itu, beliau rela berkorban segala kepentingan dan hak rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sudah berkorban, sudah menggadai..

Datuk M. Kayveas: Tak apa you duduk, saya nak minta penjelasan. Duduk, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada hak untuk panggil saya duduk! Saya ada hak panggil Yang Berhormat duduk!

Datuk M. Kayveas: Awak nak bagi peluangkah tak mahu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You*, mahu tanya dulu?

Datuk M. Kayveas: *You* mahu bagi? Berani bagi? Beranikah bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu minta izin daripada saya. Kalau dengan..

Datuk M. Kayveas: Saya tidak perlu minta izin, saya minta izin sanalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Awak beranikah ke tak berani? Tidak berani, cakaplah. Duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan bukan berani, tidak berani. Soalan ialah Yang Berhormat tanggung jawab atau tidak bertanggung jawab. Kalau tidak mahu menunjukkan sikap tidak bertanggung jawab, tadi awak memberi.

Datuk M. Kayveas: Tadi awak meminta, setujukah tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mahu lawankah?

Datuk M. Kayveas: Tapi bila orang mahu cakap, kenapa *you* tidak mahu bagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu minta. Dia mahu jawab tepat. Dia tidak mahu *run all of the world*.

Datuk M. Kayveas: Masuk topiklah. Jangan keluar daripada

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, saya bagi dia satu *chance*. Sama ada bila parti beliau adakah sokong, adakah diberi peluang untuk memberi pandangan atau langsung tidak perlu? Okey, saya bagi dia.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tiga tahun dahululah saya ada buat satu ucapan. Ucapan dasar apabila Perhimpunan Agung PPP. Dalam ucapan saya, saya ada sebut untuk kita, satu kita, satu kita ada status bumiputera, bukan bumiputera. Satu, kita ada hak orang Melayu.

Dalam ucapan saya, untuk integrasi kaum Malaysia ini, apabila kita ke arah Wawasan 2020, saya ada buat cadangan. Semua rakyat lahir selepas 1957, iaitu selepas merdeka, bagi hak bumiputera. Sampai sekarang, DAP punya mulut pun tak buka, apa pun tak cakap. Itu satu perkara yang saya bangkit. *You* cakap berani, tidak berani. Saya ada sebut perkataan itu sebagai parti dalam Barisan Nasional. Apa Pembangkang punya kedudukan? Mulut pun tidak buka, apa pun tidak ada cakap. Tidak berani, takut! Takut masuk ISA! Tapi saya berani cakap, apa you punya pandangan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia betul-betullah, *clown*lah. Betul-betul *just now, clown*. *You* ada

Datuk M. Kayveas: *Clown* itu awaklah. *Clown*. Tidak boleh jawab. Kata saya macam *clown*. Ini semua. Bila tidak boleh jawab, pandai kata perkataan *clown*lah. Inilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak ada, yang pertama, nanti...

Datuk M. Kayveas: Awaklah *clown*!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada hak untuk tukar faktor ini.

Datuk M. Kayveas: Awak *clown* yang banyak besar. Tipu rakyat ini pembangkang!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tak betul. Apa tipu ini?

Datuk M. Kayveas: Tipu rakyat ini pembangkang!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri pandai tipu rakyat.

Datuk M. Kayveas: Publisiti punya isu, dia mahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pandai ... hak rakyat.

Datuk M. Kayveas: Ada isu yang boleh bela rakyat, dia tidak mahu, dia takut! Penakut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk M. Kayveas: Sebutlah *you* punya pandangan. *You* setuju dengan sayakah? Tidak boleh setuju, takut, penakut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang pertama...

Datuk M. Kayveas: Balik pakai sarunglah, atau sarilah atau cheongsamalah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat menteri sudah lari daripada isu Islam Hadhari. Kedua...

Datuk M. Kayveas: *You* cakap isu Belakang *you* cakap isu apa? Isu *back born* kah? *Dog born*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kedua..

Datuk M. Kayveas: *You* mahu tunjuk siapa ada *back born* kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tengok *back born* lah.

Datuk M. Kayveas: Oh, tengok *back born*. Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kedua.

Datuk M. Kayveas: Pakai sarilah awak! *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini? Dia, dia, jangan tak siuman ya? Jangan tak siuman. Mengenai isu bahawa mengapa semua rakyat Malaysia ini sebagai Malaysian sudah berhenti memisahkan rakyat antara bumiputera dan bukan bumiputera. Kita sini, sudah berkali-kali berdiri untuk ucap dalam Parlimen ini daripada 70-an. Baca buku saya, *Time bomb* se Malaysia. Baca buku.

Datuk M. Kayveas: Lima tahun tidak ada dengar, *you* cakaplah! Jangan ceritalah. Baca buku saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baca saya, baca saya, *Crisis Identity*. 70-an, saya sudah ucap dalam Parlimen ini. Masa itu Yang Berhormat tidur. Apa yang Yang Berhormat cakap, saya sudah cakap 30 tahun, 40 tahun. Apa tidak berani? Saya sudah dua kali sudah masuk ISA! Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berani masuk ISA? Kalau berani masuk ISA, ...

Datuk M. Kayveas: Itu bukan berani masuk ISA. Itu bodoh masuk ISA!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak berani buat pendirian! Itulah,

Datuk M. Kayveas: Masuk ISA itu bukan berani! Itu bila sahaja bodoh sikit, masuk ISA.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dapat ada sedikit *immunity* sahaja.

Yang Berhormat Kepong: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya? Dia bodoh? Oh ya? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menyampuk]*

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Mewakili awak dengan Perdana Menteri untuk mengeluarkan awak. Tahukah? Prinsip-prinsip dalam ini, kita sudah ada dalam Barisan Nasional. Apakah perkara-perkara yang kita bincang di antara kaum-kaum yang sedia ada dalam Barisan Nasional, kita tidak keluarkan itu kepada siapa-siapa. Kita sudah ikut cuma satu prinsip. Janganlah kita, bila kita bincang dalam Parlimen, *you* cabar sama kita. Bagilah tahu, bagilah tahu. Kami ada, kami sudah janji.

Kita parti-parti dalam Barisan Nasional berkenaan dengan kaum kita lawan dalam parti, kita bincang dalam parti, kita suarakan dalam parti, selepas itu kita dapat keputusan daripada Perdana Menteri. Itulah prinsip kita. Bukannya kita mari sini untuk menunjukkan inilah publisiti yang besar. Janganlah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya kata Yang Berhormat mahu berucap berkenaan Rancangan Malaysia Kesembilan, berucaplah. Bila kita duduk sini, you minta dan buat cabaran-cabaran, "bangunlah, bangun". Bila ada erti dalam ucapan, kita terima. Kita terima dalam kepala kita, kita ada kepala tau. Bukan kita tidak ada kepala. *[Ketawa]* Bukan kita tidak ada otak. Kita terima. Mana satu yang baik, kita simpan dalam hati tetapi you cabar kita, kita bukan mahu lawan sama awak di sini oleh kerana ini kita ikut dengan prinsip.

Prinsip Barisan Nasional, apa-apa perkara atau masalah, kita mahu suarakan, kita suarakan dalam prinsip itu dengan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri. Apa yang dibincangkan tidak boleh dikeluarkan oleh kerana kita sudah bersetuju dengan perkara itu. Kita sudah sumpah bahawa perkara-perkara berkenaan dengan kaum, perkara-perkara yang kita lawan berkenaan dengan kaum dalam Parlimen, bukan dalam Parlimen sahaja, dalam Kabinet pun. Kita lebih lama daripada awak, tetapi kita bukan keluarkan kenyataan itu dan menjejaskan keamanan yang sedia ada dalam negara ini. *[Disorak]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada membela kita semasa kita di dalam ISA Kamunting semasa Operasi Lalang. Kalau ada, saya ucap terima kasih tetapi ini pun satu *collective decision* Kerajaan Barisan Nasional. Pada masa itu Yang Berhormat pun seorang anggota di mana rakyat ada hak-hak asasi mereka ada dirampas.

Kedua, saya rasa saya tidak boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri kata apa pendirian parti-parti komponen, menteri-menteri ini semua OSA oleh kerana ada bincang dalam Kabinet. Ini kepentingan orang ramai, *public interest* oleh kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kali yang pertama untuk 40 tahun, ada satu *introduction* di mana Islam Hadhari menjadi satu *governing directive policy*. Adakah ini mendapat persetujuan semua Ahli Parlimen, ahli-ahli Kabinet, menteri-menteri dan semua parti komponen Barisan Nasional? Adakah kita sudah sampai satu keadaan di mana sama ada parti-parti komponen Barisan Nasional dan menteri-menteri, pendirian mereka perlu dirahsiakan.

Kita tidak mahu Yang Berhormat Menteri bongkarkan mengenai butir-butiran, mengenai kontrak, mengenai jumlah wang, mengenai *decays*, tetapi pada prinsipnya adakah Rancangan Malaysia Kesembilan ini di mana Islam Hadhari *elevated* sebagai *overall directive principle*, sudah ada dibincang dalam Kabinet. Adakah dibincang dan diluluskan dalam Kabinet? Itu kita tidak boleh tahu. Rakyat tidak boleh tahu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam itu, apakah pandangan Yang Berhormat, itulah yang patut diberitahu kepada Dewan di mana yang tidak bersetuju, di mana Yang Berhormat percaya dengan prinsip itu, negara ini akan terjejas, mana satu? Beritahu. Ini sudah berapa tahun sekarang? Sudah dekat 50 tahun, kita telah mengikut dengan beberapa prinsip, kita tidak berpecah, kita bersatu-padu. Bila kita tidak bersetuju dengan satu-satu prinsip, kita lawan dalam erti kata kita lawan dengan sahabat-sahabat kita untuk mendapat satu amalan yang baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, apabila Islam Hadhari menjadi *directive principle* untuk semua rakyat, tidak kira agama, ini adalah bertentangan dengan Rukun Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta jalan, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin mencadangkan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak payah cabar-mencabar, yang pertama.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang kedua, perkara... Tidak apa, Yang Berhormat bagi Sri Gading sila duduk. Yang kedua, perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah banyak kali diulang, bererti inilah kebebasan dan peluang telah banyak kali diberikan. Saya fikir tidak apalah kita tunggu sampai masa kerajaan jawab, perkara ini tentu akan diterangkan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cuma...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat beralih kepada tajuk yang lain. Kalau tidak ada, saya bagi peluang kepada orang lain untuk berucap.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sudahlah yang lain isu sensasi, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau kita kata, "Semua orang India bodoh", awak bersetujukah? Saya tanya. Saya tanya 100 orang dalam SMS, 100 orang dalam surat khabar kata, "Bangsa India bodoh" di negara ini, awak bersetujukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya tanya, you jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah perkara ini? Kalau itu 100...

Dato' Seri S. Samy Vellu: You tanya sama saya, adakah saya bersetuju atau tidak? Macam mana DAP, satu parti

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inikah *minister responsibility*?

Dato' Seri S. Samy Vellu: DAP satu parti tidak berucap berkenaan dengan kaum hari ini meminta Dewan yang mulia ini, adakah kita orang India bodoh? Betulkah? Kita bekerja di negara ini 140 tahun...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya!

Dato' Seri S. Samy Vellu: 140 tahun. Bapa saya jadi polis, tahukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan menjadi emosional. Isu ini dengan "orang India bodoh" tidak terikat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tetapi, okay.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan menggunakan isu ini untuk *fly off the tension*.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bila kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Isu Islam Hadhari sama ada patut menjadikan *directive principle* dan isu itu adalah dua isu yang berlainan. Jangan *hop into that issue* supaya boleh...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sekarang kita bukan... Nanti!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...keluar geram. Ini dia bertanggungjawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bukankah Yang Berhormat tadi baca berkenaan dengan SMS dan juga mesej kata...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya kata. Saya kata ini kita perlu ambil perhatian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ada kata 150 orang di negara ini kata, "Orang India bodoh", you bersetujukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya kata inilah ambil perhatian, tidak perlu 100% sokong, tidak setuju tidak perlu pun 100% tolak. Kita perlu timbang dan kaji kenapa berlaku perkara itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat, saya hormat Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang bila-bila masa pun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik. Tetapi jangan kaitkan dua-dua perkara ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang, mesej kecil-kecil itu orang hantar sini sana, bukanlah kandungan untuk berucap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan satu mesej, ini satu *opinion survey*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, sensasi! Sensasi!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bukan kandungan itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *opinion survey* yang menunjukkan satu keadaan selepas separuh abad, keadaan perhubungan kaum di negara kita. Saya akan teruskan. Tetapi apa yang mustahak ialah tanggungjawab setiap menteri untuk beritahu kepada rakyat tentang pendirian mereka, inilah yang tidak boleh disembunyikan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak boleh disembunyikan di bawah OSA. [*Disampuk*] Tidak boleh kata OSA sebab itu. Kita tahu. [*Disampuk*] Apa pendirian? Saya mahu tanya mengenai perkara ini, masih lari.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya ulang saya punya jawapan pun tidak apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak apa, kita bukan cabar-mencabar tetapi kita mahu tahu apa pendirian, kenapa ini boleh berlaku?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat yang cabar dahulu. Cakap sekarang tidak cabar-mencabar. Tadi cabar orang. Ha, takutkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Di sini saya mahu teruskan bahawa dalam kesimpulan ucapan beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata... [*Disampuk*] Menyuarakan harapannya untuk membina tamadun agung yang dihormati....

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:di persada dunia.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Takutkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timorkah?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada minta penjelasan?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, penjelasanlah. Hendak buat penerangan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah. Kalau hendak minta penjelasan boleh, kalau penerangan tidak perlulah... [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu? Mahu ucap? Tidak boleh.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Islam Hadhari.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highland]: Penjelasan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penjelasan Islam Hadhari. Sekarang Islam Hadhari yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kita telah hidup aman damai sejak merdeka. Seluruh rakyat telah menerima lima Perlembagaan menjadi satu pegangan yang diterima tanpa soal jawab. Maka, wujudlah satu keharmonian dari segi bangsa, dari segi agama, di mana agama Islam telah pun diterima oleh semua kaum dan semua bangsa sebagai agama Persekutuan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak bolehlah hendak cabar orang yang bukan beragama Islam terima atau tidak kerana itu sudah diterima. Soal Islam Hadhari ialah salah satu usaha kerajaan yang terkini untuk menjelaskan Islam yang sebenarnya. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kata tadi, bahawa Islam Hadhari bukanlah agama baru, bukanlah mazhab baru, bukanlah kaum baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalnya, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nantilah, saya hendak jelaskan supaya menteri-menteri yang dicabar oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini mendapat keadilan. Apabila Islam Hadhari hanya menerangkan tujuan sebenarnya Islam yang toleransi, yang baik, yang tidak bercanggah dengan Islam, yang diterima sebagai agama Persekutuan, yang diterima oleh semua rakyat, bagaimana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hendak cabar menteri-menteri bukan Islam terima atau tidak terima Islam Hadhari kerana dia sama sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekejap, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Satu kuasa hendak cuba mengapi-apikan orang bukan Islam dengan orang Islam, orang bukan Melayu dengan bukan Melayu, inilah yang dikerjakan oleh DAP tahun 1969, 13 Mei.

Jangan ulang perkara yang boleh menyebabkan keharmonian kaum ini terjejas... [Disampuk] Tidak, saya minta maaf, Ipoh Timor agaknya gunakan kuorum yang kebal ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik sudah Yang Berhormat cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Untuk melahirkan perasaan yang jahat itu. Ini tidak adil, saya minta maaf Ipoh Timor, mari kita duduk dan cakaplah perkara-perkara yang lain... [Disampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti okey! Saya mahu perjelaskan perkara ini bukan sokong, bersetuju atau objek mengenai Islam Hadhari. Isu ialah sama ada ia patut harus menjadi satu *directive principal* dan polisi untuk pembangunan negara, untuk kerajaan negara, untuk semua rakyat Malaysia oleh kerana ini bertentangan dengan prinsip pertama Rukun Negara. Dan, bukan bahawa....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh? Aku hendak potong ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...tadi saya ada kata saya tidak menentang Islam Hadhari atau....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sedikit Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:sepuluh prinsip Islam Hadhari.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat nakal tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: *You* nakal tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *No* pendirian, pendirian. Masalah ialah pendirian parti-parti komponen.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Barisan Nasional, Menteri-Menteri mengenai

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *No*, kalau semua boleh terima Islam apa masalahnya Islam Hadhari?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Islam Hadhari tempat sebagai *directive principal*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor beralih kepada tajuk lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mereka tahan saya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan jadi satu kesalahan. Biar mereka menerima Islam Hadhari kerana telah diterima daripada 1957.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat boleh minta penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kenapa hendak cabar perkara yang telah pun....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik, saya teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:bagi seluruh rakyat. Kalau DAP....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau mereka tidak ada niat yang baik saya akan teruskan bahawa

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita niat baiklah ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Niat yang tidak baik ialah Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kesimpulan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor, Ipoh Timor boleh minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:beliau menyuarakan harapannya untuk membina tamadun agung yang dihormati di persada.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ipoh Timor, boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Malaysia sedang membina sebuah Tamadun Islam atau Tamadun Malaysia.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:yang mengandungi nilai-nilai....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ke takut ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:aripada pelbagai budaya, agama, tamadun....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah lari sudah ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:yang tertumpu di Malaysia tanah air kita semua. Dan, kesemua harapan rakyat Malaysia.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Takutkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:kelima tahun yang dibentangkan sepanjang empat dekad sejak 1966 ke 2005, sikap berhati-hati telah diramalkan untuk menanggalkan sifat perbagai agama di Malaysia. Sungguhpun bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah membuat pengisytiharan 929 secara *unilateral*, sembarangan dan bertentangan semangat Perlembagaan. Pada 29 September 2001....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ipoh Timor, minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak, saya akan habiskan ini dahulu. Dengan mengumumkan di Persidangan Nasional Gerakan bahawa Malaysia telah menjadi sebuah negara Islam. Hakikatnya adalah Malaysia bukanlah sebuah negara Islam tetapi sebuah negara sekular yang menghormati Islam sebagai negara rasmi. Ini jelas termaktub di kontrak sosial serta Perlembagaan Merdeka 1957 dan disahkan oleh tiga bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dasar-dasar serta dokumen-dokumen pembangunan nasional harus mematuhi kata-kata serta semangat kontrak sosial dan Perlembagaan Merdeka 1957 bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara Islam tetapi sebuah negara sekular yang menghormati Islam sebagai agama rasmi sebagaimana yang termaktub dalam dokumen-dokumen pembangunan yang lepas. Seperti Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 ke 2000, saya memetik *paragraph* 104 itulah daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, "Mengekalkan keharmonian antara aspek kebendaan dan kerohanian....."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalabakan bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya habiskan ini.

"Kerohanian dalam pembangunan adalah penting. Pembangunan kebendaan semata-mata dengan mengorbankan keperluan kerohanian ataupun pemahaman agama yang ekstrem akan menjejaskan pembangunan masyarakat Malaysia. Nilai sejagat yang wujud dalam agama Islam seperti amanah, kesederhanaan, sifat bertanggungjawab, ikhlas dan rajin, dedikasi dan disiplin yang juga terdapat dalam kepercayaan lain merupakan kunci ke arah meningkatkan lagi kedamaian dan kemakmuran negara ini. Kesediaan untuk menggunakan sepenuhnya kemajuan ilmu pengetahuan terutamanya pengetahuan saintifik yang merupakan satu lagi aspek yang ditekankan dalam agama Islam adalah perlu bagi pembangunan negara yang pesat pada masa hadapan."

Ini menunjukkan bahawa sampai Rancangan Malaysia Pertama ke Rancangan Malaysia Kelapan adalah satu pendekatan yang *balance*, yang memberi format kepada semua agama yang ada sini mengikut prinsip pertama Rukun Negara itulah perlu dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menghidupkan kembali Dasar Ekonomi Baru dan menunjukkan dari 20 tahun ke 50 tahun Misi Nasional telah membangkitkan kembali satu perkara yang akan menyebabkan perasaan tidak puas hati yang serius di antara bumiputera dan bukan bumiputera serta antara bumiputera yang kaya dan bumiputera yang miskin. Menghidupkan kembali Dasar Ekonomi Baru merupakan laungan perjuangan Ketua Pemuda UMNO, Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta Timbalannya Khairy Jamaludin semasa Perhimpunan Agong Pemuda UMNO bulan Julai tahun lepas yang menyorakan supaya agenda Melayu disiratkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan menjadikan Agenda Nasional Baru sepanjang 15 tahun dan berakhir dengan Wawasan 2020.

Khairy mahu satu agenda Melayu yang merangkumi pemilikan tanah perumahan tempat-tempat perniagaan dan harta intelek. Semuanya diasaskan supaya saham bumiputera mencapai 30% pada 2020. Kita dapat lihat bagaimana agenda Melayu Pemuda UMNO ini kini telah menjadi misi nasional 15 tahun semasa Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan pada hari Jumaat. Ianya merupakan satu pengakuan bahawa sungguhpun setelah 35 tahun Malaysia mengharungi sosial *engineering* dan penstrukturan semula ekonomi harapan kita untuk mencapai sebuah masyarakat yang adil dan saksama masih merupakan angan-angan kosong belaka.

Apabila Pemuda UMNO melaung-laungkan mengenai penghidupan kembali Dasar Ekonomi Baru pada bulan Julai 2005, pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan, sama ada peringkat nasional mahupun Pemuda telah secara terbuka menyuarakan kritikan dan bantahan mereka. Tetapi kritikan dan bantahan tersebut dengan mudah sahaja dilenyapkan oleh Khairy yang menyorakan satu mesyuarat khas Pemuda Barisan Nasional beberapa hari kemudian.

Setelah dua jam bermesyuarat Khairy mengumumkan bahawa semua pergerakan Pemuda Parti Komponen Barisan Nasional, termasuk MCA dan Gerakan menyokong sepenuhnya permintaan Pemuda UMNO untuk memulih kembali Dasar Ekonomi Baru sebagai satu agenda nasional untuk semua rakyat Malaysia. Sehingga kini tidak ada seorang pemimpin MCA dan Gerakan, sama ada dari peringkat nasional atau peringkat belia yang memberi sebarang penjelasan mengenai pertukaran pendirian mereka yang mengejutkan itu. Sama ada dengan sokongan mereka terhadap perisytiharan 929 pada 29 September 2001, apabila Tun Dr. Mahathir mengisytiharkan bahawa Malaysia telah menjadi sebuah negara Islam sungguhpun sebelum itu mereka semua tegas mendakwa bahawa Malaysia merupakan sebuah negara sekular dan bukannya negara Islam dan bahawa Islam hanyalah agama rasmi.

Aspek paling ketara mengenai asal usul DEB telah diabaikan diketepikan ataupun dilupakan bahawa sungguhpun Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua objektif iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan penstrukturan semula masyarakat Malaysia untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan jenis kerja atau lokasi. Objektif utama Dasar Ekonomi Baru semasa ia diumumkan pada 1970 adalah untuk mencapai perpaduan negara. Ini bererti bahawa langkah yang paling penting dalam menilai Dasar Ekonomi Baru adalah mengenai kegagalan atau kejayaan dalam menunaikan objektif utamanya iaitu perpaduan negara.

Ini haruslah menjadi kayu ukur untuk perbincangan mengenai pro dan kontra, sama ada Dasar Ekonomi harus dihidupkan kembali. Apabila Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan dalam 1970-an, ianya dirancang sebagai satu program 20 tahun. Berikutan dengan cadangan Pemuda UMNO untuk menghidupkan Dasar Ekonomi Baru selama 15 tahun dari 2006 ke 2020 dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Misi Nasional 15 tahun. Dasar Ekonomi Baru 20 tahun yang asal telah diajukan menjadi program 50 tahun.

Dasar Ekonomi Baru 20 tahun yang asal telah gagal dalam objektif utamanya untuk mencapai perpaduan negara. Kalau tidak, setelah 46 tahun negara merdeka kerajaan tidak perlu memperkenalkan Skim PLKN dan setelah 49 tahun negara merdeka

kita tidak perlu lagi menghidupkan Dasar Ekonomi Baru atau DEB2. Dengan menetapkan syarat pemegangan saham korporat bumiputera setinggi 30% Pemuda UMNO, Rancangan Malaysia Kesembilan serta misi nasional gagal untuk menangani dua perkara.

- (i) sasaran 30% pemegang saham korporat oleh bumiputera bukanlah sasaran unggul atau tunggal Dasar Ekonomi Baru kerana objektif utamanya adalah untuk mencapai perpaduan nasional;
- (ii) sasaran 30% saham ekuiti bumiputera telah dicapai pada akhir tempoh Dasar Ekonomi Baru 20 tahun di 1990 sekiranya kaum Melayu tidak menjualkan milikan saham mereka yang diperolehi dari kuota bumiputera untuk mendapat untung cepat. Sekiranya saham yang dikuasai oleh syarikat-syarikat nomini yang kebanyakannya dikuasai oleh kepentingan bumiputera turut diambil kira.

Pertikaian bahawa sasaran 30% berkenaan ekuiti bumiputera belum lagi dicapai, dan bahawa berkenaan bumiputera 18.9% jumlah ekuiti *corporate* amatlah dicurigai. Wujudnya banyak salah faham mengenai sasaran Dasar Ekonomi Baru atas isu pemilikan modal saham. Pada 1970 semasa perkiraan pemilihan saham dilakukan. Perkiraananya ialah berdasarkan *par value* saham semua syarikat berhad. Sama ada awam atau swasta yang diedarkan mengikut pembahagian kaum. Maka jumlah stok modal saham pada masa itu adalah dinilai mengikut terma *nominal* ringgit. Perkiraan masa itu tidak mengambil kira nilai aset atau ekuiti yang sebenar atau pasaran yang merupakan cara perhitungan yang lebih betul. Penilaian *par* adalah 'national' dan satu saham di dalam sebuah perniagaan menyediakan syarikat swasta yang kecil dikira sama nilainya dengan satu saham di sebuah syarikat berhad awam yang disenaraikan di atas Bursa Saham. Nilai agregat pada nilai *par* akhirnya *understate* harga bersih syarikat-syarikat yang mempunyai banyak aset sementara mengembangkan nilai saham syarikat-syarikat swasta.

Jumlah nilai *par* saham-saham yang dihitung merupakan nilai semua aset atau ekuiti *corporate* atau nilai bersih entiti *corporate under estimated*. Metodologi yang sama telah digunakan secara *consistence* sejak 1970. Menurut RMK9 *table* 16.6 jumlah nilai *par* modul saham dalam 2004 berjumlah RM529.8 bilion. Antaranya 18.9% adalah dimiliki oleh bumiputera, 40.6 dimiliki oleh bukan bumiputera, 32.5% dimiliki orang asing dan 8% dimiliki syarikat-syarikat *nominee*.

Ramai pemerhati berpendapat bahawa pegangan syarikat-syarikat *nominee* harus diambil kira. Sebagai pegangan bumiputera juga ini akan memberikan angka saham bumiputera tinggi 26.9%. Angka yang lebih dengan sasaran DEB sebanyak 30%. *Commented* ini merasakan kebanyakan syarikat-syarikat *nominee* adalah dikuasai oleh bumiputera. Angka 18.9% jelas sekali adalah *under estimate* bagi tujuan yang tidak akan dibangkitkan kemudian. Jumlah nilai peratus RM529.8 bilion mewakili jumlah nilai *par* semua saham di kesemua syarikat berhad awam dan swasta. Pada Jumaat lepas *market capitalization* sebanyak 1,025 syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur bernilai RM732.9 bilion. Satu angka yang melebihi RM203.1 bilion, jumlah modal saham semua syarikat yang senaraikan serta syarikat tidak disenaraikan mengikut nilai *par*. Ini jelas tidak konsisten. Tidak ada sebarang angka yang diterbitkan yang membolehkan kajian dijalankan ke atas pembahagian mengikut kaum nilai modal 732.9 bilion ringgit ini ialah *market capitalization* Bursa Saham. Bagaimanapun kita boleh menganggap bahawa kesemua syarikat yang disenaraikan oleh Bursa Saham Malaysia adalah syarikat-syarikat yang telah di struktur semula dan mempunyai sekurang-kurangnya 30% tekanan saham bumiputera.

Kita mesti ingat bahawa penstrukturan semula merupakan prasyarat untuk mana-mana syarikat disenaraikan di Bursa Saham. Atas dasar ini maka tidaklah silap sekiranya kita menganggap bahawa sekurang-kurangnya 30% nilai modal saham disenaraikan itu dimiliki oleh bumiputera.

Pada tahap ini pemilikan bumiputera sebenarnya telah mendekati melepasi sasaran Dasar Ekonomi Baru. Perlu diperhatikan juga bahawa pemilikan saham bukanlah

satu dimensi sahaja. Kawalan amat penting juga. *Control*. Dalam segi kawalan sungguhpun hanya merupakan pemegang saham minoriti bumiputera entiti kawalan bumiputera berkemungkinan menguasai kekayaan sesebuah korporat sehingga melebihi 30%. Atas dasar ini data yang dikemukakan di dalam RMK-9 amatlah dicurigai. Dalam segi nilai ekuiti korporat milik bumiputera jumlahnya telah bertambah dari RM447 juta atau 2.4% dalam 1970 menjadi RM100 bilion atau 18.9% dalam 2005. Sungguhpun kebanyakan saham ini kekal di tangan GLC.

Selagi kaum Melayu terus menjual saham mereka untuk mendapat untung jangka pendek pemilikan ekuiti Melayu tidak mungkin mencapai sasaran 30%. Walau pun DEB dilanjutkan sehingga selepas 2020. Sekiranya kaum Melayu memegang dan tidak menjual saham-saham mereka ekuiti Melayu telah mencapai 30 peratus daripada tarikh sasaran asal iaitu 1990. Satu anggaran menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 40% dari saham khas kaum Melayu telah dijualkan untung pantas.

Pengesahan dokumentasi yang dibekalkan oleh *Working Paper Academic* yang bertajuk "*Privatization of Port: A Malaysian Case Study*" with Associate Profesor Malcolm Tull dan Dr. James Ravelly dari Murdoch University pada Januari 2001. Menyatakan dengan izin,

"...by 1995 the privatized the companies accounted 22.1% of total market capitalization of the KLSE. Many shareholders took advantage of the opportunity to realize short-term capital gains and sold their shares. The sale of shares in Klang Container Terminal and other privatized companies has, however, led to dilution of bumiputera equity between 1983 and 1990 it declined from 65% to 38% of total paid up capital on the KLSE."

Kajian Australia ini menunjukkan bahawa hampir 41% daripada saham ini di syarikat-syarikat yang diswastakan yang dipegang oleh kaum Melayu kaya telah pun dijual. Dengan berpandukan nisbah kasar ini, maka adalah wajar berkata bahawa 19.3% saham kaum Melayu dalam tahun 1990 hanya mewakili 60% dan jumlah saham yang diberikan oleh kerajaan. Dengan lain kata kaum Melayu telah menjual 12.9% tekanan ekuiti mereka. Sekiranya setiap saham yang diberikan kepada mereka tidak dijual. Maka kaum Melayu akan memegang sekurang-kurangnya 32.2% ekuiti melebihi sasaran 30% untuk tahun 1990. Adalah jelas bahawa kejatuhan dalam tekanan ekuiti *corporate* bumiputera tidak semestinya bererti bahawa jumlah nilai kekayaan mereka tidak setara atau kurang dari nilai yang dipegang oleh bukan bumiputera. Angka-angka kerajaan memang harus dipertikaikan kerana satu perhitungan *capitalization* pasaran atau ekuiti yang dipegang oleh GLC yang diiktirafkan sebagai pelaburan sektor swasta bumiputera akan menunjukkan satu kenaikan besar dalam pegangan modal saham bumiputera. Lebih daripada 18.9% yang dilaporkan.

Sebenarnya Ramon Navaratnam seorang bekas birokrat kanan dalam Kementerian Kewangan telah dipetik sebagai berkata "bahawa kajian baru telah menunjukkan bumiputera kini telah memiliki lebih kurang 50% sektor korporat", The Star 6 November 2005. Satu kajian yang dilakukan oleh Terence Gomez yang diterbitkan dalam 1990, mengenai ekuiti *corporate* yang dimiliki oleh ahli-ahli parti politik dan parti-parti politik termasuk UMNO. Menidakkan bahawa mereka telah menggunakan syarikat-syarikat *nominee* untuk menyorok pegangan ekuiti *corporate* sebenar mereka supaya dikesani orang ramai. Apabila cabutan terbuka dilakukan untuk saham-saham yang baru disenaraikan atau IPO bumiputera mempunyai dua peluang untuk mendapat ekuiti baru berkenaan. Ini juga bererti akhirnya bumiputera akan memegang lebih dari 30% ekuiti sesebuah syarikat semasa IPO diadakan.

Kebanyakan saham yang diagihkan untuk bumiputera yang dijualkan serta-merta untuk mendapat untung pantas dan pengurusan syarikat-syarikat baru ini perlu mengisi ekuiti pegangan saham bumiputera berkenaan. Sekiranya mereka ingin menyertai kerja-kerja *corporate* atau projek-projek yang berkait dengan kerajaan. Penjualan ekuiti bumiputera pos IPO atau selepas saham khas atau bonus diedarkan sering kali mencairkan pegangan ekuiti, *dilution* pegangan ekuiti komuniti berkenaan. Adakah kerajaan mempunyai sebarang data mengenai betapa seriusnya *leakage* atau kebocorannya. Kajian telah menunjukkan kelemahan dalam sistem ini. Di mana semua pun insentif dan hak-hak istimewa dibekalkan kepada bumiputera tanpa kira tahap pendapatan atau jumlah aset yang mereka miliki.

Tetapi ia sering diseleweng hanya bumiputera berpendidikan dan berpengetahuan dari kelas menengah dan tinggi yang merupakan penerima utama IPO-IPO. Dengan langkah-langkah pengagihan kekayaan kerajaan yang menguntungkan kelas menengah dan tinggi kerajaan telah gagal menggunakan mekanisme penghantaran atau *delivery* untuk menangani dan mengurangkan kesukaran yang dihadapi oleh golongan bumiputera yang kurang upaya. Satu faktor yang sekian lama ini menjadi sebab wujudnya jurang kaya miskin yang begitu serius di kalangan bumiputera.

Dasar ekonomi yang berlandaskan perkauman tidak dapat memainkan peranan sebagai insentif bagi mereka yang kurang upaya dalam sesuatu masyarakat bukan bumiputera dan bumiputera kelas menengah dan rendah untuk menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi. Pengagihan kekayaan yang adil hanya boleh dicapai sekiranya penerimanya dikenakan ujian pendapatan dan *asset income and asset* tidak mengira kaum iaitu suatu mekanisme yang dilaksanakan di negara-negara yang menganjurkan *affirmative action*. Individual yang kurang keupayaan harus diberikan insentif untuk menyertai aktiviti ekonomi.

Sekiranya kerajaan berharap untuk mendapatkan lebih gambaran objektif mengenai masalah pengagihan kekayaan di kalangan kumpulan etnik, langkah yang lebih baik dari pengagihan modul saham awam adalah menerusi perkiraan jumlah aset atau pendapatan yang dimiliki.

Menghidupkan kembali Dasar Ekonomi Baru berlaku pada suatu masa di mana satu kajian menunjukkan bahawa kerajaan tidak berjaya untuk mencipta suatu komuniti perniagaan dan industri bumiputera (BCIC) yang memapan ekonomi dan berdikari menerusi Dasar Ekonomi Baru sama ada menerusi cara pilih kasih ataupun penswastaan. Maka apabila Khairi menulis mengenai menghidupkan kembali Dasar Ekonomi Baru akan membawa kembali '*gravy train*' saya percaya apa yang dikatakannya, ramai yang tidak akan mempercayainya oleh sebab beliau memang dianggap sebagai calon utama untuk mendapat untung besar daripada '*gravy train*' yang baru yang berikutan dengan kembalinya Dasar Ekonomi Baru.

Maka soalan mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang mesti ditanya ialah sama ada ia merupakan satu '*gravy train*' bernilai RM220 bilion ringgit untuk UMNO Putera baru atau merupakan satu *wake up call* bahawa Wawasan 2020 telah pun *off track* sama ada dalam segi mencapai status negara maju atau mencapai sembilan objektif strategiknya.

Sebagai perbincangan permulaan mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, boleh dikatakan wujudnya adalah peruntukan-peruntukan yang *plus* dan *minus*. Antara *plus point* ialah:

- (i) satu penekanan utama ke atas pembangunan perniagaan kecil dan menengah (SME) yang bertentangan dengan fokus sebelumnya untuk mencipta *conglomerate Malaysia*;
- (ii) galakan secara aktif industri-industri ala Malaysia seperti batik, songket dan lain-lain. Ini membantu menarik perhatian orang ramai terhadap industri-industri *cottage* yang berpotensi lumayan yang akan didominasi oleh golongan bumiputera kawasan luar bandar yang miskin;
- (iii) sokongan secara ekstensif terhadap pendidikan dan pembangunan (R&D) dalam semua sektor ekonomi penting;
- (iv) percubaan baru untuk mencipta daya saingan dalam ekonomi dengan tumpuan ke atas produk-produk jenis Islam sebagai contohnya mencipta pasaran *niche* untuk makanan halal dan sekiranya diusahakan secara baik di Malaysia akan mempunyai kapasiti mengekspor;
- (v) keinginan untuk memperbaiki kapasiti atau *delivery capacity bureaucracy*.

Walau bagaimanapun kelemahan yang paling serius dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah kekurangan kajian mengenai sebab mengapa dasar-dasar yang telah diperkenalkan sebelum ini telah gagal untuk mencapai matlamat mereka sebagaimana yang digambarkan dalam persoalan-persoalan utama berikut:

- (i) mengapa kerajaan gagal mencapai matlamat tersurat atas isu pemilikan ekuiti korporat bumiputera sebanyak 30 peratus sungguhpun sistem kuota telah diperkenalkan selama 35 tahun;
- (ii) mengapakah dasar masyarakat BCIC gagal mencapai matlamat untuk memupuk usahawan Melayu;
- (iii) mengapa dasar penswastaaan gagal begitu teruk sekali. Sebagai contohnya *re-nationalization* semula Proton, MAS dan IWK, semuanya menggambarkan bahawa dasar ini memerlukan kajian semula secara menyeluruh sebelum dasar tersebut diteruskan;
- (iv) mengapakah kualiti pendidikan menjunam begitu dahsyat sekali sebagaimana yang digambarkan dari sikap rakyat yang semakin enggan menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah kebangsaan serta semakin ramai siswazah yang mendapat ijazah mereka dari universiti awam tempatan menganggur;
- (v) mengapakah kualiti Perkhidmatan Awam Malaysia semakin dipersoalkan sungguhpun pada suatu ketika dahulu ia dikenali sebagai antara sektor perkhidmatan awam yang paling berkesan dan cekap di antara negara-negara membangun;
- (vi) bolehkah masalah-masalah ekonomi dan sosial di Malaysia diselesaikan menerusi penubuhan pelbagai institusi dan sistem penilaian baru dan indeks-indeks dan
- (vii) adakah kesan sistem diskriminasi positif dalam masyarakat Malaysia dalam segi memupuk objektif kerajaan untuk mencipta satu bangsa Malaysia.

Kegagalan menjawab persoalan-persoalan penting ini telah menyebabkan kerajaan terus mengulangi kesilapan-kesilapan yang lama sementara cadangan-cadangan barunya tidak berdaya untuk menyokong pembangunan ekonomi yang berterusan memastikan pembahagian kekayaan secara adil mahupun memupuk integrasi nasional.

Izinkan saya menumpukan ke atas kekurangan dasar pembaharuan ekonomi Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Masalah-masalah mengenai usaha perniagaan dan pembangunan usahawan BCIC -

Tumpuan ke atas penggalakan modul bumiputera dan penciptaan golongan baru peniaga Melayu yang berkemampuan telah memburukkan lagi satu masalah lama melepaskan peluang usaha perniagaan yang lumayan kerana mereka tidak melibatkan bumiputera.

Kerajaan berkeras bahawa BCIC akan kekal sebagai mekanisme utama untuk menyusun semula masyarakat dan memastikan lebih banyak penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi. Malangnya tidak wujud sebarang penilaian mengenai sebab mengapa dasar ini telah gagal selama ini untuk membantu menggalakkan kewujudan komuniti perniagaan bumiputera yang berdikari. Ini dapat dibuktikan oleh angka-angka kerajaan mengenai jumlah perniagaan dalam sektor-sektor ekonomi utama yang dimiliki oleh komuniti berkenaan.

BCIC terus dipupuk dalam bentuk asalnya dengan hanya satu perubahan nyata tumpuan ke atas pembantu bumiputera yang menjalankan SME. Pembaharuan GLC

dengan hanya memperkenalkan KPI tidaklah cukup. Persoalan mengenai cara kawalan GLC adalah penting sekali. Adakah profesional-profesional yang dilantik oleh kerajaan untuk menguruskan GLC ini mempunyai kuasa bebas untuk membuat keputusan? Adakah wujudnya campur tangan politik oleh ahli-ahli politik kanan dalam pengurusan GLC ini? Adakah syarikat-syarikat ini mengusahakan perniagaan yang menyumbang terhadap kepentingan nasional ataupun sesetengah aktiviti perniagaan yang terlibat hanya bermaksud untuk membantu kepentingan individu?

Oleh sebab kerajaan mempunyai milikan saham dan kuasa kawalan dalam GLC ini yang seterusnya mempunyai kepentingan besar dalam ekuiti yang disenaraikan dalam bursa Malaysia, adakah satu badan akan ditubuhkan untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan meneruskan penswastaan.

Pelaksanaan dasar penswastaan telah dicemarkan selama ini dengan dakwaan-dakwaan nepotisme dan pilih kasih. Tidak banyak bukti yang menunjukkan bahawa penswastaan telah memperbaiki keberkesanan dan sektor swasta juga tidak menunjukkan keupayaan untuk menyokong projek-projek yang melibatkan modal besar, kes kereta api Malaysia, Proton, LRT dan Empangan Bakun semuanya merupakan contoh yang baik. Sekiranya kerajaan berkeras untuk meneruskan dasar ini, bolehkah ia menjanjikan satu sistem yang telus. Cara pelaksanaan projek-projek penswastaan selama ini telah menunjukkan penguatkuasaan yang lemah dan ini adalah disebabkan oleh kekurangan iltizam politik untuk berurusan dengan mereka yang mengaut untung daripada projek-projek penswastaan dan mereka yang telah menyalahgunakan *reducing responsibility* mereka.

Mengapakah sehingga kini tidak ada sesiapa pun yang didakwa kerana menggagalkan MAS yang seterusnya memaksa syarikat berkenaan dimiliki semula oleh kerajaan atau *re-nationalisation* dan menghapuskan kos yang besar yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dan rakyat. Mengapakah kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas sesiapa pun yang bertanggungjawab menyebabkan kegagalan Renung dan UEM dan menjadikan satu konglomerat teladan milik bumiputera, sebuah syarikat yang mempunyai akses kepada pelbagai projek penswastaan tetapi akhirnya terpaksa diambil oleh kerajaan.

Kekurangan Usaha Memupuk Industri Kecil Dan Sederhana -

Demi memupuk dan membangunkan syarikat-syarikat kecil dan sederhana, satu-satunya cadangan utama yang dibentangkan adalah penubuhan dan penggalakan bank IKS. Bagaimanapun sebab mengapa SMI tidak dapat dibangunkan sehingga memiliki kapasiti untuk mengeksport serta membentuk produk berjenama bukanlah setakat kekurangan akses pinjaman kewangan. SMI tidak melabur secukupnya dalam R&D. Mereka kekurangan kapasiti untuk bersaing dalam pasaran tempatan atau memasuki pasaran dunia.

Demi membantu SMI supaya memperbaiki kapasiti mereka dan mempromosikan produk mereka di pasaran tempatan, kerajaan telah menggalakkan mereka yang menghasilkan barangan makanan supaya memasarkan barangan mereka menerusi *hypermarket* yang mana kebanyakannya dikuasai oleh syarikat-syarikat asing.

Suatu kelemahan cadangan ini, adalah ia sebaliknya mungkin akan menyekat pelaburan asing. Sebagai salah satu usaha untuk menyokong SMI, kerajaan harus menumpukan perhatian dalam menggalakkan kepakaran profesional kelas menengah yang baru muncul, khasnya mereka yang mempunyai kepakaran untuk memasuki sektor-sektor seperti IT, bio-teknologi dan lain-lain lagi.

Adakah kerajaan akan menjalankan kajian demi mengenal pasti, apakah yang akan dapat menarik minat profesional-profesional ini untuk memasuki sektor-sektor perniagaan swasta ini? Adakah kerajaan turut menyokong golongan bukan bumiputera yang berminat untuk memasuki bidang-bidang tersebut di atas sebagai sebahagian daripada program *brain gain* kerajaan, sikap menyokong ini akan membantu dalam menarik balik profesional-profesional yang yakin bahawa mereka akan mendapat sokongan kerajaan, sekiranya mereka mencuba nasib dalam bidang perniagaan tersebut.

Penggunaan sistem vendor telah ditekankan demi mengikat SMI ke syarikat-syarikat besar dan GLC. Bagaimanapun, pernahkah kerajaan mengkaji prestasi sistem vendor yang telah lama dilaksanakan oleh Proton sebagai suatu cara untuk menggalakkan syarikat-syarikat bumiputera dan melibatkan syarikat berkenaan dalam projek nasional ini?

Kajian-kajian semula sistem vendor Proton yang membekalkan syarikat berkenaan dengan barangan buatan tempatan untuk kereta nasional telah menunjukkan bahawa program ini tidak berjaya dalam mencapai matlamat memupuk lebih ramai usahawan bumiputera. Sistem vendor berkenaan juga tidak dapat memastikan bahawa kereta-kereta model Proton dipasang dengan bahan-bahan berkualiti yang berharga berpatutan.

Bank SMI yang membekalkan sokongan kewangan tunai bukanlah suatu cadangan yang lengkap kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor SMI yang pesat. Satu hakikat yang diketahui umum adalah bahawa banyak SMI khasnya yang dimiliki oleh kaum Cina, tidak cuba mendapatkan pinjaman dari bank kerana enggan mendedahkan maklumat mengenai perniagaan mereka.

Kerajaan telah bercadang untuk menggunakan Institut Keusahawanan Negara sebagai mekanisme untuk membantu melatih golongan muda dengan memupuk keusahawanan. Persoalannya adalah sama ada semangat dan pakar keusahawanan dapat dipupuk menerusi latihan yang dibekalkan oleh institusi semacam ini. Kerajaan prihatin terhadap hakikat bahawa kaum Cina memiliki jumlah ekuiti dua kali ganda lebih daripada jumlah yang dimiliki oleh bumiputera. Tetapi tidak ada sebarang kajian yang menjelaskan bagaimana ini boleh berlaku sungguhpun sistem kuota telah pun dilaksanakan semenjak 30 tahun lepas, kononnya untuk merapatkan jurang kekayaan di antara kaum.

Kejatuhan milikan modal bumiputera sama ada berlakunya krisis mata wang, kegagalan sistem penswastan untuk menggalakkan perniagaan milikan Melayu serta pemilikan semula syarikat-syarikat kawalan bumiputera oleh kerajaan semuanya tidak disentuh. Kerajaan juga gagal mengetahui bahawa kaum Cina selama ini menghadapi banyak persaingan dalam suasana perniagaan yang terpaksa mereka harungi, tetapi ini telah menjadi suatu faktor yang sebaliknya membantu mereka berjaya sungguhpun tidak cukup untuk membantu mereka mencapai kapasiti eksport. Mereka memerlukan sokongan dari kerajaan. Penekanan kerajaan seharusnya adalah menidakkan syarikat-syarikat milikan bumiputera kepada persaingan bebas supaya mereka dapat membina kepakaran dan daya saing yang diperlukan untuk berdikari.

Angka-angka kerajaan mengenai pembahagian kekayaan bagaimanapun boleh dipertikaikan. Sebagai contoh individu bumiputera dan kerajaan memiliki 51.7% dan 31.2% entiti swasta pada akhir tahun 2005, sementara bukan bumiputera memiliki hanya 8.8% ekuiti berkenaan dalam Jadual 10-5. Diperhatikan juga kerajaan memegang ekuiti ini bagi pihak bumiputera. Jumlah yang boleh diagihkan kepada komuniti berkenaan akan mencapai sebanyak 82.9%.

Bagaimanapun jumlah aset korporat yang dapat diagihkan kepada bumiputera tidak bertambah dari 18.9% di antara tahun 2000 – 2004 ialah dalam Jadual 16/6. Adalah juga ganjil bahawa sungguhpun GLC merupakan pemegang saham majoriti syarikat-syarikat terbesar yang disenaraikan di Bursa Malaysia, bukan bumiputera pula disenaraikan sebagai memiliki lebih ekuiti daripada golongan bumiputera. Siapakah pemilik-pemilik syarikat-syarikat nomini yang dimiliki sebanyak 8% ekuiti korporat lebih daripada institusi-institusi bumiputera yang memiliki hanya 2.2% kekayaan yang sama.

Sekiranya kerajaan mendakwa bahawa ia menggalakkan sistem korporat yang lebih terbuka dan telus, mengapakah masih diteruskan sistem syarikat-syarikat nomini ini. Sungguhpun kerajaan mendakwa bahawa bukan bumiputera khasnya kaum Cina memiliki lebih daripada dua kali ganda ekuiti yang dimiliki oleh kaum bumiputera, persepsi di kalangan kaum bukan bumiputera pula adalah mereka tidak mempunyai banyak kuasa dalam ekonomi negara dan risau dengan keselamatan hak mereka ke atas aset sendiri.

Ini merupakan suatu masalah yang serius kerana persepsi dan rasa tidak selamat, ini akhirnya akan menggagalkan harapan kerajaan untuk menggalakkan kebangkitan keusahawanan tempatan yang dinamik yang dapat membantu pembangunan ekonomi negara.

Oleh sebab kerajaan telah menandakan bahawa pemilikan ekuiti kaum India tidak pernah bertambah sejak 1970, ia bercadang untuk memastikan bahawa komuniti ini akan memiliki 3% jumlah kekayaan negara dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Persoalannya adakah kekayaan 3% ini akan diagihkan secara adil di kalangan kaum India ataupun akan menyebabkan jurang kekayaan yang lebih besar di kalangan kaum India sendiri.

Persoalan ini menunjukkan bahawa penekanan kerajaan tidak harus diletakkan pada angka-angka seperti 3% atau 30%, yang pada dasarnya tidak mempunyai sebarang makna dalam segi memastikan pengagihan kekayaan yang saksama. Penekanan ini sebaliknya haruslah di dalam memastikan bahawa kekayaan ekuiti diagihkan secara adil kepada semua golongan dalam semua komuniti.

Kerajaan tidak boleh mengharapkan kualiti sekolah-sekolah kebangsaan akan dipertingkatkan hanya dengan penambahan jumlah guru yang memegang ijazah. Dengan siswazah-siswazah menganggur sebagai guru, adakah ini akan memberi sebarang keyakinan kepada orang ramai bahawa sekolah-sekolah kita dapat membekalkan pendidikan yang berkualiti. Melatih semula guru-guru sebenarnya dapat mempertingkatkan kepakaran serta keupayaan mendidik mereka. Apakah insentif yang wujud untuk melatih semula serta mengekalkan guru-guru yang baik dalam sistem yang sedia ada?

Bagi universiti pula, matlamatnya adalah untuk menambahkan bilangan pensyarah yang memiliki Ph.D kepada 60% dalam tempoh lima tahun. Kerajaan bercadang untuk menawarkan biasiswa kepada para pensyarah supaya mendapatkan Ph.D mereka demi memastikan sasaran ini dapat dicapai.

Bagaimanapun cara menawarkan biasiswa kepada para pensyarah supaya mendapatkan Ph.D bukanlah suatu tindakan yang baru. Kerajaan tidak membekalkan sebarang angka mengenai kadar para pensyarah yang mendapat biasiswa awam yang berjaya mendapat Ph.D mereka. Apakah tindakan disiplin yang telah diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang telah dihantar keluar negara atas biasiswa kerajaan tetapi tidak berjaya mendapat Ph.D mereka? Apakah insentif yang ada bagi pensyarah-pensyarah untuk mendapat Ph.D mereka? Memandangkan ada juga pensyarah yang dinaikkan pangkat malah dijadikan profesor tanpa perlu mendapatkan Ph.D. Adakah kemerosotan institusi-institusi tinggi kita hanya disebabkan oleh jumlah pensyarah yang memegang Ph.D tidak mencapai 30% dari jumlah pensyarah yang ada?

Apakah insentif yang ada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini demi mengekalkan pensyarah-pensyarah yang baik dalam sistem yang sedia ada? Mengapakah kerajaan tidak merangka suatu skim perkhidmatan khas yang sesuai untuk pensyarah yang turut menarik lebih ramai yang berkelayakan untuk menyumbang kepada universiti-universiti awam, adakah penubuhan satu *Malaysian Qualifications Framework*, satu-satunya mekanisme demi menyekat kemerosotan pendidikan tinggi kita?

Mengenai menggalakkan produktiviti pertanian. Dalam inisiatif pertanian baru, harapan utama program tersebut adalah untuk transformasi pertanian tradisional menjadi pertanian komersial moden. Cadangan-cadangan untuk mencapai matlamat ini termasuklah cadangan-cadangan konvensional, antaranya penanaman semula, konsultasi dan rehabilitasi tanah, pembangunan hutan dan mekanisme pemasaran baru.

Satu sumbangan yang asal adalah pembentukan satu taman penghasilan makanan. Sungguhpun penekanan baru utamanya adalah untuk memperkenalkan ICT dan bio-teknologi kepada para pertanian demi membantu mereka meningkatkan produktiviti. Selain dari menggunakan ICT untuk pemasaran hasil pertanian mereka tidak jelas lagi bagaimana kerajaan bercadang untuk mendidik para petani dengan kepakaran teknikal ini.

Cadangan asas nampaknya adalah untuk menyatukan ladang-ladang kecil menjadi ladang besar yang kononnya menerusi sumber dan kakitangan yang lebih tertumpu akan menjadikan usaha pertanian lebih produktif, kurang bergantung kepada tenaga buruh dan lebih bergantung kepada teknologi. Tetapi adalah tidak jelas bagaimana konsolidasi ladang akan membantu mencapai matlamat sebegini. Tambahan pula soal pemilikan ladang-ladang yang dikonsolidasikan itu tidak dijelaskan dalam rancangan ini maka kita

tidak dapat mengkaji sebagai mana konsolidasi akan dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh petani-petani miskin.

Idea-idea inovatif dan cadangan-cadangan penting tidak dijelaskan. Bab terpenting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang menggariskan idea-idea baru Yang Amat Berhormat juga merupakan bab yang paling penting iaitu bahagian mengenai memupuk pentadbiran baik dan memperbaiki sistem penyampaian awam atau *Public Delivery System*. Pentadbiran baik menurut Rancangan Malaysia Kesembilan akan digalakkan menerusi kajian semula perundangan dan dengan penubuhan institusi-institusi baru. Cadangan-cadangan ini hendaklah cukup sekiranya kerajaan berhasrat untuk mencipta pentadbiran awam yang lebih terbuka dan beramanah.

Pengagihan kuasa kepada agensi-agensi seperti Badan Pencegah Rasuah dan Suruhanjaya Sekuriti haruslah dilaksanakan supaya mereka dapat bertindak secara *autonomous*. Pendakwaan pilih kasih masih dilaksanakan kerana ada banyak bukti mengenai gejala rasuah yang melibatkan ahli-ahli politik kanan. Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat memandang serius jaminan kerajaan yang kononnya akan melaksanakan pentadbiran yang telus dan beramanah sedangkan autonomi tidak diberikan kepada institusi-institusi penting ini.

Adakah dengan tertubuhnya satu Institusi Integriti Negara serta penciptaan berbagai indeks bererti cara penyelesaian untuk menghapuskan rasuah di Malaysia telah sempurna? Adakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan supaya perundangan dikaji semula dan mengizinkan pihak media menikmati ruang lebih bebas untuk membongkar gejala rasuah dan salah guna kuasa dalam kerajaan. Isu kebebasan media tidak langsung disebut dalam rancangan ini sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah berkata bahawa rakyat harus memberitahu kepadanya apa yang benar untuk membantu dalam usahanya menghapuskan rasuah di Malaysia.

Salah isu penting yang hangat dibahaskan sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan ialah mengenai kualiti sistem penyampaian kerajaan. Sungguhpun Rancangan Malaysia Kesembilan ini cuba menangani masalah serius ini tetapi program-program latihan yang disediakan oleh MAMPU bukanlah satu-satunya cara kerajaan memperbaiki keberkesanan aktiviti dan kecekapan birokrasi kita.

Isu sistem penyampaian sepatutnya menumpukan kepada soal bagaimana ia bercadang untuk membekalkan kepakaran dan kapasiti kepada birokrasi dalam melaksanakan dasar-dasar yang dicadangkan oleh kerajaan. Berapa yakinkah kita bahawa kita kerajaan akan berjaya melaksanakan cadangan-cadangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ada lagi persoalan-persoalan lain yang penting yang belum ditangani. Berapa pastikah kita bahawa pertimbangan politik tidak akan menjejaskan usaha agensi-agensi kerajaan untuk bertindak bebas. Adakah institusi-institusi diberi autonomi untuk menolak campur tangan politik yang bertujuan membantu kepentingan peribadi ahli-ahli politik yang berpengaruh. Kita telah nampak bagaimana dalam kes yang melibatkan Tun Daim Zainuddin, Halim Saad dan Metromax ahli politik yang berpengaruh berjaya menggerakkan agensi-agensi kerajaan di tahap Persekutuan serta Tempatan untuk membantu mencapai kepentingan peribadinya.

Atas isu struktur perkhidmatan awam nampaknya tidak wujud usaha untuk menangani masalah ketidakseimbangan etnik di kalangan kakitangan awam. Persoalannya mengenai apakah bukan bumiputera tidak dianggap sebagai calon yang sesuai untuk menjawat jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam masih tidak diperjelaskan. Soalnya adakah rancangan ini berlandaskan kaum. Dalam rancangan ini tidak banyak wujud cadangan mengenai bagaimana menunjukkan bangsa Malaysia. Sungguhpun ia merupakan matlamat kerajaan. Rancangan ini telah dirangka sebaliknya berlandaskan kepentingan etnik dan ini memperkuatkan bahawa dasar-dasar kerajaan ada dirangka dilaksanakan berdasarkan pertimbangan biasanya ada berbau politik, keperluan sesetengah kaum dan seterusnya melemahkan semangat bangsa Malaysia.

Kerajaan perlu diingatkan bahawa isu pembinaan negara dan pembangunan ekonomi yang berterusan adalah saling bergantung dan berkaitan. Masalah *brain drain* serta keupayaan terhad syarikat-syarikat tempatan untuk bersaing di dunia antarabangsa

merupakan hasil *group* dasar-dasar yang dilaksanakan selama ini yang mendiskriminasikan rakyat mengikut kaum. Masalah serius mengenai ketidaksamarataan di kalangan setiap kaum khususnya di kalangan bumiputera adalah bukti kukuh bahawa dasar-dasar kerajaan seharusnya bersifat sejagat dan dilaksanakan untuk membantu golongan yang perlu tanpa mengira kaum. Dasar-dasar sejagat bukannya yang disasarkan kepada mana-mana satu kumpulan kaum. Adalah penting sekiranya kerajaan berharap untuk meyakinkan rakyat Malaysia bahawa kita semua adalah rakyat negara ini. Bangsa Malaysia hanya akan berjaya sekiranya semua rakyat Malaysia merasakan bahawa kita dilayani secara adil dan sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang menghadapi cabaran-cabaran ekonomi, dan sosial yang getir, baik domestik mahupun global. Ia menjadi semakin mencabar berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Rancangan-rancangan yang telah diumumkan ini apabila ditanggalkan retoriknya melambangkan satu pengembalian kepada masa lalu dalam banyak cara kerana ia menyentuh kembali atau *re-embrace* banyak dasar lalu yang telah gagal ialah ia bersifat tidak bertanggungjawab secara fizikal dan melambangkan pengabaian dasar fiskal cermat dan penerimaan penanggungan deposit sebagai alat pertama ke arah lebih banyak lagi projek-projek mega.

Kejuruteraan sosial iaitu tema Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia sejak tahun 1971 akan juga dicapai melalui kawalan dan campur tangan kerajaan yang lebih besar yang akan melumpuhkan kemampuan sektor swasta untuk memainkan peranan sebagai penggerak pembangunan negara. Rancangan yang juga menetapkan sasaran-sasaran yang tidak realistik dengan alat-alat kawalan *draconian* di tangannya dengan dibantu oleh media yang *complaisant* dan masyarakat *silent scenery* mungkin akan membawa kemudaratan. Satu-satunya tujuan rancangan yang dapat dilihat ialah program perbelanjaan kira-kira 220 bilion ringgit dalam masa 5 tahun yang akan datang.

Strategi tunggal sebenarnya yang boleh didapati daripada ia ialah bahawa kerajaan berharap terus melakukan apa yang sedia ada tetapi dengan satu *range* yang lebih besar dengan sengaja membolehkan Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020. Pencapaian status Negara Maju dalam wawasan 2020 tidak dapat dicapai hanya melalui proklamasi-proklamasi dan kenyataan-kenyataan cantik di dalam perancangan ini. Ini hanya menimbulkan persoalan-persoalan sama ada kerajaan bersedia untuk menangani isu-isu sebenar yang sedang dihadapi oleh negara dan ekonomi kita. Jika jawapan kepadanya tidak memberangsangkan rakyat Malaysia yang prihatin akan dapat kesimpulan bahawa dasar-dasar lama yang lapuk akan diteruskan dan mereka akan memanfaatkan ia mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan golongan atasan, kroni-kroni dan segelintir kecil yang terpilih menerima kontrak-kontrak lumayan, lesen-lesen untuk mengutip sewa atau *rental sahaja* manakala rasuah akan terus berlaku tanpa sekatan.

Mereka yang miskin terpinggir dan yang kurang berupaya akan terus memikul beban berat. Pentadbiran baik dan ketelusan akan terus menjadi mimpi sahaja. Saiz rancangan ini cukup memeranjatkan. Ia boleh diterjemahkan kepada berjuta-juta ringgit yang akan dibelanjakan untuk setiap orang bagi tempoh 5 tahun ini. Pengiraan matematik yang digunakan untuk menyifatkan penyambungan rancangan banyak persoalan. Malaysia adalah lebih bersepadu dalam ekonomi global berbanding dengan banyak lagi negara yang mempunyai saiz dan tahap pembangunan yang lebih kurang sama.

Globalisasi merupakan satu kenyataan ia telah membawa sumbangan positif dan negatif kepada pembangunan Malaysia. Sumbangan positif ialah negara kita makmur akibat daripada integrasi ekonomi kita dan ekonomi global melalui perdagangan dan kemasukan pelaburan langsung asing atau FDI pada tahun-tahun sebelum krisis kewangan Asia Timur pada tahun 1997. Malaysia mengalami pembangunan ekonomi yang pesat, tahap pendapatan yang bertambah, tahap kemiskinan dan pengangguran yang berkurangan begitu juga dengan pengagihan kekayaan negara yang lebih egalitarian. Satu faktor penyumbang ialah bahawa Malaysia dilimpahi rahmat dengan kekayaan sumber asli seperti kayu balak, minyak mentah dan gas asli.

Malaysia mempunyai institusi-institusi yang berfungsi baik dengan adanya satu perkhidmatan awam yang *establish*, kehakiman yang dikatakan lebih bebas berbanding

dengan negara-negara membangun yang lain. Negara ini masih dapat membangun walaupun berlakunya korupsi, polarisasi yang semakin mendalam, pemerintahan autoritarian dan kemerosotan dalam penyampaian perkhidmatan awam. Awal 1990-an memperlihatkan satu tahap *deregulation* dan penswastaan yang memberi momentum kepada pembaharuan yang sederhana.

Tetapi krisis kewangan pada tahun 1997 telah secara mendadak mengejutkan kita semua. Kekurangan keamanan, ketuluan dan *kronisme*, *nepotisme* yang semakin berlaku serta ketaksuban *megalomania* kepada projek-projek mega yang menjadikan Malaysia lemah apabila berhadapan dengan kuasa-kuasa asing. Aliran kapital yang dahulu membawakan pembangunan Malaysia telah berpatah balik. Mata wang kita merosot, sistem perbankan kita hampir tersungkur kerana pinjaman-pinjaman lapuk yang bertimbunan, keyakinan terhadap kerajaan menurun, pasaran telah mengenal pasti kelemahan-kelemahan ini dan Malaysia menerima padahnya.

Apa yang lebih teruk ialah penggunaan pendekatan autoritarian untuk menekan suara pembangkang. Perbicaraan Anwar Ibrahim telah menyebabkan kehilangan, kepercayaan yang besar terhadap sistem kehakiman kita, baik dari segi global atau dari segi domestik, penyalahgunaan hak asasi manusia dan kemusnahan kebebasan kehakiman telah memburukkan nama baik Malaysia di persada antarabangsa sehinggakan kerajaan perlu menggunakan sektor swasta untuk membayar pelobi-pelobi yang bermasalah di Washington DC demi membeli tiket laluan bagi Perdana Menteri untuk melawat ke *White House* dalam cubaan untuk memulihkan penghormatan dunia kepada kita.

Lebih teruk lagi bayaran-bayaran juga dibuat kepada kolumnis kelas ketiga untuk menulis rencana bagi mencipta imej sintetik untuk Malaysia. Malaysia dapat menyelamatkan dirinya dan pulih separuh daripada krisis kewangan Asia Timor tetapi Malaysia terpaksa membayar kos yang tinggi. Kos ini merangkumi penerimaan satu kadar tukaran wang asing yang menyebabkan kita kehilangan daya saingan dan akhirnya kemasukan inflasi terhadap Malaysia. Ianya melibatkan *bail out* secara besar-besaran, defisit kewangan yang tidak mapan, beban tanggungan hutang yang semakin bertambah untuk generasi yang akan datang dan juga penyaluran sumber-sumber daripada peruntukan perkhidmatan awam. Usaha untuk menurunkan kemiskinan untuk memperkayakan sebahagian penyamun ini. Kredit mesti dialirkan kepada suasana perdagangan yang intim supaya pembangunan ekonomi mendapat pulangnya.

Malangnya suasana intim ini telah tiada lagi. Malaysia kehilangan daya saingan pada tiket yang lepas. Kemasukan FDI telah menurun, prestasi pasaran saham juga kurang memberangsangkan berbanding dengan pasaran-pasaran saham serantau. Keadaan sebegini teruklah yang diwarisi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau mengambil alih tampuk kepimpinan pada tahun 2003 sebagai Perdana Menteri yang ketiga. Harapan menggunung tinggi diletakkan kepada pentadbiran baru ini. Para pengundi telah memberi mandat yang julung kali besarnya untuk perubahan. Janji-janji bahawa pembaharuan mendalam telah dibuat tetapi janji tetap janji yang masih belum dikotakan.

Tidak banyak yang telah dilakukan untuk menangani masalah korupsi yang semakin teruk. Perundangan dan penurutan arahan telah merosot apabila seorang Ketua Polis Negara yang tidak menurut perintah membuat ancaman, *revoke* terhadap demokrasi berparlimen dan pemantauan awam ke atas polis. Satu perkhidmatan awam yang masih *unreformed*. Ruang untuk berbahas dan membina konsensus terus menjunam. Media massa terletak di bawah kawalan yang lebih ketat berbanding dengan masa lalu melalui penutupan media dan penumpuan hak bilik surat khabar dan media penyiaran.

Kualiti perkhidmatan awam telah merosot, keamanan dan ketuluan masih jauh untuk dicapai. IPT-IPT berada dalam kepincangan mutlak. Skandal demi skandal telah diedarkan. Dasar yang terumbang-ambing telah menggantikan dinamisme. Walaupun terdapat pertukaran dasar menghampakan terhadap perubahan, telah mengatasi harapan terhadap perubahan. Demokrasi Malaysia dengan penguasaan 92% kerusi Parlimen oleh Barisan Nasional menghadapi risiko untuk ditawarkan sebagai demokrasi palsu. Kita telah

memperlihatkan penswastaan songsang, *reverse* penswastaan dan pembentukan GLC yang tidak beramanah.

Prestasi mereka dari segi kadar pulangan atau *rates of return* adalah mengecewakan. Kita tidak melihat jauh untuk mencari contoh. Lihatlah keadaan MAS yang menghadapi kelebihan tenaga kerja dan kontrak-kontrak semua ini yang menyeludup keluar sumber-sumber yang ada. Tenaga, biar pun diberi subsidi masih melaporkan pulangan atas kapital, *returns on capital* yang rendah dan kini pula memohon kenaikan tarif. Proton, masih tidak kompetitif dan perlu bergantung kepada subsidi. Petronas menggunakan warisan kekayaan negara dengan tidak beramanah. Sebenarnya, senarainya adalah begitu panjang. Jikalau kita mempercayai hasil tinjauan pandangan terbaru, Malaysia hari ini merupakan sebuah masyarakat yang *polarize* berbanding dengan masa lalu. Untuk berada di mana kita berada selepas hampir 50 tahun proses pembinaan negara, ianya pengakuan terang-terang terhadap kegagalan pentadbiran dan dasar-dasar.

Kegagalan ini merupakan ancaman terbesar terhadap fabrik negara. Ianya menyentuh tentang isu teras perpaduan nasional dan peranan sebagai titik tolak dan asas untuk memastikan kestabilan, kemakmuran dan kemajuan. Terdapat juga cabaran-cabaran yang tidak boleh disapukan begitu sahaja dan antara isu-isu yang timbul ialah:

- (i) kenaikan inflasi akibat dasar-dasar yang gagal;
- (ii) dasar-dasar fiskal yang tidak mapan disebabkan sektor awam yang terlampau besar dan tidak cekap;
- (iii) campur tangan dan kawal atur yang keterlaluan oleh kerajaan terhadap perkara-perkara yang paling baik diputuskan oleh sektor swasta dan individu-individu; dan
- (iv) kemiskinan *persistence* dan ketidaksamarataan pendapatan yang semakin bertambah.

Sudah menjadi kebiasaan untuk rancangan-rancangan lima tahun ini untuk menerap dasar-dasar baru hala tujuan dan membawa negara ini dalam jangka masa panjang. Dalam konteks Malaysia, aspirasi-aspirasi ini telah diterapkan dalam Wawasan 2020. Rancangan-rancangan yang lalu telah mengikuti satu corak yang boleh dijangkakan. Mereka menyenaraikan apa yang ada, menjelaskan dasar-dasar baru dan penyelarasan terhadap dasar-dasar yang sedang berjalan serta menonjolkan cadangan-cadangan perbelanjaan, pembangunan untuk menyokong dasar-dasar. Terdapat juga intelektual mereka yang disokong oleh analisis.

Seperti mana media pada beberapa bulan yang lepas, membina harapan menggunung tinggi bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan akan menangani cabaran-cabaran ini dengan berani. Kita juga dibawa untuk mempercayai bahawa dasar-dasar dan pendekatan-pendekatan baru akan diterokai oleh Rancangan Malaysia Kesembilan yang di bentang di Dewan yang mulia ini tidak menepati harapan menggunung tinggi yang diharapkan dan merupakan satu kekecewaan yang besar.

Misi nasional yang dirangka merangkumi lima teras utama:

- (i) meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara;
- (ii) meningkatkan keupayaan, pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
- (iii) menangani masalah ketidaksamaan sosial ekonomi secara membina dan produktif;
- (iv) meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan
- (v) mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Kenyataan-kenyataan umum seperti ini tidak menimbulkan persoalan yang besar tetapi apa yang menjadi persoalan ialah cara pelaksanaan misi ini. Rancangan mega ini mencadangkan peruntukan sebanyak RM220 bilion. Ini merupakan rancangan paling besar pernah dilancarkan oleh Malaysia. Ianya meliputi projek-projek mega yang pada masa

dahulu diketepikan oleh pentadbiran Yang Amat Berhormat. Kelihatan bahawa dasar-dasar perbelanjaan telah diterbalikkan dan kita kembali ke era projek-projek mega. Rangka kerja ekonomi mikro yang digunakan dalam perangkaan perancangan ini berasaskan anggapan-anggapan mudah.

Pembangunan dijangkakan pada kadar purata 6% setahun berbanding dengan kadar 4.5% yang dicapai dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Perbelanjaan swasta atau *private consumption* dijangka akan berkembang pada kadar 6.9% berbanding dengan 6.6%. *Public consumption* dijangka akan berkembang pada kadar yang lebih rendah iaitu 5.3% berbanding dengan 10.2%. *Private investment* yang mencatatkan kadar negatif 1% akan kembali dengan kadar pesat 11.2% setiap tahun. Pelaburan awam atau *public investment* juga berkembang pada kadar 5% berbanding dengan kadar 3.9% telah dicapai.

Penambahan kemasukan FDI juga dijangka akan bertambah walaupun amaunnya tidak ditunjukkan. Rancangan ini juga selanjutnya menjangkakan bahawa inflasi akan kekal, sederhana. Justeru itu, harga barangan akan dapat distabilkan. Berdasarkan *track record* lama untuk tujuan penjangkaan, maka jangkaan-jangkaan ini adalah terlalu mudah. Risiko pertumbuhan lembap berpunca daripada tindakan-tindakan pembetulan yang tidak dapat dielakkan untuk menyesuaikan belanjawan Amerika Syarikat dan defisit-defisit luaran yang mungkin akan menyebabkan krisis tidak ambil kira. Keadaan dan perkembangan politik di Timur Tengah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung. Tidak?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum lagi? Belum habis?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum, belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau macam itu, boleh sambung petang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, semasa Dewan yang mulia ini ditangguhkan, saya sedang kata bahawa risiko pertumbuhan lembap berpunca daripada tindakan-tindakan pembetulan yang tidak dapat dielakkan untuk menyesuaikan Belanjawan Amerika Syarikat dan defisit-defisit luaran yang mungkin akan menyebabkan krisis tidak diambil kira. Keadaan dan perkembangan politik di Timur Tengah negara-negara pengeluar minyak lain Nigeria, Venezuela, Asia Tengah yang akan menyebabkan lonjakan besar harga minyak dan kucar-kacirkan perdagangan, pembayaran, aliran kapital dan menyebabkan ketidakstabilan ekonomi secara keseluruhan juga tidak diambil kira. Tambahan pula kehilangan daya saing negara dan perhatian yang diberi kepada China dan India sebagai destinasi untuk penyaluran aliran kapital FDI secara besar-besaran juga tidak diambil kira dalam rangka kerja rancangan ini.

Rangka kerja rancangan ini menyatakan bahawa kestabilan harga akan dicapai. Kes yang dibuat ini adalah sukar untuk dipercayai. Adalah penting untuk mengetahui bahawa CPI telah mencatatkan peningkatan sebanyak 3% pada tahun 2005 dan kadar

penambahannya telah meningkat. Lebih-lebih lagi CPI bukan satu pendekatan yang sesuai terhadap inflasi keseluruhan kerana ianya hanya dikaitkan dengan satu komponen GDP, sungguhpun itu satu kayu pengukur yang terbaik untuk mengukur aktiviti ekonomi keseluruhan.

Satu cara yang lebih sesuai ialah sama ada menggunakan *GTP deflator* atau indeks harga penghasil *procedure price index*. *GTP deflator* kita pada tahun 2005 telah meningkat sebanyak 4.5% manakala GPI untuk pengeluaran tempatan telah bertambah sebanyak 7.9%. Oleh itu inflasi adalah lebih teruk daripada yang ditunjukkan oleh CPI. Tanda-tanda bahaya sebenarnya telah tidak dihiraukan. Rangka kerja rancangan ini adalah begitu sunyi senyap terhadap impak inflasi oleh perbelanjaan RM220 bilion yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Perbelanjaan yang sebegini besar sudah pasti akan menyebabkan inflasi yang jelas dalam ekonomi domestik, tetapi masih tiada sebarang langkah diambil berhati-hati dan berjaga-jaga nampaknya telah diabaikan kerana kerajaan telah buat keputusan untuk mengatakan satu *spending spree*. Bagaimana kerajaan bercadang untuk menabung *spending spree* ini. Anggapan-anggapan optimistik telah dibuat bahawa *revenue* pendapatan akan bertambah pada kadar 6.9% yang mana ini adalah tidak konsisten dengan pembangunan GDP sebanyak 6%. Pendapatan dijangkakan akan bertambah daripada RM533 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan kepada RM779 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Anggapan-anggapan optimistik yang sama juga telah dilakukan berkenaan perbelanjaan pengurus atau *operating expenditure* yang dijangkakan akan bertambah pada kadar yang lebih rendah iaitu 6.5% dalam masa lima tahun yang akan datang berbanding dengan pertambahan 11% semasa Rancangan Malaysia Kelapan. Dengan pinjaman yang lebih besar, kadar faedah yang lebih tinggi perkhidmatan hutang uga akan bertambah dengan dahsyat. Ini tidak dapat dikurangkan dengan pengurangan *operating expenditure* yang lain.

Penabungan sektor awam telah dibuat dengan mengangap bahawa *surplus* akan diperolehi oleh *Non Financial Public Enterprises* (NFPE) yang akan bertambah daripada RM57.6 bilion kepada RM172.9 bilion, satu kenaikan hampir tiga kali ganda. Tiada sebarang terperinci diberi berkenaan dengan bagaimana wang ini dapat diperolehi. Dengan mengambil kira jangkaan-jangkaan yang cukup optimistik ini, rancangan ini meninjau bahawa *over all public sector* defisit akan berkurang daripada defisit RM29.9 bilion kepada *surplus* sebanyak RM79.12 bilion dalam masa lima tahun yang akan datang. Ini merupakan satu *turn around* sebanyak kira-kira RM110 bilion. Nampaknya optimisma sebegini sudah berkembang tanpa sebarang batasan. Kerajaan Persekutuan yang menanggung defisit sebanyak RM97.8 bilion semasa Rancangan Malaysia Kelapan yang mana pada mulanya angka defisit yang dijangkakan ialah RM29.9 bilion pula akan mengalami defisit sebanyak RM107.65 bilion dalam rancangan yang baru.

Oleh itu defisit Kerajaan Persekutuan akan bertambah ke 3.4% sedikit kurang daripada apa yang dicatatkan dalam tempoh Rancangan Kelapan. Defisit ini akan ditabung oleh pinjaman domestik sebanyak RM106 bilion iaitu penambahan sebanyak RM81.05 bilion daripada rancangan sebelumnya bersama-sama dengan pinjaman-pinjaman asing sebanyak RM1.34 bilion.

Dengan mengambil kira jumlah hutang yang bertambah daripada RM228.7 bilion kepada RM351.3 bilion pada tahun 2010 iaitu satu kenaikan sebanyak 53% dengan komponen domestik bertambah daripada RM198.6 bilion kepada RM319.9 bilion serta komponen asing bertambah daripada RM30 bilion kepada RM31.3 bilion. Maka ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan sedang menolak dasar untuk menurunkan defisit secara beransur-ansur supaya ianya terletak di bawah kawalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bajet 2006 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada September 2005.

Ini menandakan satu pertukaran *U-turn* yang sangat asas yang *radical* dalam dasar kerajaan. Perbelanjaan defisit ini bukan lagi cara untuk merangsangkan ekonomi, ianya sekadar merupakan satu ciri-ciri kekal, dalam dasar kewangan kita. Hutang Kerajaan Persekutuan akan melompat kepada RM351.3 bilion atau 48.6% daripada GDP. Pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2010 lebih separuh daripada hutang ini disebabkan oleh perbelanjaan defisit dari tahun 2000 hingga tahun 2010.

Jangkaan-jangkaan ini merupakan tanda penerimaan dasar-dasar kewangan yang cukup tidak bertanggungjawab dan berisiko tinggi serta pengabaian dasar fizikal yang beramanah. Manakala pasaran memberi ganjaran kepada kita atas amalan beramanah pada masa lalu dengan memberi *rating* yang bagus kepada kita. Pertukaran dasar fizikal yang tidak berjimat-cermat tidak dapat lari daripada pasaran dan para agen *rating*. Dalam dunia globalisasi, tiada mana-mana negara yang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sekejap ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, berapa lama dia bercakap Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, apakah ada terhad masa atau macam mana Tuan Yang di-Pertua atau...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita lebih daripada contoh yang ada dahulu... kita.. sabarlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tujuh jam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, bincang lagi, banyak lagi. [Ketawa] Rancangan Malaysia Kelapan, misi, nasional 15 tahun...

Tuan Yang di-Pertua: Kita tengok dahulu ya, berapa banyak, lepas itu saya bagi tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Manakala, pasaran memberi ganjaran kepada kita atas amalan beramanah pada masa lalu dengan memberi *rating* yang bagus dan dalam dunia globalisasi tidak ada mana-mana negara yang tidak mampu melayan norma-norma perdagangan konvensional. Lebih-lebih lagi kepada ekonomi Malaysia yang begitu terbuka dan rapuh. Jikalau mana-mana negara berbuat demikian, maka pasaran-pasaran akan mengambil langkah-langkah pembetulan dan menghukum mereka. Ini merupakan satu pengajaran kritikal yang dipelajari daripada krisis kewangan Asia Timor pada tahun 1997 dan krisis *Mexico* yang berlaku lebih awal. Malaysia seolah-olahnya belum lagi mempelajari pengajaran ini. Kesan-kesan daripada pengurusan defisit-defisit yang tidak mampan oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah kompleks dan mendalam.

Faktor-faktor yang menyebabkan defisit ini merangkumi satu bil subsidi yang besar, saiz bil ini adalah susah untuk difahami apabila bajet Kerajaan Persekutuan dibuat dengan cara yang tidak telus. Walau bagaimana pun hutang, oleh hutang awam yang telah berkembang bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan dalam *decade* yang lepas. Perkhidmatan hutang sekarang memakan lebih 20% daripada perbelanjaan semasa.

Tiga perkhidmatan awam yang terlalu besar yang tidak cekap untuk sebuah negara yang mempunyai penduduk 26 juta orang lebih daripada 10% atau melebihi 1 juta tenaga buruhnya bergantung kepada gaji kerajaan. Produktiviti yang rendah dan ketidakcekapan juga kerap berlaku. Keempat kos beli barang dan perkhidmatan oleh kerajaan adalah tinggi disebabkan oleh amalan-amalan pertenderan yang tidak kompetitif oleh kerajaan. Amalan-amalan ini juga menyebabkan korupsi. Sewa-sewa tambahan yang diwujudkan bermakna kos tambahan kepada kerajaan dan negara.

Yang kelima kelalaian dalam pencukaian dan kelonggaran penguat kuasa membawa kepada kehilangan hasil yang tidak dapat dikira. Rejim kawal atur sekarang ditandai dengan sistem lesen permit kelulusan, AP untuk pengimport barang, kenderaan bermoto hanya merupakan salah satu daripada barang yang dimaksudkan. Garis panduan terhadap kenyataan asing dalam perdagangan *distributive* atau *guideline* untuk *foreign participations and distributive trade* yang bertentangan dengan bantahan kuat daripada komuniti perniagaan telah mengurangkan daya-daya persaingan dan memperuntukkan kemudahan untuk membuat *price distortion*.

Amalan-amalan lain yang perlu diberi perhatian ialah cara harga utiliti ditentukan kenaikan tol dan perjanjian sulit berkaitan dengan penjana kuasa merupakan beberapa lagi contoh dasar-dasar gagal yang mempunyai kesan dan impak terhadap tahap harga barang.

Response kerajaan terhadap tahap inflasi yang semakin bertambah adalah tidak berkesan dan tidak sensitif terhadap kepincangan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang

berpendapatan rendah. Keputusan untuk menarik balik subsidi petrol mungkin disebabkan bahawa kerajaan ingin mengurangkan defisit kewangan dan membetulkan *market distortion*. Walau bagaimanapun, cara di mana keputusan ini dibuat mempamerkan kekurangan pengetahuan terhadap ekonomi asas walaupun pengurangan subsidi *market distortion* dialu-alukan mengapakah ianya dibuat ke atas produk-produk petroleum.

Nilai asas memberitahu kita bahawa sebarang kenaikan harga petroleum akan mendatangkan kesan serta-merta terhadap seluruh ekonomi, bukan sahaja pemandu-pemandu kenderaan sahaja sebarang kenaikan harga dalam industri pengangkutan teksi, bas, pengangkutan jalan akan menyebabkan para pengguna menanggung kos yang lebih tinggi. Selain daripada penafian sudah tidak dapat dielakkan bahawa harga tenaga dan utiliti juga akan naik. Adalah tidak dapat dielakkan bahawa kenaikan-kenaikan ini akan menjejaskan kos pembuatan dan pengeluaran barangan, baik untuk pasaran-pasaran domestik atau asing. Penafian-penafian ini akan menyebabkan kesan rantai dan lama-kelamaan....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ipoh Timor, penjelasan boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, kalau tidak ada orang kata mahu tanya semacam Sri Gading berapa lama dan lain-lainlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Ipoh Timor. Saya tengok Ipoh Timor tadi punya *statement*, peringkat awal marahkan kepada kerajaan kerana dia kata terlampau banyak subsidi. Selepas itu pula dia bercakap apabila kerajaan mengurangkan subsidi dengan kenaikan harga minyak 30 sen dia marah pula lagi. Tadi, dia kata terlampau banyak subsidi, bila kita hendak kurangkan subsidi minyak dengan kenaikan harga 30 sen, dia kata macam-macam juga kerajaan. Yang mana satu betul ini Ipoh Timor? You orang lama saya orang baru. You betul ke tidak betul?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, terima kasih. Kalau ada ikut apa saya kata pun minggu lalu atau dalam perbahasan, saya ada kata bahawa masalah ialah cara, amaun dan bentuk pengurangan bukan bahawa subsidi tidak perlu ditangani tetapi cara, amaun dan *timing*. Saya harap Yang Berhormat boleh faham dan adakah kerajaan bersedia untuk bertahan dan tidak membenarkan kenaikan tarif contohnya kepada tenaga dengan mana kerajaan akan terpaksa menambahkan subsidi atau secara alternatif, memaksa GLC ini menanggung kerugian. Oleh itu satu dasar waras diperlukan untuk menilai semula semua subsidi yang diberi demi membangunkan satu rancangan yang komprehensif untuk menurunkan, dan akhirnya menghapuskan semua subsidi yang bersifat *distorting* melalui satu rangka masa yang dipanjangkan yang adil.

Pengurangan subsidi bahan bakar yang terbaru tidak menyentuh tentang subsidi-subsidi umum yang dihulurkan oleh Petronas kepada penjana kuasa elektrik tunggal atau IPP, yang membina rangkaian loji penjana kuasa elektrik menggunakan gas asli pada tahun 90-an. Sejak krisis tahun 1997 Petronas bukan sahaja dengan banyak menyumbangkan gas pemprosesan yang disubsidikan kepada tenaga, tetapi juga kepada IPP. Mengikuti perjanjian Perangkaan Petronas, subsidi-subsidi ini adalah berjumlah RM25 bilion. Perjanjian-perjanjian khas sebegini telah mengayakkan segelintir kecil yang mempunyai hubungan baik dengan golongan atasan dengan peniaga-peniaga besar yang kaya dan syarikat-syarikat yang dapat untung, Genting Sanyen, Power Malakoff Berhad, Tanjung Powertek Berhad.

Kita berhak untuk bertanya, mengapakah layanan khas ini diwujudkan? Mengapakah subsidi-subsidi masih diberi, mengapakah perjanjian-perjanjian ini ialah perjanjian sulit. Inilah masa untuk mendapatkan jawapan, inilah masanya untuk kerajaan menjelaskan. Akhirnya mengenai inflasi, kerajaan perlu beralih daripada pendirian penafian. CPI yang sekarang yang merupakan penghitung utama kadar inflasi telah gagal kerana ianya telah terlebih mewakili indeks harga barang pengguna dengan tidak mengikuti perkadaran yang betul, di mana harga dikawal dan ditentukan oleh kerajaan. Oleh itu indeks sekarang tidak mencerminkan kadar inflasi yang sebenar.

Walaupun ini tidak memberi apa-apa kesan di bawah keadaan normal, adalah penting untuk mengetahui bahawa kadar inflasi sedang bertambah. Cara penanganan yang gagal akan mendatangkan kemudaratan dengan mana pembuat keputusan akan membuat berdasarkan pengalaman yang silam. Ini merupakan kesnya dalam keadaan sekarang. Dengan ini adalah penting untuk kerajaan meminta pendapat dan nasihat objektif untuk menghitung semula indeks ini. Satu penilaian yang serius dan objektif terhadap senario ekonomi mengenal pasti keperluan untuk mengadakan satu dasar yang selaras dan bersepadu untuk menangani cabaran inflasi, dasar-dasar sesuai yang mengasaskan teras dan kekurangan ekonomi asas kita perlu diterima dan dilaksanakan berbanding dengan dasar-dasar yang dilaksanakan sekarang.

Sasaran-sasaran utama dasar itu perlu merupakan satu kombinasi pendekatan yang dapat menjurus kepada pengurangan defisit fiskal, satu kadar pertukaran mata wang asing untuk membebaskan ringgit dan satu dasar kewangan yang mengambil kira keterbukaan ekonomi Malaysia. Asas-asas ekonomi tidak boleh diabaikan. Tambahan pula pemulihan kesihatan ekonomi Malaysia memerlukan tindakan-tindakan untuk mengalihkan *distortion* yang disebabkan oleh rejim pengawalan, sistem pelesenan dan proses-proses anti persaingan yang lain.

Kemiskinan, rancangan ini dengan tepatnya memberi penekanan yang besar ke atas isu kemiskinan. Bab keenam belas merupakan teras rancangan ini. Saya ingin memulakan isu ini dengan konsep dan metodologi yang digunakan untuk menentukan ukuran pendapatan garis kemiskinan dan penganggaran kemiskinan. Ia pada dasarnya mempunyai kelemahan dan menjejaskan analisis dan keputusan yang mana akan menyebabkan pelaksanaan dasar yang salah. Rancangan ini menggunakan konsep kemiskinan tegar yang didefinisikan sebagai pendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan. Perkataan "tegar" bukan perkataan yang terpakai di antarabangsa. Dua agensi antarabangsa yang menganalisis kemiskinan iaitu Bank Dunia dan UNDP, menggunakan konsep *absolute* dan *relative* kemiskinan.

Saya tidak nampak sebarang alasan yang sah bagi Malaysia mengelakkan diri daripada menggunakan terminologi yang bertaraf antarabangsa. Satu isu yang mendalam dan merunsingkan adalah berkaitan dengan cara pengiraan yang digunakan. Akta 16.2 menunjukkan pendapatan garis kemiskinan terdiri daripada dua komponen. Komponen makanan dan komponen bukan makanan. Rancangan dengan lanjut menyatakan komponen makanan dikira berdasarkan nasihat ahli nutrien, ahli diet dan profesional perubatan. Yang penting adalah pola penggunaan sebenar seperti yang digunakan dalam banci isi rumah telah ditinggalkan dan digantikan dengan harga kalori yang diperlukan.

Ia selanjutnya ada cara yang digunakan dalam mendefinisikan garis kemiskinan untuk menganggar kemiskinan tegar. Akibat daripada pendekatan ini, akan menjejaskan pendapatan garis kemiskinan dengan serius dan menurunkan angka anggaran untuk kemiskinan tegar. Ini adalah satu kelemahan yang serius. Pendekatan ini tidak disyorkan dan tidak pernah dipakai untuk mendapatkan pendapatan garis kemiskinan. Kelemahan dasar yang kedua berkaitan dengan unit analisis yang digunakan dalam perkiraan kemiskinan. Unit yang disyorkan dan diterima antarabangsa dalam analisis kemiskinan adalah individu. Akan tetapi rancangan ini menggunakan isi rumah sebagai unit analisis dan terpisah daripada unit kiraan yang diterima antarabangsa.

Adalah penting untuk mengambil kira bahawa saiz isi rumah adalah berbeza dari luar bandar dengan bandar dan juga berbeza mengikut dimensi etnik. Tanpa mengambil kira perbezaan sebegini adalah tindakan yang tidak profesional tidak boleh diterima dan mendatangkan persoalan yang serius terhadap objektiviti dan integriti anggaran yang dibuat. Rancangan ini tidak berbekalkan apa-apa rasional kenapa isi rumah terpilih sebagai unit analisis dan bukannya individu. Ia juga adalah tidak boleh dipertahankan memandangkan data untuk dianalisis adalah terdapat dalam *Household Income and Expenditure Survey*.

Adalah penting untuk menyatakan bahawa berdasarkan kajian-kajian sebelum ini yang serupa Bank Dunia berjaya memberi anggaran kemiskinan berdasarkan individu. Sesiapa yang berminat boleh merujuk kepada *World Bank research paper* yang bertajuk *Inequality and Determinants of Earnings in Malaysia*.

Konsep ukuran kemiskinan yang diterima yang digunakan antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Bank Dunia adalah jelas dan tepat. Satu kadar kemiskinan luar bandar adalah didefinisikan sebagai:

- (i) peratus golongan luar bandar yang tinggal di bawah garis kemiskinan luar bandar negara;
- (ii) kadar kemiskinan bandar adalah peratus golongan bandar yang tinggal di bawah garis kemiskinan bandar negara;
- (iii) kadar kemiskinan negara adalah peratus golongan yang tinggal di bawah garis kemiskinan negara. Anggaran negara adalah berdasarkan *population-weighted subgroup estimates* daripada banci isi rumah;
- (iv) golongan di bawah USD 1 sehari dan golongan di bawah USD 2 sehari adalah peratus golongan yang tinggal dengan kurang daripada USD 1.08 sehari dari USD 2.15 sehari pada harga antarabangsa 1993.

Saya hanya akan membuat keputusan bahawa metodologi ini telah ditolak oleh UPE, yang memilih untuk menggunakan definisi dan ukuran yang tersendiri dengan satu tujuan sahaja, iaitu untuk mendatangkan keadaan beransur baik daripada anggaran kemiskinan yang rendah. Ini merupakan satu penganiayaan terhadap golongan miskin kerana kami telah gagal memberi satu anggaran yang sah dan tepat. Saya tidak dapat memberi tekanan yang berlebihan dalam kepentingan untuk mendapat angka yang tepat kerana ia hanya akan menekankan lagi keperluan untuk balasan dasar dan selanjutnya penagihan sumber untuk menghapuskan gejala kemiskinan dari masyarakat Malaysia.

Mengikut jadual 16/1, kita telah diberitahu bahawa terdapat 85% dan 5.7% daripada kesemua isi rumah merupakan golongan miskin pada tahun 1999 dan 2004 iaitu 409,300 dan 11,350 keluarga tergolong dalam keluarga miskin dalam kedua-dua tahun penting ini. Kita tidak diberitahu apa maksud sebenarnya angka ini daripada sudut berapa rakyat Malaysia yang miskin. Sekiranya purata saiz seisi rumah adalah lima orang ia dapat dianggarkan bahawa terdapat 1.6 juta rakyat Malaysia yang tergolong dalam golongan ini. Angka kemiskinan ini akan menjadi lebih besar sekiranya analisis dibuat atas garis kemiskinan yang berdasarkan pola penggunaan sebenar golongan kemiskinan. Tanpa mengambil kira ukuran yang digunakan adalah jelas bahawa terdapat sejumlah besar rakyat Malaysia yang terus hidup dalam kemiskinan walaupun ekonomi berkembang maju dan peruntukan yang diberi dalam rancangan lima tahun yang lepas untuk membasmi kemiskinan.

Golongan termiskin atau *absolute poverty* berlanjutan sungguhpun faktor-faktor menuju kepada kegagalan pelaksanaan yang tidak kompeten dan kegagalan hasrat politik untuk membuat penyelenggaraan. Rancangan ini mengakui bahawa pengagihan pendapatan menjadi semakin teruk dengan 40% isi rumah terbawah menerima jumlah pendapatan 13.5% berbanding dengan 14% dalam tahun 2000. Sementara jumlah pendapatan 20% isi rumah teratas meningkat dari 50.5% ke 51.2% dalam jangka masa yang sama. Oleh yang demikian, golongan yang kaya menjadi lebih kaya dan golongan yang miskin menjadi semakin miskin. Nisbah ini pada keseluruhannya meningkat dari 0.452 ke 0.462.

Kesemua golongan etnik mencatatkan peningkatan dalam 'keefisienan', dalam jangka masa tersebut. Ketidakrataan di kalangan bumiputera adalah yang tertinggi berbanding dengan golongan Cina dan India. Laporan Pembangunan Kemanusiaan UNDP, *Human Development Report* tahun 2004 menunjukkan Malaysia mempunyai pola pengagihan pendapatan yang paling teruk dalam rantau ini dengan 10% golongan terkaya memperoleh 38.4% daripada jumlah keuntungan dan 10% termiskin hanya memperoleh 1.7% keuntungan. Data-data ini adalah mengejutkan dan memerlukan satu penjelasan.

Rancangan ini tidak menyentuh dengan mendalam dalam isu ini dan gagal mengakui bahawa sebahagian besar penjelasan adalah dalam dasar pengagihan yang memudaratkan dilaksanakan dengan pekeliling kepada sektor korporat, dasar-dasar

kronisma, dasar-dasar bekerja gaji yang menyusahkan para pengguna dan mereka yang makan gaji.

Selain daripada retorik adalah jelas bahawa polisi-polisi asas akan berterusan, tiada sebarang sugu hati kepada golongan yang miskin, bahawa agenda pengagihan akan menjadi lebih adil melalui pertumbuhan kapasiti dan peningkatan daya saingan. Tiada polisi kemiskinan spesifik yang baru dinyatakan. Apa yang ditanyakan merupakan penerusan pendekatan dan program-program yang telah gagal. Peruntukan pembangunan bagi pembasmian kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah RM4.5 bilion berbanding dengan RM7 bilion untuk penyusunan semula masyarakat, yang mana ini adalah jelas untuk menyatakan mana satu yang mempunyai keutamaan yang lebih tinggi.

Rancangan ini menyentuh tentang pengurangan jurang pendapatan antara bumiputera dengan Cina ke nisbah 1.150 dan dengan etnik India ke nisbah 1.115. Rancangan ini menyatakan pendekatan utama adalah satu selain daripada membasmi kemiskinan, strategi pengagihan dan program akan difokuskan untuk melahirkan bumiputera kelas menengah yang lebih besar dan kaya melalui perkembangan modal insan. Kedua, melalui penstrukturan semula pekerjaan dalam sektor swasta. Memperbanyakkan milik aset *cooperate* komersial tempat tinggal dan harta intelek. Rancangan ini juga menyatakan bahawa dalam tempoh rancangan ini kerajaan akan berusaha untuk memastikan bahawa pola pekerjaan dalam semua peringkat pekerjaan dan sektor ekonomi benar-benar mencerminkan komposisi kaum masyarakat Malaysia.

Ia selanjutnya menyatakan sektor swasta akan dinasihatkan untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam pemantauan pekerja bumiputera dan menstrukturkan semula pola pekerjaan. Adalah betul untuk membuat satu kesimpulan bahawa mekanisme-mekanisme awal aturan sekarang akan diperketat selanjutnya dengan undang-undang yang lebih jelas. Satu bacaan teliti dalam rancangan ini menunjukkan tiada dasar atau langkah-langkah spesifik untuk menangani jurang pendapatan antara 40% isi rumah ke bawah dengan 20% golongan isi rumah atasan. Keseluruhan fokus nampaknya adalah ke atas pengagihan kekayaan antara kaum. Tidak boleh dinafikan bahawa pengagihan kekayaan antara kaum perlu diberi perhatian tetapi juga adalah perlu untuk menangani keseluruhan pola pengagihan. Sehingga isu ini ditangani, ia merupakan satu bacaan sosial yang bahaya, rasa tertinggal yang tertekan, sosial dipaparkan dalam pendekatan kadar jenayah dan kelakuan anti sosial yang lain.

Adalah perlu untuk kerajaan menangani isu ini dan ia tidak boleh disapu ke bawah permaidani. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji untuk mempergiatkan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh habiskan dalam setengah jam lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya ingat tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, masih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Cubalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, masih banyak lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjanji untuk mempergiatkan usaha memastikan lebih penyertaan bukan bumiputera dalam sektor awam dan sektor-sektor yang kurang disertai oleh mereka. Komitmen seperti ini telah dibuat secara rutin sejak Rancangan Malaysia Kelima tetapi akhirnya tidak dilaksanakan kerana ianya hanyalah kata-kata kosong dan penyertaan bukan bumiputera dalam sektor awam, semakin tahun semakin kurang.

Statistik yang dibekalkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri di Parlimen bulan lepas telah membuktikan kerisauan yang saya suarakan semasa menyertai perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja, Rabu yang lepas. Bahawa setelah setengah abad Malaysia mencapai kemerdekaan, perkhidmatan awam semakin dianggap oleh ramai sebagai perkhidmatan awam Melayu dan bukan perkhidmatan awam Malaysia. Pada Jun 2005, ada seramai 899,250 kakitangan awam, antaranya 77.04% atau 692,736 adalah kaum Melayu.

Selebihnya terdiri daripada 84,295 kaum Cina atau 9.37%, 46,540 kaum India, 5.12% dan 69,828 lain-lain bumiputera 7.7% dan 6,337 lain-lain kaum atau 0.70%. Statistik

ini menyerlahkan kegagalan yang serius, objektif dua mata DEB ini untuk menstrukturkan semula masyarakat Malaysia demi mengurangkan dan akhirnya menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi.

Sebagai majikan terbesar dalam negara ini, kerajaan harus menjadi teladan yang baik dan mencapai objektif penting dua mata DEB untuk mengurangkan dan akhirnya menghapuskan identifikasi kaum dengan jenis kerja dan lokasi. Tetapi nampaknya apa yang berlaku adalah sebaliknya dalam segi komposisi kaum perkhidmatan awam Malaysia. Sebelum Dasar Ekonomi Baru telah dilancarkan pada 1971, komposisi mengikut kaum dalam sektor perkhidmatan awam Malaysia adalah 60.8% Melayu, 20.2% Cina, 17.4% India dan 1.6% lain-lain kaum. Setelah 35 tahun DEB diperkenalkan peratusan kaum Cina yang kurang penyertaannya dalam perkhidmatan awam Malaysia telah jatuh lagi daripada 20.2% menjadi 9.37%. Sementara kaum India yang pada ketika itu sebelum Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan mempunyai kadar penyertaan yang tinggi iaitu 17.4% kini telah kurang penyertaannya menjadi 5.12%.

Kerajaan seharusnya bersikap serius untuk mengkaji sebab mengapa kaum Cina dan India telah menjadi begitu kurang penyertaan mereka dalam sektor perkhidmatan awam 35 tahun selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Dengan kaum Cina jatuh 10.8% mata, sementara kaum India jatuh 12.3% mata dari 1971 ke 2006. Adalah terlalu *simplistic* dengan menyatakan bukan Melayu sebagai tidak berminat untuk menyertai perkhidmatan awam kerana sebab utama kaum Cina dan India kurang penyertaan dalam perkhidmatan awam Malaysia ada kaitan dengan dasar pengambilan kakitangan yang tersilap khasnya memandangkan ada timbul perasaan negatif di kalangan kaum bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan awam.

Rakyat berharap kerajaan akan mengumumkan satu *blue print* untuk memperbaiki masalah kurang penyertaan kaum Cina dan India dalam perkhidmatan awam Malaysia, satu kegagalan penstrukturkan semula DEB yang serius semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini digulung nanti. Saya telah melawat ke laman web Petronas sebagai contoh dan mendapati bahawa 100% dari Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya adalah terdiri daripada kaum Melayu. Bukankah ini telah sampai masanya bagi Petronas dan semua GLC-GLC yang lain supaya menjadi teladan baik dan lebih menggambarkan populasi berbagai kaum negara ini serta berkhidmat untuk agenda Malaysia dan bukan agenda Melayu dalam segala aspek operasi dan fungsi mereka.

Cara penyelesaian ketidakseimbangan pendapatan di antara kumpulan bolehlah diselesaikan menerusi menetapkan sasaran dan pembentukan penstrukturkan semula serta rancangan menyeluruh dalam pembangunan modal insan menurut cara yang dicadangkan. Tidak dapat dinafikan bahawa pembaharuan sistem pendidikan pada semua peringkat merupakan langkah yang pertama dan fundamental. Standard mestilah diperbaiki, merit dalam pemilihan harus dijadikan satu faktor, pembaharuan kokurikulum, institusi pendidikan tinggi kita perlu di struktur semula dengan segera termasuk cara mengambil kakitangan. Tumpuan ke atas kuantiti harus dihentikan dan digantikan dengan kualiti. Adalah jelas bahawa institusi pendidikan kita kini sedang menghasilkan semakin ramai *graduate* yang menganggur dan tidak layak untuk bekerja.

Rancangan Malaysia Kesembilan meramalkan bahawa 1.1 juta tambahan kerja mesti akan dicipta dalam tempoh 5 tahun, dan antaranya 400 ribu memerlukan kelayakan pendidikan tinggi, sijil, diploma, ijazah, sarjana muda atau Ph.D. Bagaimanapun angka-angka ini juga mendedahkan bahawa lebih dari 250 ribu *graduate* tempatan akan dihasilkan oleh IPTA dan IPTS tempatan. Ini bererti setelah mengambil kira angka-angka kematian, persaraan, imigrasi dan lain-lain yang mengurangkan tenaga kerja dalam pasaran tenaga manusia, 2/3 ataupun 66% dari graduan baru tidak akan mendapat kerja peringkat graduan. Sistem pendidikan menengah juga tidak menampakkan prestasi yang baik. Ramai pelajar yang datang dari sistem pendidikan agama menganggur atau mendapat kerja yang berpendapatan rendah. Ini merupakan hasil kajian Bank Dunia yang telah saya petik sebentar tadi.

Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak membekalkan petanda bahawa wujudnya sebarang hasrat untuk menangani isu-isu serius ini. Penekanan yang ditumpukan ke atas memajukan sekolah-sekolah bestari dan usaha menarik lebih ramai

pelajar bukan bumiputera ke sekolah nasional, sekiranya berjaya pun tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah serius yang berkaitan dengan kokurikulum, kualiti, dan orientasi kakitangan pengajar serta polarisasi kaum. Kita perlu mengingatkan jalan alternatif untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik dan membolehkan mereka mendapat kerja di pasaran kerja nanti, kerajaan tidak boleh menyekat pilihan rakyat, ia mestilah faham dengan keperluan semasa. Daya saing sesebuah negara banyak bergantung ke atas kualiti sumber manusia. Ia sebaiknya diputuskan oleh tahap kecemerlangan atau kekurangan kecemerlangan ilmu dan kepakaran tenaga kerjanya. Untuk satu atau lebih generasi rakyat Malaysia adalah malang sekali kita terpaksa menghadapi dasar pendidikan yang membawa impak negatif kepada usaha mencipta satu pasukan tenaga kerja yang dinamik, bermotivasi tinggi dan kepakaran.

Institusi-institusi pendidikan menengah dan tinggi kita telah menjadi seperti kilang sosej yang menghasilkan graduan yang tidak berkelayakan untuk mendapat kerja dalam bidang-bidang yang akan menentukan masa depan negara kita. Kesan kehilangan daya saing ini semakin dirasai, sungguhpun telah wujudnya petanda bahaya yang jelas. Pentadbiran kerajaan masih terus enggan mengambil tindakan yang sewajarnya. Retokrasi dalam pemilihan pelajar serta pensyarah tidak boleh digantikan dengan proses yang kurang terbuka dan telus. Kita mesti mengiktiraf bahawa kenaikan taraf sistem pendidikan memerlukan lebih dari pelaburan wang tunai.

Dengan hanya melaburkan wang ke atas masalah kita, ianya tidak akan membantu menyelesaikan masalah yang ada. Adalah penting supaya tindakan yang tegas diambil demi memperbaiki kualiti sistem kita. Menghasilkan graduan yang berilmu dan berdaya menghadapi cabaran di dunia yang penuh persaingan ini. Saya ingin merujuk kepada kenyataan koordinator residen PBB serta perwakilan untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Richard Leete, yang menilai krisis pengangguran di kalangan graduan Malaysia.

Beliau berkata dengan izin,

"Despite of Malaysia's impressive record in employment, the unemployed rate among persons aged 22-24 has risen markedly since 2000, and is now around ten percent".

Dan beliau juga berkata,

"Of particular concern is the rising level of unemployment among Malaysians with tertiary education, which in 2004 for the first time ever, was at a higher level for Malaysian graduates than for those with secondary or primary education attainment."

Tambah beliau bahawa masalah ini menunjukkan perlunya diseragamkan permintaan pasaran dan sistem pendidikan terkini diamalkan di pusat pendidikan peringkat tinggi.

Rancangan Malaysia Kelima nampaknya tidak menangani masalah ini. Adalah perlu kerajaan mengikis perasaan diskriminasi di kalangan masyarakat bukan Melayu demi mengelakkan tanggapan terasing daripada aliran utama pembangunan negara. Sama ada betul atau tidak perasaan tidak sihat ini diwujudkan sejak Rancangan Malaysia sebelum ini khususnya dalam pengagihan peruntukan. Pengagihan peruntukan yang tidak adil itu baik kepada sekolah Cina dan Tamil mahupun kampung baru, ladang dan estet.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM4.9 bilion diperuntukkan kepada sekolah rendah di mana agihan tidak selaras dengan bilangan murid di mana: -

- Sekolah rendah kebangsaan memperolehi RM4,709 juta atau 96.1%;
- Sekolah Rendah Cina memperolehi RM133.6 juta atau 2.7% keseluruhan peruntukan, sungguhpun menampung 21% daripada jumlah pelajar keseluruhan pelajar sekolah rendah; dan

- Sekolah Rendah Tamil memperolehi RM57.6 juta ataupun 1.2% keseluruhan peruntukan sungguhpun menampung 3% daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah rendah.

Adalah tidak adil Sekolah Rendah Cina dan Tamil diberikan 103.6 juta dan RM57.6 juta masing-masing berdasarkan bilangan murid mereka berhak menerima RM1,029 juta dan RM147 juta masing-masing. Adalah diharapkan sekolah Cina dan Tamil diberikan peruntukan berdasarkan kriteria yang adil, iaitu bilangan dasar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehingga sekarang kita masih belum tahu daripada RM23,198 juta untuk sektor pendidikan. Berapa banyakkah yang diperuntukkan untuk semua sekolah rendah dan seterusnya Sekolah Rendah Cina dan Tamil untuk sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan separa.

Itulah perbezaan di antara DAP dan BN. DAP mengakui status bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Pada masa yang sama DAP berdiri teguh bahawa kerajaan bertanggungjawab menunaikan tugas mempromosikan dan memperluaskan status dan penguasaan bahasa ibunda di negara ini. Sebaliknya kerajaan enggan menerimanya dan tidak agresif dan komited mengatasi masalah kekurangan guru yang sampai satu tahap krisis sehingga ada sekolah yang terpaksa mengurangkan kelas sungguhpun sudah terlalu padat pelajarinya.

Seharusnya kerajaan membenarkan pembinaan sekolah Cina di kawasan yang memerlukan sehingga ada 40, 50 lebih daripada 50 murid sekelas jauh lebih besar daripada ideal 30 murid sekelas. DAP berharap bahawa tragedi yang menyebabkan seorang guru sekolah Cina di Kedah terkorban kerana kekurangan wang membaiki struktur bangunan membahayakan tidak berulang lagi. Adalah dikesali bahawa dalam perkara ini parti-parti komponen Barisan Nasional MCA dan Gerakan tidak berani menuntut bahawa tambahan pembiayaan pendidikan. Meningkatkan standard adalah lebih baik daripada membazirkan wang membeli kapal selam. Siapakah musuh kita sehingga perlu menggunakan senjata api canggih seperti kapal selam? Di samping itu berapa banyakkah peruntukan pembangunan kampung baru dan ladang estet untuk Rancangan Malaysia Kesembilan berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelapan.

Presiden MCA begitu berbangga dengan RM326 juta yang diperolehinya untuk kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Adakah jumlah ini adil? Laporan terkini menyatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, projek pembangunan luar bandar adalah sebanyak RM21 bilion. Berdasarkan kepada penduduk kampung baru sebanyak 1.25 juta orang dari penduduk luar bandar sejumlah 9.4, bermakna penduduk kampung baru merupakan 18% keseluruhan penduduk luar bandar. Oleh itu kampung baru sepatutnya memperolehi 14% membiayai pembangunan luar bandar, sebanyak RM21 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Maka Yang Berhormat Menteri patut memperolehi RM3 bilion dan bukanlah berpuas hati dengan hanya RM326 juta. Sekarang dengan RM28.4 bilion diberikan untuk projek pembangunan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, berapakah daripada jumlah ini diberikan kepada kampung baru?

Keadaan lebih meruncing untuk ladang estet India di mana berpuluh tahun keabaiannya menyebabkan dia kurang dibangunkan. Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM28.4 bilion ini untuk ladang estet? Soalan yang sama boleh ditujukan untuk pembangunan luar bandar di Sarawak. Berapakah disalurkan di kampung-kampung tradisi, rumah panjang dan kampung baru?

Sebagai Ahli Parlimen dari Perak, saya ingin menarik perhatian bahawa Perak kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dari aspek pembahagian pembangunan. Sungguhpun Perak mempunyai penduduk yang keempat besar di Malaysia dengan 2.28 juta, ia adalah di tangga yang kelapan dalam peruntukan pembangunan sebanyak RM7,614 juta.

Keadaan ini sama seperti Rancangan Malaysia Kelapan di mana Perak tetap berada di tangga ke lapan. Sudah sampai masanya Perak mendapat perhatian selepas tersangkut di tangga ke lapan begitu lama.

Saya juga ingin meminta kerajaan menjelaskan macam mana penduduk Sabah boleh melonjakkan begitu tinggi daripada 2.6 juta pada 2000 kepada 3.1 juta pada 2005. Peningkatan sebanyak 20% dalam lima tahun amat menakjubkan dan memang tidak kena pada tempatnya. Peningkatan 20% ini adalah paling tinggi seluruh Malaysia.

Sebenarnya inilah di muka 361 dengan peningkatan 20% dalam lima tahun yang menunjukkan mungkin peningkatan pendudukan di Sabah antara tertinggi di dunia. Dan kita tahu bahawa inilah sudah menyebabkan satu krisis sosial di Sabah, bahawa adalah satu kempen di mana dalam tahun 1970 kependudukan (*population*) ialah 650 ribu. Tetapi selepas 35 tahun sudah lompat kepada 3.1 juta ialah 500%, ini tentulah satu ancaman kepada kestabilan sosial di Sabah dan yang boleh dilihat daripada apa yang berlaku di satu kampung Kadazan di Penampang, di mana oleh sebab ada usaha kerajaan Sabah untuk *relocate*, di mana lebih daripada 2000 setinggan-setinggan daripada Sri Tanjung daripada Kota Kinabalu International Airport, daripada Penampang adalah satu protes yang baru-baru ini melibatkan 5,000 orang.

Oleh sebab mereka bukan sahaja bukan orang tempatan bukan orang Sabahan, dan ini satu krisis yang besar, yang kita boleh lihat daripada angka-angka kita baru dapat daripada Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan betapa serius isu-isu ini, yang mana begitu lama diabaikan. Mungkin peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan kadar kelahiran kecuali ada *growth hormone invented* dan mesti disebabkan oleh pendatang asing. Macam mana kebenaran boleh diberikan dengan begitu cepat sedangkan ada beratus-ratus ribu kaum Cina di Semenanjung Malaysia yang duduk berpuluh tahun tidak dapat kerakyatan mereka.

Sungguhpun saya tidak duduk di Sabah, saya ingin suarakan bagi pihak yang sudah hilang suara dan keberanian mereka bagi pihak rakyat Sabah khususnya semua kaum yang ada, kaum Kadazan dan mereka sudah menjadi "*strangers in their own land*" dan hak-hak serta kedudukan mereka terhakis.

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan luar (*external trade*) merupakan kuasa penjana pertumbuhan ekonomi Malaysia yang utama. Dasar-dasar yang berorientasikan eksport ditambah dengan kemasukan FDI memberi manfaat kepada negara kita. Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam perbincangan WTO. Telah menuntut layanan adil dan juga perlindungan yang secukupnya terhadap eksport negara-negara membangun ke dalam pasaran negara-negara maju demi menjamin kewujudan persaingan setara di antara mereka.

Selain itu, Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam memajukan Perjanjian Perdagangan Bebas Asian (AFTA). Memang tidak dipersoalkan bahawa pembukaan pasaran dapat memperkayakan lagi agenda pembangunan Malaysia. Namun kami merasa amat hairan dan dukacita bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan memperuntukkan ruangan yang tidak lebih daripada satu perenggan untuk membincangkan perkara ini.

Apa yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah Malaysia akan terus memberikan terhadap kewajipan WTO dan mengaturkan perjanjian-perjanjian dua hala yang baru. Adalah hairan dan memmeranjatkan sekali apabila sesuatu isu yang penting dan mustahak dikendalikan dengan sikap yang amat tergesa-gesa.

Saya merasa amat dukacita bahawa Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak pernah dimaklumkan atau diminta pandangan mereka terhadap perjanjian perdagangan bebas (*Free Trade Agreement*) yang baru-baru ini dimeterai dengan Jepun. Laporan berita dan juga ulasan daripada penganalisis-penganalisis yang dimaklumkan perkara ini menunjukkan bahawa perjanjian tersebut adalah berat sebelah di mana manfaat lebih terjurus kepada pihak Jepun. Perjanjian perdagangan bebas tersebut tidak pernah dibentangkan dalam Parlimen untuk pengetahuan atau perbahasan Ahli-ahli Parlimen. Ini adalah satu contoh lain di mana kuasa eksekutif menghina kuasa perundangan.

Lanjutan daripada perjanjian dengan Jepun, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian (MITI) telah memulakan perbincangan awal dengan Amerika Syarikat. Menurut laporan *the Bangkok Post*, 14 Januari, penasihat hal ehwal ekonomi bagi Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia telah berkata, pada bulan Disember

yang lepas bahawa Malaysia dapat menandatangani perjanjian perdagangan bebas sebelum Jun 2007 atas sebab badan penggalak perusahaan yang membekalkan kuasa memutus cepat (*fast track*) tanpa persetujuan Kongres daripada Presiden Amerika Syarikat akan dibubarkan pada 1 Julai 2007.

Mengikut skop dan corak perjanjian perdagangan bebas yang dirunding oleh Amerika Syarikat dengan rakan sedagangan yang lain seperti Australia, Chile dan Singapura, dan juga skop kerja dalam perundingan awal yang meliputi, memudahkan perdagangan dan pelaburan termasuk halangan-halangan bukan tarif, perlindungan hak milik intelektual, peraturan-peraturan yang mempengaruhi dasar-dasar perdagangan dan pelaburan, pemindahan teknologi, bioteknologi, penggalakan dan perlindungan pelaburan.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Sahabat Saham Malaysia dan *The Third World Network* telah menghantar memorandum kepada Kementerian MITI untuk menyuarakan kekhawatiran mereka. Selain itu, Tun Dr. Mahathir juga menyuarakan bantahan terhadap FTA dengan Amerika Syarikat. Adalah perlu diambil perhatian bahawa perundingan perjanjian perdagangan bebas di antara Thailand dan Amerika Syarikat telah terbantut berikutan bantahan rakyat Thailand terhadap isu-isu yang mudah menimbulkan perselisihan seperti hak milik intelektual, kemudahan untuk perubatan, keluasan terma untuk paten dadah, peruntukan untuk perlindungan kereta selama lima tahun dan menyekat alasan-alasan untuk pengeluaran lesen-lesen yang diwajibkan.

Pengalaman sejagat dalam perundingan perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat menunjukkan bahawa negara itu cuba menuntut kewajipan-kewajipan yang dilangkaui batasan WTO daripada rakan-rakan sedagangannya. Ini termasuklah peraturan-peraturan pelaburan, undang-undang perolehan kerajaan dan persaingan di mana negara-negara sedang membangun membantah perkara-perkara tersebut dimasukkan ke dalam rundingan atau dijadikan peraturan WTO. Isu-isu seperti piawaian buruh dan alam sekitar biasanya dimasukkan. Peraturan-peraturan dan kewajipan-kewajipan baru telah dimasukkan melalui pintu tepi dengan cara perjanjian perdagangan bebas. Peruntukan-peruntukan tersebut telah menjangkaui peraturan-peraturan WTO berkenaan dengan TRIPS yang dilaksanakan pada masa ini.

Rancangan Malaysia Kesembilan tidak menyebut bahawa MITI telah menyediakan satu rangka kerja untuk menilai kebaikan dan kos yang terlibat dengan perjanjian perdagangan bebas, baik terhadap komponen cadangan serius peruntukan yang berlainan mahu pun imbalan kebaikan secara keseluruhan. Analisis kos dan kebaikan haruslah mengambil kira:

- (a) keuntungan dan kerugian dalam terma perdagangan, contohnya kenaikan eksport dan import;
- (b) keuntungan dan kerugian dalam aspek pekerjaan;
- (c) pengaruh terhadap hilang kebebasan dasar;
- (d) pengaruh sosial terhadap kemudahan perubatan, pengetahuan, keselamatan, makanan dan sebagainya; dan
- (e) pengaruh terhadap pemindahan teknologi.

Sebelum memasuki perundingan penuh dengan Amerika Syarikat, jika penilaian tersebut tidak dijalankan, ini seakan-akan membuat keputusan dengan sikap membabi buta dan tidak bertanggungjawab. Bagi pihak Malaysia jelaslah kurang manfaat dapat diperolehi.

Dengan perjanjian perdagangan bebas yang dimeterai dengan Amerika Syarikat, Malaysia tidak mungkin lebih untung daripada kemudahan pasaran ke atas barang-barangan. Ini adalah kerana kemudahan tersebut sudah pastinya akan disekat dan dibatasi oleh syarikat-syarikat yang menyusahkan seperti peraturan-peraturan awalan dan kaedah-kaedah jaminan.

Untuk hasil pertanian, keuntungan adalah kurang sekali. Sebagai contoh, Australia tidak mendapat sebarang kuota tambahan ke atas gula mengikut perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat. Bagi daging lembu, Australia hanya mendapat kenaikan 8.5

peratus dalam kuotanya di mana hanya daging lembu bergred pengeluaran diizinkan dalam tempoh 18 tahun atau dalam kata lain setengah ekor lembu untuk setiap kandang bagi setiap tahun.

Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Utara Amerika (NAFTA) halangan-halangan bukan tarif juga menyekat eksport hasil pertanian seperti yang diharapkan oleh Mexico ke Amerika Syarikat. Disebabkan kurangnya keupayaan dan persaingan, maka Malaysia kurang bermanfaat dari aspek perkhidmatan. Jika diambil contoh perjanjian perdagangan bebas yang termeterai oleh Amerika Syarikat dengan negara-negara yang lain jelaslah bahawa perjanjian perdagangan bebas yang mungkin dipersetujui oleh Amerika Syarikat dan Malaysia adalah berat sebelah, menggugat kepentingan nasional dan merugikan kita. Bagi kewajipan tambahan yang berkenaan dengan hak-hak kekayaan intelektual di mana ia menjangkau kewajipan-kewajipan yang ditetapkan oleh TRIPS ini sudah pastinya akan merugikan Malaysia.

Bagi pelaburan, perolehan kerajaan dan persaingan pula, Malaysia terpaksa menanggung kerugian dari segi terjejasnya ruang dasar dan penggunaan alat-alat dasar. Isu pelaburan adalah terpenting bagi agenda Amerika Syarikat yang terkandung dalam banyak perjanjian FTA. Permintaan Amerika Syarikat sudah pastinya akan membuat sebarang percubaan untuk melebihi apa yang dicadangkan dalam perbincangan WTO berkenaan dengan pelaburan yang juga dibantah oleh Malaysia.

Ini adalah kebimbangan yang turut dicetuskan oleh perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani oleh Amerika Syarikat dan Singapura. FTA di antara Amerika Syarikat dan Singapura memperkenalkan definisi yang luas terhadap pelabur dan pelaburan piawai tinggi terhadap hak penubuhan, contohnya peruntukan untuk hak-hak sebelum penubuhan yang kuat, layanan nasional (*national treatment*), larangan piawai terhadap prestasi atau *prohibition performance standard*, kebebasan untuk pemindahan dana, klausa untuk pengambilannya juga penyelesaian pertelingkahan di antara pelabur dan kerajaan.

Pelabur-pelabur yang mendakwa dirinya mengalami kerugian akibat daripada definisi luas terhadap pengambilannya boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan untuk pampasan. Di bawah NAFTA banyak kes yang melibatkan pelabur dan kerajaan telah berlaku. Malaysia akan mengalami denda yang berat mengikut peruntukan-peruntukan pengambilan dan penyelesaian pertelingkahan tersebut. Malaysia telah memimpin negara-negara sedang membangun untuk membantah permulaan rundingan perjanjian pelaburan dalam WTO. Atas sebab tindakan ini akan menghalang atau mengurangkan kebebasan mereka dalam menentukan dasar pelaburan dengan sendiri seperti pilihan dan syarat-syarat untuk pelaburan asing termasuk keperluan untuk izin masuk, keperluan ekuiti, keperluan prestasi, peraturan untuk pemindahan dana dan sebagainya.

Adalah jelas bahawa perjanjian konsesi seperti ini akan bertentangan dengan banyak dasar yang sedang dilaksanakan dan dasar-dasar baru yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini adalah satu contoh set dasar yang saling bertentangan dan mengelirukan. Satu contoh yang menerangkan keadaan ini adalah garis panduan baru berkenaan perdagangan pengagihan yang akan dikuatkuasakan keperluan pemilikan.

Mengikut FTA di antara Malaysia dan Amerika Syarikat ini adalah satu yang tidak sah di sisi undang-undang. Kerajaan terpaksa membuat pilihan, sama ada memansuhkan peraturan tersebut atau menghadapi tindakan lawan Amerika Syarikat dan denda yang dikenakan. Secara *typical*, sikap Amerika Syarikat terhadap FTA memerlukan negara-negara sekutu untuk menggubal perundangan yang berkenaan dengan persaingan.

Di bawah dasar dan rangka kerja persaingan, pertumbuhan dan kelangsungan firma-firma tempatan untuk berlawanan dengan syarikat-syarikat asing yang besar telah terjejas. Sekali lagi pelaksanaan undang-undang seperti itu akan bertentangan dengan banyak undang-undang Malaysia yang sedia ada. Keadaan yang sama juga akan mempengaruhi peraturan-peraturan yang mengawal perolehan kerajaan terhadap barang-barangan dan perkhidmatan serta pemberian projek kerajaan, peraturan atau *procurement*.

Peraturan-peraturan perolehan menuntut semua perolehan kerajaan mesti dijalankan secara tawaran terbuka. Isu yang penting adalah adakah kerajaan berupaya dan sudi untuk memberhentikan pembelian kontrak simpanan atau *negotiated* untuk *restricted* golongan tertentu dan juga mengamalkan prosedur-prosedur pembelian kontrak secara rundingan. Secara tipikal, FTA yang disempurnakan oleh Amerika Syarikat mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan hak-hak kekayaan intelektual dan menjangkau batasan TRIPS yang dipersetujui oleh WTO.

Ini bukan sahaja merangkumi isu-isu yang berkenaan hak cipta dan cetak rompak dan juga aspek-aspek baru yang menyentuh hak-hak bioteknologi namun FTA juga mengalih atau mengurangkan fleksibiliti yang dibekalkan oleh perjanjian TRIPs dan menetapkan piawaian yang lebih tinggi untuk hak-hak kekayaan intelektual bagi negara-negara yang sedang membangun.

Ini bukan sesuatu isu akademik bahkan mempengaruhi keupayaan Malaysia untuk bergerak maju dalam aspek bioteknologi seperti matlamat yang terjejas dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terdapat bahaya atau risiko yang tinggi untuk menyempurnakan FTA dengan Amerika Syarikat. Sehingga hari ini tiada sebarang *plan* atau kenyataan menteri yang menjelaskan bahawa isu-isu tersebut telah dikaji ataupun satu dasar yang jelas telah ditetapkan untuk menangani isu-isu yang lebih luas berkenaan dengan FTA.

Kerajaan tidak membuat persediaan yang secukupnya untuk menangani isu tersebut. Adalah perbuatan yang amat tidak bertanggungjawab dan lebih-lebih lagi seakan-akan '*suicidal*' itu. Apa yang lebih mengejutkan dengan sikap kerajaan yang langsung tidak mengesan konflik-konflik dasar yang bakal timbul apabila FTA dengan Amerika Syarikat mulai berkuat kuasa.

Apa yang akan timbul, rangka kerja dasar seperti dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ataupun peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam FTA dengan Amerika Syarikat adalah berdasarkan dasar kita akan menyerah diri kepada kerajaan asing pada masa akan datang? Kita mendesak kerajaan supaya tidak bersetuju dengan FTA yang sebegini yang tidak seimbang dan menggugat faedah Malaysia dan kepentingan awam, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta dan Parlimen haruslah diambil pandangan mereka sebelum tindakan-tindakan yang selanjutnya dapat diambil. Kita berhak untuk menuntut kerajaan supaya kemukakan segala maklum yang berkenaan melalui pembentangan Kertas Putih, penyenggaraan awam serta perbahasan dalam Dewan ini.

Penyertaan rundingan dengan cara berjalan semasa tidur tidak akan menjamin kepentingan nasional. Kerajaan harus bersikap rajin dan menilai isu-isu tersebut dengan sepenuhnya serta mengambil kira kos dan faedah yang terlibat. Dengan cara ini dapatlah Malaysia mengharapkan perjanjian FTA yang mengandungi jaminan secukupnya seimbang dan bersifat saksama. Adalah amat menggelisahkan bahawa keputusan penting yang mempengaruhi dasar-dasar dan pembangunan negara dibuat dalam proses yang senyap. Lebih-lebih lagi tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan menunjukkan pihak tersebut tidak berupaya menggubal dan melaksanakan dasar-dasar yang berkesan serta tidak bertentangan, tidak seiras mencetuskan kekhawatiran serta menggugat kepentingan awam.

Semasa pelancaran perundingan perdagangan bebas di antara Amerika Syarikat dan Malaysia yang bertempat di Washington pada 8 Mac 2006, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah membuat perkiraan '*arithmetic*' dan amat jelas bahawa faedah tersebut adalah melebihi kos yang terpaksa dihadapi oleh Malaysia dan Amerika Syarikat nanti mengikut perjanjian FTA.

Yang Berhormat Menteri harus memberitahu Parlimen dan seluruh negara bahawa apakah perkiraan matematik yang telah dilakukan seperti dakwaan beliau bahawa Malaysia dapat manfaat daripada perjanjian FTA di antara Amerika Syarikat dan Malaysia dan secara khususnya apakah perkiraan yang dibuat oleh kerajaan untuk menilai keuntungan dan kerugian pasaran.

Di sini saya ingin mengutarakan dua persoalan yang khusus. Pertama, tidak perlulah kita meningkatkan daya saing dan daya tugas sektor-sektor tempatan sebelum sektor tersebut mengalami proses liberalisasi, langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghadapi risiko yang dibawa oleh liberalisasi masih tidak jelas. Mengikut rujukan

kepada FTA, adalah disebut bahawa usaha yang lebih perlu diambil demi menyediakan sektor-sektor swasta tempatan dalam menghadapi liberalisasi yang berdaya maju dan persaingannya semakin meningkat. Penjelasan yang lebih mendalam mengenai perancangan konkrit yang sedang diambil adalah diperlukan. Secara khususnya bagaimana pula perusahaan kecil dan sederhana SME dapat menghadapi cabaran tersebut. Adakah mereka sedia memahami kebaikan-kebaikan yang bakal diperolehi mereka.

Kedua, mengapakah tempoh masa untuk perundingan FTA di antara Amerika Syarikat dan Malaysia adalah begitu singkat dan dipercepatkan oleh pembubaran badan penggalakan perusahaan Amerika Syarikat walau pun pelbagai masalah masih belum diatasi. Adakah tidak realistik untuk menyempurnakan perundingan pada akhir tahun ini aspek-aspek yang berpotensi *controversy* termasuklah hak-hak kekayaan intelektual, perkhidmatan-perkhidmatan kewangan, perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, pelaburan walaupun kami telah membuka pintu kepada Jepun adalah kita perlu memberi tawaran yang sama jikalau tuntutan Amerika Syarikat adalah lebih kurang sama dengan Jepun.

Dengan ini, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk membuat suatu penjelasan adakah benar beliau telah melibatkan Malaysia dengan perjanjian AFTA satu dekad dahulu tanpa persetujuan kabinet terlebih dahulu. Jikalau ini benar, adakah perlu dicontohi FTA dengan Amerika Syarikat di mana persetujuan kabinet dan keizinan parlimen juga diperlukan.

Biarlah saya merujuk kepada Bab 6 – Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu menjana kekayaan melalui *biotechnology*. Pertama, kerajaan bercita-cita untuk menggunakan *biotechnology* untuk membangunkan *biodiversity* yang kaya di dalam ladang dan hutan rimba kita. *Biotechnology* meliputi satu rangkaian teknik seperti pengkulturan tisu teknik-teknik untuk mengenal pasti *gene-gene* dan kejuruteraan *genetic*.

Dasar Bioteknologi Negara yang telah diterima pakai masih samar kerana masih terdapat banyak kenyataan mewah yang penuh dengan harapan menggunung tinggi berbanding dengan kenyataan dan berpandukan faktor dan pengetahuan. Terdapat dua isu utama:

- (a) pelabur-pelabur asing telah ditarik untuk membangunkan sektor *biotechnology*. Oleh itu bagaimana pula kita dapat mengawal atur akses kepada sumber-sumber *biology* dan pengetahuan tradisional dan mengelakkan cetak rompak *biology* atau *bio-piracy*.
- (b) mengapakah sedikit sahaja yang disebut tentang bio-keselamatan atau *bio-safety* dan kepentingannya dalam bab berkenaan dengan *biotechnology*. Keprihatinan yang ditimbulkan di sini adalah berkaitan dengan kejuruteraan *genetic* di mana *gene* dipindahkan di antara spesis-spesis yang berlainan dengan biji benih, tumbuh-tumbuhan, *micro organism* dan binatang yang dijuruteraan secara genetik atau *genetically engineered* dapat dihasilkan.

Pada masa sekarang terdapat kerja-kerja penyelidikan kejuruteraan *genetic* dijalankan terhadap buah betik sehingga ke *field trials*, getah, kelapa sawit dan beras. Semua usaha untuk mempromosikan bahan teknologi dengan cita-cita dalam kejuruteraan genetik dan pengumuman rancangan terbaru berkenaan dengan neno teknologi serta penerima pakaian dasar baru bioteknologi nasional sedang dijalankan tanpa penempatan satu undang-undang bio-keselamatan, kekurangan pakar-pakar mengakses bahaya dan risiko yang berangkai dengan teknologi ini.

Walaupun Malaysia ialah salah satu negara yang menandatangani Protokol Cartagena berkenaan dengan bio-keselamatan, Malaysia masih belum lagi mempunyai satu Akta Bio-keselamatan Nasional yang mana ia dapat membantu negara ini daripada sebarang risiko kesihatan dan alam sekitar yang mungkin timbul akibat daripada kejuruteraan *genetic*. Undang-undang sebegini ada disebut di dalam Bab 6, tetapi realitinya

ialah rang undang-undang bio-keselamatan telah diperbincangkan oleh pelbagai kementerian selama tujuh tahun, di manakah rang undang-undang ini sekarang?

Sementara itu, masyarakat antarabangsa telah mengenal pasti bahawa terdapatnya potensi risiko terhadap kesihatan manusia, alam sekitar dan sosial ekonomi berhubung dengan kejuruteraan *genetic*. Adalah penting bahawa pembangunan *biotechnology* ini diseimbangkan dengan langkah-langkah bio-keselamatan yang bersesuaian.

Pengimbangan ini telah pun dikenal pasti oleh Yang Berhormat Perdana Menteri yang mana dalam ucapannya semasa sesi pembukaan persidangan Antarabangsa Terhadap *Biodiversity*, Sains Dan Pentadbiran di Paris pada 24 Januari 2005 yang bertajuk "*Biodiversity Untuk Manfaat Generasi Sekarang Dan Masa Depan*" dengan jelasnya menyatakan bahawa;

"Malaysia has identified biotechnology as an important source of growth, particularly given the existence of abundant biological resources in the country. Indeed, biotechnology is capable of creating a new source of wealth and additional income. We would welcome not only local but also foreign investment in the sector. However while Malaysia is aware the biotechnology holds much promise, we are also concerned that biotechnological products should not pose any threat to the environment or to human health and safety.

The international committee has recognized the potential hazard and risks of genetic engineering. The principle of precaution underpins the Cartagena Protocol and Bio-safety as well as its parent convention, the conventional biological diversity. The first meeting of the party Cartagena Protocol was held in Kuala Lumpur last year, Malaysia is also the current President of the seventh conference of the parties to the CBD. We intend to use the remaining term of a presidency to focus of the question of effective implementation of both CBD and the Bio-safety Protocol. Walaupun ini tidak dicerminkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kedua, adakah jelas bahawa biodiversiti di negara ini diharap dapat memainkan satu peranan yang penting dalam membangunkan sektor bioteknologi. Pengetahuan tempatan di dalam ubat tradisional/komplimenter juga disebutkan sebagai satu fokus bagi menerajui industri-industri farmaseutikal dan nutrasetikal. Apakah langkah berjaga-jaga yang telah diadakan untuk memastikan supaya pengetahuan biodiversiti dan tradisional kita tidak dicuri (satu fenomena yang dikenali sebagai cetak rompak biologi atau *biopiracy*) dan juga memastikan supaya manfaat-manfaat dikongsi secara saksama di antara penyelidik-penyelidik syarikat-syarikat asing dengan Malaysia jika terjadi pengkomersialan.

Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Paris tahun 2005;

"As one of the megadiverse countries, Malaysia has a special interest in this issue (access and benefit-sharing) because any unregulated access biological resources threatens biodiversity. It should be accepted as a matter of principle commercial benefit should be fairly and equitably share with the providers and users of a biological resources. Although fraught with difficulty, we must seek the right balance and correct formula to cater for national rights and international obligation in access and benefit-sharing".

Kerja-kerja berkenaan dengan akses dan perkongsian manfaat telah dimulakan tujuh tahun dahulu, pada masa yang sama dengan Rang Undang-undang Bio-Keselamatan. Apakah statusnya sekarang?

Ketiga, apakah pendekatan-pendekatan yang sedang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menjaga biodiversiti kita juga melindungi warga negara dan alam sekitar kita dari bahaya kejuruteraan genetik. Kerana rangka kerja pengawalan aturan masih kekurangan dalam persoalan ini biarkan dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa kerajaan berada dalam proses permulaan dan berkenaan enakmen undang-undang ini tetapi ini sudah memakan masa tujuh tahun. Adakah kerajaan akan

mempercepatkan proses ini untuk memastikan bahawa Rang Undang-Undang Bio Keselamatan dan Rang Undang-undang Akses dan Perkongsian Manfaat dapat dikuatkuasakan secepat mungkin.

Keempat, dalam muka surat 161, di bawah seksyen "Penyertaan Sektor Swasta" telah disebut bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan berbagai-bagai langkah telah diambil bagi menggalakkan kerjasama antarabangsa yang lebih erat dalam bidang bioteknologi. Berapa inisiatif telah menyumbang kepada keupayaan pembangunan tempatan dalam teknologi utama bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menjanakan harta intelek atau *intellectual property*. Apakah harta intelek yang telah dijanakan kepada apa ia dijanakan?

Siapa yang memiliki harta intelek, entiti domestik atau asing? Adakah terdapat langkah berjaga yang mencukupi untuk memastikan bahawa Akta Paten kita yang mana ia tidak membenarkan paten variasi haiwan untuk tumbuhan tidak dilanggari?

Sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lagi di Paris;

"... Another related issue concerned increasing scope of patents and other IP claims over biological resources as well as their part genetic make-up. There are many unresolved dimension in this area with serious social economic and ethical implication. These issue need to be examined and carefully considered by both scientist and policy makers with a view to providing clear and fair rules and guidelines".

Kelima, Rancangan Malaysia Kesembilan telah menyatakan bahawa "Projek Bioteknologi berhadapan dengan berbagai-bagai isu seperti risiko yang tinggi, tempoh matang yang panjang, pelaburan awal yang besar dan pematuhan peraturan yang ketat". Satu kajian yang dijalankan atas 51 buah pusat bioteknologi di Amerika Syarikat oleh Brooking Institution mendapati bahawa ia selalu mengambil masa satu dekad atau lebih lama untuk membangunkan produk-produk yang berasaskan bioteknologi dan mungkin hanya daripada seribu paten inovasi bioteknologi yang membuahkan hasil sebagai produk komersial.

Mengikut satu laporan Ernst and Young Mei 2004, syarikat-syarikat bioteknologi yang disenaraikan di Amerika Syarikat mengalami kerugian kumulatif melebihi US40 bilion dolar daripada 1990 ke 2003. 14 tahun yang lalu, 194 buah syarikat bioteknologi yang disenaraikan mencatat kerugian kumulatif sebanyak US900 juta. Pada tahun 2003 sejumlah 314 buah syarikat awam mencatatkan jumlah kerugian USD.2 bilion ringgit yang mana ini adalah lebih bagus daripada jumlah kerugian sebanyak USD9.4 bilion ringgit pada tahun 2002 apabila Ernst and Young mengatakan bahawa bayaran-bayaran percantuman dan penstrukturan semula menyebabkan kerugian ini lebih besar daripada biasa.

Adalah jelas bahawa bidang teknologi berisiko tinggi dan ia juga berintensif kapital. Adakah Malaysia bersedia untuk menghadapi ini? Wang rakyat akan dibelanjakan dan apa yang penting ialah adakah lebih baik untuk membelanjakan wang ini kepada bidang-bidang yang kurang berisiko?

Keenam, perenggan 6.20 ada menyebut bahawa aktiviti bioteknologi pertanian lain yang akan digalakkan termasuk *biopharming* iaitu penggunaan tumbuh-tumbuhan atau ternakan transgenik bagi mengeluarkan protein bernilai tinggi. Adakah kerajaan sedar bahawa aplikasi-aplikasi ini adalah cukup kontroversi dan terdapat keprihatinan yang besar terhadap aspek-aspek keselamatan.

Dua jawatankuasa Akademik Sains Kebangsaan Amerika Syarikat telah mengkritik penggunaan tanaman makanan untuk pengeluaran farmaseutikal kerana kebimbangan pencemaran farmaseutikal terhadap makanan akan membentuk risiko terhadap kesihatan. Adakah tanaman makanan akan digunakan dan adakah ia akan ditanam secara terbuka? Jikalau tanaman makanan transgenik yang menghasilkan protein farmaseutikal, vaksins atau bahan-bahan kimia industri ditanam secara terbuka kemungkinan berlakunya pencemaran adalah amat tinggi yang mana ia bermakna bekalan makanan kita turut terjejas.

[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Insiden yang sama telah berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 2002 di mana sebanyak 500 ribu bushel kacang soya perlu dimusnahkan kerana sebuah ladang jagung transgenik yang menghasilkan satu vaksin khinzir yang masih belum diluluskan telah mencemari penuaian kaca soya. Syarikat yang terlibat ProdiGene telah didenda USD250 ribu dolar oleh pihak berkuasa. ProdiGene juga bersetuju untuk membayar bon bernilai USD satu juta yang membayar ganti rugi kos kepada Jabatan Pertanian Amerika Syarikat yang boleh mencapai berjuta-juta dolar dalam membuang tanam-tanaman yang tercemar. Adakah sistem pengawalaturan kita sedia untuk menangani kemalangan seperti ini?

Lebih-lebih lagi satu laporan terbaru Plant Maid Pharmaceuticals - Financial Risk profile tahun 2006 oleh *Friends of the Earth and US Public Interest Research Group*, menunjukkan bahawa percubaan-percubaan untuk menggunakan tumbuhan transgenik sebagai pelantar pengeluaran untuk "*plant made pharmaceuticals*" (PMP) yang telah gagal biarkan percubaan selama 15 tahun telah dilakukan dengan penyuntikan kapital yang besar. Syarikat-syarikat ini telah gagal untuk menghasilkan sebarang PMP biarlah melalui proses kelulusan ubat FDA disebabkan kesulitan teknikal yang unit kepada sistem pertumbuhan. Isu-isu imunologi, pengekstrakan ubat daripada tisu tumbuhan yang bermasalah serta tidak konsisten kualiti ubat dan hasil yang berbeza-beza dalam keadaan alam sekitar yang berbeza. Empat syarikat bioteknologi ini merupakan *leery* kepada PMP. Pemimpin industri Monsanto menutup subsidiari PMPnya Integrated Protein Technologies pada Oktober 2003. Novartis Pharma, sebuah pengeluar biofarmaseutikal utama juga musykil terhadap pelantar tumbuhan transgenik yang baru-baru mengkomitikan USD6 bilion untuk selanjutnya membangunkan sistem-sistem penyampaian tradisional.

Syarikat-syarikat kecil yang tertumpu kepada pengeluaran PMP telah bankrap, (CropTech & Large Scal Biology, Tobacco). Epicyte Phamarceutical yang pada satu masa merupakan pemimpin dalam pembangunan farma jagung juga bankrap diambil oleh Biolex pada April 2004. Biolex menggunakan tumbuhan akuatik duckweed untuk membuat biofarmaseutikal secara eksperimen melalui kemudahan-kemudahan bio pemrosesan yang tertutup dan terkawal.

Saya harap kita boleh dapat satu penjelasan yang memuaskan mengenai isu yang begitu kompleks yang begitu penting dalam masa sekarang. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai hendak berucap? Baik. Yang Berhormat, saya akan mengehendkan masa setengah jam setiap ahli yang berucap. Mambong, sila.

3.49 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Sesi ini adalah sesi perbahasan kan?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa Ketua Pembangkang tadi membaca? Kalau membaca bagi kita yang dahulu. Dalam Dewan ini kita bukan mahu membaca tetapi berbahas.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Sebab mungkin dia hendak menjimatkan masa maka dia membaca.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ada wakil rakyat membaca tak payah bacalah. Simpan di rumahlah. Di Dewan ini kita membahas.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Fotostat bagi kita, kita boleh baca.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskanlah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat berucap ha. Adakah Yang Berhormat berucap?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berbahas bukan baca ha!

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat berucap?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya akan berucap.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak membacalah ha!

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Membaca itu memang baca tetapi dalam *point form*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau diperlukan, membacalah, tidak apalah. Sila.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin memberi setinggi-tinggi terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun merumus dan membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat. Satu ciri Rancangan Malaysia Kesembilan yang lebih menarik dan lebih baik daripada rancangan-rancangan Malaysia yang sebelum ini, ianya menekankan, menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan proaktif.

Namun, kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan bergantung kepada kerajaan dan sistem pelaksanaannya iaitu *delivery system*. Rancangan Malaysia Kesembilan amat penting kepada sejarah negara kerana ianya bertujuan membina kemakmuran. Namun ianya harus dilihat juga sebagai titik pertengahan dalam perjalanan ke arah pencapaian visi 2020 pada tahun 2020, di mana negara kita akan digolong di dalam taraf negara maju sama seperti Amerika Syarikat, Australia dan negara-negara di Eropah.

Perjalanan dan penghijrahan ke arah tahun 2020 bukannya mudah. Tetapi ianya penuh dengan halangan dan kekangan. Mahu tidak mahu, cabaran globalisasi haruslah ditangani. Kenaikan harga runcit minyak petroleum, diesel dan gas cecair LPG ianya tindak tanduk globalisasi. Tambah lagi *economic players* seperti India dan negara China semakin mencabar. Kerajaan dan rakyat jelata haruslah lebih inovatif bagi mengatasi cabaran globalisasi seperti mencari sumber baru untuk menggantikan bahan-bahan api petroleum. Yang kedua menghasilkan dan menambah baik kualiti bio-diesel dan *cellulosic ethanol* serta menghasilkan biogas untuk kegunaan di luar bandar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sekejap, sekejap.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Baru sekejap saya....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sekejap sahaja Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Silakan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Yang Berhormat kata bahawa cabaran globalisasi dan kemajuan India dengan negara China sebagai satu tekanan dan cabaran kepada Malaysia. Sebenarnya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya rasa itu bukan satu cabaran, satu peluang. Pembangunan gergasi India dengan negara China dari segi ekonomi, tempas dia boleh kita terima. Ini bukan satu cabaran, ini satu peluang keemasan. Malaysia belum tahu lagi

bagaimana menggunakannya, kelemahan itu. Tetapi itulah yang perlu diatasi, bukan melihatnya sebagai satu cabaran. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Itu cabaran juga dan peluang juga. Tetapi kalau kita tidak dapat mengambil peluang itu, maka ia menjadi cabaran. Yang penting adalah mengambil peluang juga. Biar saya teruskan. Oleh itu, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan perlu melipatgandakan usaha bagi kejayaan yang lebih unggul demi membina tamadun dan menjunjung martabat negara.

Ianya mesti mengambil kira cabaran globalisasi yang makin merunsi. Oleh itu, saya ingin menyentuh kepada teras pertama, iaitu meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara. Di dalam perkara ini, saya ingin menyentuh industri bioteknologi. Industri bioteknologi merupakan satu industri penting. Ia berpotensi menjana sumber kekayaan baru. Namun, kita harus tahu apa dia bioteknologi? Bioteknologi bukan hasil, tetapi ianya satu teknologi yang digunakan untuk menghasilkan produk-produk daripada kepelbagaian biologi dan untuk menghasilkan proses yang boleh diterima pakai untuk menghasilkan lebih banyak lagi produk-produk yang lain.

Industri bioteknologi berpotensi menjana sumber kekayaan baru. Bagi menyokong industri bioteknologi, kerajaan akan:

- (i) menambah baik kawal selia pelaburan;
- (ii) membangun infrastruktur berkaitan;
- (iii) memudah akses kepada pembiayaan;
- (iv) mempertingkatkan kadar pengkomersialan penemuan R&D;
- (v) menambah bilangan tenaga kerja mahir *biotech* dan penyelidik; serta
- (vi) menarik rakan kongsi asing R&D.

Itu adalah langkah-langkah yang kerajaan akan mengambil untuk membangunkan industri bioteknologi. Dengan peruntukan RM2 bilion bagi menggalak pembangunan industri *biotech*, mampukah negara menyaingi negara-negara lain yang sudah jauh maju dalam bidang bioteknologi? Tentang kawal selia pelaburan bioteknologi, peruntukan kewangan sendirinya tidak akan.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sekejap. Saya mahu habiskan ini dahulu konsep ini. Tentang kawal selia pelaburan bioteknologi, peruntukan kewangan sendirinya tidak akan memberi kesan yang ketara. Silakan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Bercakap tentang bioteknologi, saya faham yang negara kita adalah negara yang kaya dengan *biodiversitynya*, dan saya juga difahamkan yang negara kita seharusnya mempunyai kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan bioteknologi ini dengan aktif disebabkan oleh sumber-sumbernya.

It is a resource driven berbanding dengan negara-negara lain, negara luar. Amerika umpamanya disebut oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi, di mana mereka sebenarnya kekurangan dari segi sumber berbanding dengan kita dan mereka adalah sebenarnya *market driven*. Di dalam ketidakseimbangan ini, sepatutnya Malaysia negara di sebelah nusantara ini yang kaya dengan harta *biodiversitynya* ini berada di hadapan daripada negara-negara lain di dunia. Apakah sebenarnya masalah yang berlaku ini? Adakah kita alpa dengan kekayaan ini, yang dianugerahkan Tuhan kepada kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang negara kita adalah top 12 mega *biodiversity center* di dunia ini. Namun, walaupun kita ada sumber-sumber asli ini, yang kita boleh guna pakai untuk menjanakan produk-produk melalui proses bioteknologi, tetapi yang kekurangan kepada kita adalah proses bagaimanakah proses ini boleh menjanakan produk. Yang kedua, adalah modal insan yang mungkin kurang kelayakan dan mungkin kurang pengalaman.

Justeru itu, saya percaya bahawa kerajaan haruslah memandu para penyelidik R&D ke arah untuk menghasilkan penemuan. Yang ketiga, jika penemuan itu sudah diperolehi, maka kumpulan yang lain pula, yang dikatakan *bio-preneurs* yang mahir dalam bidang pasaran, yang mahir dalam bidang pengkomersialan untuk mengambil alih dan bawa penemuan ini ke pasaran. Ini harus dimajukan di negara kita.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Mambong. Kita telah diperuntukkan RM2 bilion, jadi mengikut pengalaman Yang Berhormat macam mana kalau ini dibandingkan dengan peruntukan yang diberi oleh kerajaan negara-negara yang sudah maju dalam bidang ini. Adakah ini setimpal ataupun ini lebih ataupun kurang oleh kerana masalah-masalah yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi saya rasa boleh diselesaikan kalaulah ada peruntukan yang memadai. Macam mana bandingan?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Jumlah peruntukan adalah relatif kepada bilangan dan beban R&D yang berkaitan dengan bioteknologi. Bagi negara kita, RM2 bilion ini adalah 1.5% daripada KDNK negara. Ini pun sudah memadai, sudah banyak kerana sebelum ini peruntukan hanya 0.3% daripada KDNK negara. Sekarang adalah *one step forward* yang nilainya semakin tinggi. Dengan ini harapan saya sendiri agar banyak lagi penemuan dan R&D haruslah dilakukan.

Namun untuk memajukan industri bioteknologi, perundangan dan peraturan juga penting. Sejak tahun 2000, saya kerap menimbulkan persoalan perundangan di Dewan yang mulia ini. Di manakah perundangan bagi kawal selia akses kepada sumber-sumber kepelbagaian biologi. Saya sendiri telah pun terlibat di dalam mendraf perundangan ini dahulu pada tahun 1996 dan di manakah draf perundangan ini. Bilakah ianya dibawa ke Dewan ini untuk diluluskan? Ini adalah persoalan. Tanpa perundangan, kerjasama dan perkongsian dengan syarikat-syarikat asing bagi R&D dan pelaburan asing tidak akan terjalin. Perkongsian dalam R&D haruslah dikawal selia dan kemampuan haruslah ditetapkan. Hanya perundangan boleh memastikan bahawa kawal selia boleh dijalankan oleh pihak kerajaan. Sudah hampir 14 tahun berlalu sejak Convention On Biological Diversity di rumus dan ditandatangani oleh Malaysia di Rio de Janeiro, Brazil.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hello.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Namun, kerajaan belum lagi mewujudkan perkara berkaitan dengan akses...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jerai.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:Kepada kepelbagaian biologi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya semenjak berkawan dengan Yang Berhormat bagi Mambong saya lebih mirip kepada sains dan teknologi. *To know more about science and hopefully one day I be an astronaut...*

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Dengan izin.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bercakap mengenai bioteknologi. Okay. Saya pun sudah bertanya kepada menteri baru-baru ini berkenaan dengan bioteknologi.

Getting some advice from Yang Berhormat bagi Arau. *[Ketawa]* Jadi saya tahu Yang Berhormat, sekarang ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah diperbanyakkan. Berapa bilion? Saya ingat RM3 bilion atau berapa bilion telah diperuntukkan. Saya hendak tahu Yang Berhormat, bioteknologi ini boleh kita gunakan dari berbagai-bagai segi. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian supaya bioteknologi ini dipertingkatkan untuk kita memperbanyakkan makanan kita, mempermodenkan tanaman-tanaman kita supaya kita menyelamatkan pertukaran wang asing untuk mengimport barang-barang makanan ini.

Ini perkara penting. Kalau kita hantar duit ke Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tetapi tidak ada satu benda yang dapat kita lihat hanya hendak *check* tsunami yang datang ke Malaysia yang itu tidak ada masalah saya ingat. Yang pentingnya ialah dari segi tanaman, makanan yang telah di fokus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertingkatkan lagi pertanian bidang pertanian di dalam negara kita ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya pegawai-pegawai di kementerian juga harus memahami kehendak dan dasar kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong sahabat saya.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *A very good friend of mine* Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang saya setuju bahawa bioteknologi juga digunakan untuk meningkatkan tanaman dan makanan. Saya akan menyentuh nanti bioteknologi pertanian. Memang itu akan saya sentuh.

Kalaulah tanaman dan makanan dipertingkatkan, ada tanaman yang boleh menghasilkan banyak lagi buah-buahan dan sebagainya. Banyak lagi pengeluaran maka pak tani, pak tani atau petani?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Petani.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Pak tani di kedah ya? Maka petani kita boleh mendapat hasil yang lebih lumayan dan meningkatkan pendapatan mereka. Kita juga kurang mengimport bahan-bahan makanan. Walaupun demikian ada juga pihak yang mengatakan bahawa *genetically modified food* ada risiko kepada kesihatan kita. Tetapi kalau kita lihat makanan yang kita makan selama ini seperti taufu. Kita mengimport soya *bean* yang sudah diubahsuai melalui bioteknologi. Kita sudah makan. Tidak ada pun risiko kepada kita. Kalau kita lihat jagung dahulunya beratus-ratus tahun dahulu jagung sebesar ini sahaja. *[Menunjukkan jari telunjuknya]* Sebesar apa ini? Telunjuk kitakan?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Jari telunjuk.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Jari telunjuk sebesar ini dahulu. Tapi sekarang dia sudah besar ini. *[Menunjukkan lengannya]* Dia sudah besar tangan kita. Oleh yang demikian apakah implikasinya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, apakah bioteknologi ini boleh membesarkan benda yang kecil?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah itu?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Itulah faedah bioteknologi untuk menambah pengeluaran dan mutu makanan. Ini amat penting. Yang kecil jadi besar, yang pendek jadi panjang. *[Ketawa]* itulah kegunaan bioteknologi.

Di dalam *Convention On Biological Diversity*, keperluan setiap negara yang memeterai konvensyen itu haruslah menggubal akta berkaitan di negara-negara sendiri. Saya bertanya bila, bila dan bilakah perundangan ini digubal di Dewan ini. Kita sedang menunggu ini. Saya bertanya bilakah akta akses kepada kepelbagaian kepada biologi

digubal. Saya memang sudah tahu draf akta berkaitan sudah wujud sejak tahun 1996 kerana saya sendiri telah mengambil bahagian dalam merumuskan draf.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dahsyat!

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya juga dahulu menghadiri persidangan di Rio....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Wah!

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:Ha, untuk merumus CBD. Di bawah CBD satu peruntukan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat bagi Mambong macam Yang Berhormat bagi Santubong jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan, apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat bagi Mambong macam Santubong juga. Dia pergi luar negara banyak kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Di bawah *Convention On Biological Diversity* satu protokol antarabangsa yang dinamakan Cartagena - *protocol on biosafety* telah pun digubal. Protokol ini juga penting bagi mengawal selia R&D dalam bioteknologi. Di bawah protokol ini kerajaan di wajib menggubal protokol keselamatan bioteknologi. Bilakah protokol ini akan digubal di negara kita? Seterusnya adalah penting untuk mempertingkatkan kadar komersial penemuan R&D. Dalam hal ini kerajaan telah pun menggubal Dasar Bioteknologi Kebangsaan. Saya telah pun meneliti dasar ini dan mendapati beberapa kelemahan.

Yang pertama apakah strategi dalam dasar untuk mempercepatkan pengkomersialan. Yang kedua, fasa pembangunan industri bioteknologi kurang jelas dan oleh itu ianya tidak berkesan. Tentang fasa satu, tempoh daripada tahun 2005 hingga tahun 2010 ianya melibatkan modal sumber insan dan infrastruktur industri bioteknologi di dalam dasar ini. Saya berpendapat sumber insan memang sudah ada di negara kita...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sumber insan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Insan. Modal insan memang sudah ada di negara kita hanya mungkin mereka tidak atau belum dikenal pasti. Mereka mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam menjalankan R&D dalam bidang bioteknologi tertentu seperti biologi molekular, kejuruteraan genetik dan bidang farmasitikal. Mungkin apa yang perlu kerajaan buat ialah untuk mengurus dan memandu mereka ke arah penghasilan produk dan proses bioteknologi yang dapat dikomersialkan. Mereka ini ada di universiti-universiti tempatan kita. Carilah mereka sampai dapat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat bagi Jerai algi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *A very good of my friend again.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:dengan izin Mambong. Yang Berhormat bagi Mambong, banyak universiti telah buat R&D kemudian saya difahamkan kita hantar kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mereka buat kajian. Tetapi ada juga kajian-kajian dan permohonan-permohonan yang dibuat pihak pegawai-pegawai tidak langsung mengambil tindakan malah tidak langsung menjawab permohonan-permohonan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Maknanya R&D atau *research* yang dibuat di universiti-universiti ataupun orang-orang perseorangan ini tidak kesampaian matlamatnya. Ia ketinggalan di situ. Kalau orang

ini ada peluang dan dia jual ke laur negara akhirnya *brain drain* ini akan berlaku dan orang kita akan menjual *research* ataupun *finding* mereka ini kepada orang luar. Kita perlu mempertingkatkan. Pegawai-pegawai bahagian unit sains dan teknologi ini harus memahami tentang pentingnya sains dan teknologi ini bioteknologi ini kalau tidak kita mencurah air di daun keladi Tuan Yang di-Pertua. Begitu Yang Berhormat Kepong? *Am I right?* Mencurah air di daun keladi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tanya Yang Berhormat bagi Mambong atau tanya Yang Berhormat bagi Kepong?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fasal Yang Berhormat bagi Kepong tentang memikirkan sesuatu, jadi saya kena tarik dia balik ke Dewan Rakyat. Fikiran dia luar daripada Dewan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya tidak boleh Tuan Yang di-Pertua fasal ini *floor* Yang Berhormat bagi Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Yang Berhormat bagi Mambong ingin menegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di unit-unit sains ini harus bertindak lebih...

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...proaktif di dalam tindakan-tindakan mereka untuk mengangkat *research* yang telah dibawa oleh pelajar-pelajar universiti, oleh pihak universiti dan sebagainya. Macam mana pandangan Yang Berhormat tentang pandangan saya yang rasa begitu baik sekali.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Yang Berhormat, hendak tambah satu.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Hendak tambah juga? Saya setuju dengan dia dahulu. Saya memang setuju dengan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Langkawi, hendak jawab Yang Berhormat bagi Jerai punya soalan ya?

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Hendak tambah pada Yang Berhormat Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak tambah.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Silakan Yang Berhormat bagi Langkawi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sebelum Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Langkawi pakai *batch* apa Tuan Yang di-Pertua? *[Dewan menjadi gamat dengan ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *We love peace. We love peace. We love peace.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Peace?*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *Peace.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Peace* ada dua makna Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: *Peace.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh, *peace*... *[Dewan menjadi gamat seketika]*

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Yang Berhormat bagi Mambong saya hendak tambahkan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai iaitu segala tindakan universiti itu dapat diketengahkan.

Ada juga yang orang perseorangan, yang luar daripada universiti, yang boleh membantu kita. Misalnya dari segi diesel, biodiesel orang panggil, kita ada satu kumpulan

dari Sabah, yang kita sekarang ini *imbued* diesel. Kita hanya 5% ataupun lima peratus sahaja yang menggunakan *palm oil*, tetapi 85%, 95% gunakan diesel. Padahal sekatan ini ialah satu orang Sabah yang menggunakan untuk kegunaannya 85% *palm oil* dan 15% sahaja yang menggunakan diesel. Inilah yang kita hendakkan dan kita *paternkan*. Saya haraplah pihak kerajaan melihat perkara ini. Macam mana Mambong?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Langkawi. Yang penting adalah untuk menyeliakan aktiviti-aktiviti R&D mereka ini. Ini adalah tugas Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, supaya mereka boleh mendapat hasil dan memanfaatkan semua kita. Ini amat penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Wah! Kinabatanganpun. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Mambong, apakah Yang Berhormat telah menghantar rumusan ataupun cadangan ini kepada kerajaan? Kalau belum hantar, hantarkanlah sekarang. Yang Berhormat tidak perlu lagi cakap banyak-banyak kali dalam Dewan soal ini. [Ketawa] Ya, ya, banyak cerita.

Mungkin kalau sudah dihantar, kerajaan akan mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat. Minta pandangan. [Ketawa]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya sudah hantar satu *proposal* tentang menjana biogas dan kerajaan sudahpun meluluskan peruntukan sayalah, Kinabatangan. Nanti Yang Berhormat boleh bercakap juga.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Okey, Mambong. Saya mahu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sudah dalam tindakan kerajaanlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak payah cakaplah. [Ketawa]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan, penjelasan. Saya memerhati ucapan perbahasan Mambong, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu pada pandangan Mambong, mengapa kerajaan lambat bertindak tentang cadangan-cadangan ini? Dari segi penyelidikan, biotech, undang-undang, *biotechnology*, pendirian kita terhadap GM, umpamanya. Apa sebenarnya? Adakah disebabkan kita ini belum ke arah yang itu ataupun tidak ada keperluan ke arah sedemikian, apa pendapat Mambong?

Kalau di kawasan saya kalau kita suruh orang bela ikan, pengusaha akan rugi. Ini kerana tidak ada keperluan untuk ikan ternakan, ikan *marine in abundance*. Bererti tidak ada keperluan sedemikian. Adakah ia juga sedemikian terhadap isu *biotechnology* dan sebagainya ini? Apa pandangan Yang Berhormat Mambong?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Memang ada keperluan. Tetapi, Yang Berhormat Beluran dan Kinabatangan pun belum hantar cadangan kepada kerajaan.... [Disampuk] Itulah sekarang, saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, mungkin cadangan mereka berbeza dengan Yang Berhormat... [Ketawa] Yang Berhormat boleh gulunglah. [Ketawa]

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tuan Yang di-Pertua, tentang soal pembangunan modal insan itu tadi, cara pembangunan berkesan dan berterusan. Cara pembangunan berterusan adalah baik. Seperti mana yang dilakukan di Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan negara-negara Eropah. Di Amerika Syarikat, peluang pekerjaan sebagai *biotechnology technician* berkembang dengan 9.4% pada tahun 2002 hingga tahun 2012. Saintis *biological* berkembang dengan 19% pada masa yang sama. Memandangkan hakikat ini, kerajaan Amerika Syarikat memantau dan memandu universiti-universiti untuk

kursus *biotechnology* gunaan dan *apply biotech* dan kursus-kursus yang berbentuk *custom solutions*.

Di dalam industri *biotech* sendiri, latihan spesifik dibuat oleh syarikat masing-masing. Justeru itu, saya menyarankan agar kerajaan kita juga haruslah mengikut langkah ini agar sumber insan untuk *biotechnology* akan berterusan. Di dalam fasa kedua, dasar *biotechnology* negara, ianya menyentuh *from the lab to the market* ataupun dari makmal ke pasaran. Mengapa masa dari tahun 2011 ke 2015, dtempohkan.

Mengapa juga di dalam fasa satu, pengkomersilan tidak dipertingkatkan. Tidak adakah penemuan-penemuan telah dihasil oleh para penyelidik kita di universiti selama ini? Saya yakin ada, dan mungkin banyak. Apa yang harus dibuat oleh kerajaan adalah khidmat pakar-pakar perniagaan yang boleh mengenal pasti penemuan yang dapat dikomersilkan. Jika ada kekurangan dalam hasil R&D, para penyelidik diminta lagi untuk menyemak semula kajian-kajian mereka. Berjuta-juta wang kerajaan telah dibelanjakan dalam R&D. Oleh itu, hasil-hasil haruslah membawa pulangan ataupun ROI. Jangan biarkan laporan-laporan R&D diselimuti oleh debu. Cari dan gunakanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong, Santubong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada masa lagikah? Tadi sudah gulung.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tadi, ada masa sikit, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagilah, tambah dua minitlah. [Ketawa].

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah tambah. Ini Yang Berhormat bagi Mambong ini berucap dalam konteks pembinaan modal insan. Dalam konteks konsep pembangunan modal insan ini, kita pertama, membina modal insan yang pakar ataupun bijaksana. Yang kedua kita mesti *embrace*, penggunaan modal insan. *Embrace*, penggunaan modal insan ini adalah mengguna *the talent that we have rather than*, buat *talent* banyak-banyak, tapi tolak ke tepi tidak pakai. Itu pun tidak menjadi apa-apa kegunaan.

Yang kedua, ialah saya soal ini, soalan yang khusus kepada persoalan pegawai-pegawai kerajaan. Kadang-kadang ada agensi-agensi kerajaan yang membuat penyelidikan tetapi dalam masa yang sama, undang-undang yang menubuh agensi kerajaan ini tidak membuat satu perundangan yang mencukupi untuk badan ini membuat *commercialization*, dengan izin, penemuan yang telah mereka buat. Umpamanya MARDI, baru sekarang undang-undang MARDI ini dibuat.

Persoalan saya macam mana pandangan Yang Berhormat? Supaya kerajaan sebelum kita bincang soalan-soalan ini, R&D modal insan, kita kena selidik dahulu undang-undang kita. Sama ada undang-undang ini memberi bidang ruang lingkup dan sebagainya mencukupi kepada pegawai kerajaan sebelum kita menuding jari kepada pegawai kerajaan tidak buat apa-apa. Kalau undang-undang itu membendung dia membuat apa-apa. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Modal insan ini haruslah dirangkumkan semua. Tentang perundangan itu tadi, kita belum melihat lagi perundangan di Parlimen ini. Sama-samalah kita tunggu dan melihat apakah bentuk perundangan ini kerana ia terlalu lama sudah sepuluh tahun sudah. Saya pun belum melihatnya. Cuma mengambil bahagian di dalam membentuk draf dahulu dalam tahun 1996.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Industri *biotech* sememangnya berpotensi menjana sumber kekayaan negara dan adalah harapan saya agar kerajaan terus menerokainya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Larut.

4.25 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Saya mewakili Parlimen Larut, ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu. Dengan hati yang begitu telus, ikhlas dan keterbukaan dalam mencapai misi nasional untuk tempoh lima tahun yang akan datang. Menjelang tahun 2020 dengan lebih gemilang, cemerlang dan terbilang.

Ternyata pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini telah mendapat sokongan daripada kita semua, wakil-wakil rakyat Barisan Nasional. Kita berdiri menunjukkan satu sokongan yang padu, sokongan moral tetapi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, yang di sebelah sana itu.

Seorang Ahli: Siapa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pembangkang. Begitu ego, sikap seperti kurang ajar. Apa salahnya kalau mereka bersikap *sporting*. Tidak semualah. Kubang Kerian, janganlah pandang macam apa sikit. *[Disampuk]* Yang tidak apa salahnya kalau kita bersikap dalam semangat memberi penghormatan kepada pemimpin utama kita? Inilah sikap pembangkang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya? Boleh tanya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan sahaja semua boleh lihat dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bahkan disiarkan secara langsung. Ramai yang menonton. Mungkin juga daripada stesen-stesen TV daripada luar negara.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Larut, apakah agaknya yang memberatkan batang tubuh wakil-wakil rakyat pembangkang yang memberi penghormatan. Itulah saya tengok Kubang Kerian, itu hari ada berdiri, tepuk tangan lagi. Tepuk meja, ya. Yang lain-lain kenapa agaknya? Adakah mereka, sebab mereka pembangkang dan mereka akan membangkang juga apa yang baikpun, mereka lihat tidak baik?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Kinabatangan. Kita tahu sangatlah, Kubang Kerian ini dia seorang yang *gentleman*. Dia sentiasa mahu menerima pandangan-pandangan yang membina. Mungkin pembangkang sudah lihat bahawa apa yang cuba dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Islam Hadhari ternyata telah ditimbul oleh rakyat. Dan mereka merasa ini sudah menenggelamkan isu yang cuba dibangkitkan oleh pembangkang. Macam Ketua Pembangkang tadi, isu yang sudah basi, dia balik-balik isu yang lama. Lagu yang lama, lagu yang serupa.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak ada, serupa tidak ada modal yang baru. Sila Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Beberapa Ahli: *[Bercakap sesama sendiri]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya apabila mendengar ucapan ini, mukadimah, mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Larut, saya rasa ada mesej yang hendak disampaikan. *[Disampuk]* Tetapi apabila perkataan kurang ajar disebut kepada pembangkang..

Seorang Ahli: Macam, macam.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bila sebut pembangkang ini, termasuk kami di sini. Apakah Yang Berhormat tidak boleh tuju kepada pembangkang siapa? *[Ketawa][Dewan riuh]* Jangan secara umum begitu. Bila secara umum ini, masuk semua. Peraturan Mesyuarat pun tidak boleh kata kurang ajar macam ini. Dia dalam hadis Nabi menyebut, dalam maknanya, bila kita kata orang kurang ajar, kalau saya tidak kurang ajar, dikembalikan kepada tuan yang mengata kurang ajar. Ini kena jaga. *[Ketawa]* Kena jaga!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Melainkan kalau Yang Berhormat kata kepada yang berkaitan itu betullah. Tapi kalau kata benda ini seorang pun kena kepada saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Apakah saya ini kurang ajar? *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kalau saya tidak kurang ajar, dia balik kepada yang mengata. Yang mengata tidak kira siapalah. Saya tidak kata Larut kurang ajar. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ini amaran ini. Cukuplah kepada sahabat saya Larut, jangan katalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya minta tarik balik kata-kata Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Waktu saya berucap, Pasir Mas baru masuk. Dia tidak dengar.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya ada, saya ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cukuplah, cukup. Saya hendak meneruskan pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan merupakan satu organisasi manusia yang mahu membela nasib anggotanya dan juga masyarakat. Oleh itu apa jua aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan atau apa jua institusi, manusia adalah modal utama yang diperlukan dalam menggerakkan sesuatu agenda.

Persoalannya, insan yang bagaimana perlu ada dalam sesebuah kerajaan dan negara kita ini. Hampir setiap tahun kita melihat jatuh bangun sesebuah kerajaan atas faktor-faktor tertentu. Faktor yang paling ketara adalah insan yang menjadi teraju utama. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa kualiti modal insan merupakan penentu utama bagi mencapai matlamat tujuan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Apa yang cuba dibangkitkan di sini ialah bagaimana kehendak menjadikan insan ini sebagai modal penting dan berkualiti dalam gerakan kerajaan bagi menentukan hala tuju rakyat di bawah pemerintahan. Pembangunan sumber manusia atau modal insan, *human capital*, dengan izin – penting untuk pembangunan negara. Malah nilai dan kualiti modal

insan ini walaupun tidak pernah tertera dengan jelas dalam laporan untung rugi, ia sememangnya berperanan besar dalam menentukan prestasi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Perlu dilihat bahawasanya modal insan berkualiti boleh mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Ini kerana kualiti yang dimaksudkan adalah keseimbangan pembangunan sumber manusia dari segi duniawi dan ukhrawi. Bagi membentuk modal insan berkualiti, pelaksana Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu kerajaan dan pegawai kerajaan. Ahli politik dan rakyat jelata perlu berpegang kepada jati diri. Inilah yang dikatakan sistem *delivery* yang sering kali kita bahas dan kita beri pandangan supaya dapat menyasarkan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Nilai-nilai seperti *siddiq*, amanah dan telus bukan sahaja perlu, tetapi wajib ada dalam diri setiap insan. Nilai-nilai ini dapat menggambarkan bahawa gerakan *holistic* modal insan berkualiti adalah untuk golongan yang berhati mulia dan ianya bersifat sejagat. Pendidikan dan penyebaran ilmu wajar dikembangkan bagi menghasilkan sumber insan yang berkualiti memerlukan proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan. Sumber manusia yang berilmu dan berkemahiran menjadi rebutan dan aset yang amat berharga dalam sesebuah organisasi. Di samping itu aspek lain yang perlu untuk menghasilkan modal insan berkualiti adalah daya ketahanan yang kuat sama ada dari segi mental mahupun fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, daya ketahanan yang kuat boleh membentuk semangat berpasukan dalam organisasi.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh Sri Gading lalu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap, saya habiskan ini. Yang Berhormat bagi Sri Gading sabar sedikit ya, saya hendak habiskan ini.

Ia juga membantu mewujudkan sikap kepimpinan yang tinggi sama ada untuk diri sendiri mahupun pasukan. Kekuatan mental perlu dalam membina daya yang positif, kreatif dalam menjalankan setiap pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan supaya sentiasa bermotivasi dan berinisiatif serta mampu membawa negara mencapai matlamat yang telah disasarkan iaitu sesebuah negara maju pada tahun 2020.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut. Saya macam terpanggil atau memang sudah terpanggil apabila beliau merujuk soal modal insan dalam teks ucapan waktu pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Cuma dia sebut *siddiq*, amanah. Yang *tabliq*, *fatanah* itu dia tidak sebutlah. Cuma saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Larut, rakan saya yang bijaksana ini, orang tua-tua kata ada empat kategori manusia ini.

Yang pertama yang paling rendah, naik atas sedikit daripada haiwan ialah orang. Yang kedua ialah manusia, tahap yang lebih tinggi. Yang ketiga ialah insan, tahap yang lebih tinggi daripada manusia dan tahap yang paling tinggi ialah insan kamil. So apa agaknya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tentang modal insan itu, di mana kategorinya, orang ke, manusia ke, insan sahaja ke atau insan kamil? Kalau dapat sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan benda yang sama, Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lain ya?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada perbezaan. Antara betina dengan perempuan, lain. Antara lelaki dengan jantan, lain, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading dengar pandangan saya sampai habis mungkin akan dapat jawapannya. Biar saya habiskan dahulu.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak akan timbul rasa keraguan di atas penjelasan yang akan saya cuba sampaikan. Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun mungkin setuju. Justeru itu, modal insan berkualiti ini perlu digerakkan secara produktif. Seperti kata Perdana Menteri... Ha, saya hendak masuk ini tadi.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Insan adalah aset penting negara, harta. Modal insan adalah penentu kepada *survival*. Setuju *survival*? Sebuah negara kepada *survival* sebuah negara, malah modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambah, ditingkatkan nilai intelek serta diperkaya sebagai modal budaya. Sudah dapat penjelasan?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, kualiti modal insan ini akan menjadi penentu utama daya saing.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun pula, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi saya habiskan dahulu, sekejap lagi Yang Berhormat bagi Jerai tidak faham apa yang saya cuba hendak ketengahkan. Biar faham dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua, mengecil-ngecilkan saya, dia kata saya tidak faham. [Disorak]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu bukan memperkecilkan, sebagai peringatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya akan bagi, biar saya habiskan ini dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Awat kedekut sangat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan, tidak kedekut. Sat lagi saya bagilah. Ini sahabat kita kena bagilah.

Serangan hebat globalisasi, persaingan yang semakin sengit dan kemajuan pentas teknologi memerlukan satu pendekatan berbeza bagi menghadapi cabaran-cabaran baru. Rancangan Malaysia Kesembilan seperti mana yang diumumkan mengandungi langkah-langkah yang cukup radikal bagi membawa Malaysia ke tahap pembangunan seterusnya.

Langkah-langkah yang perlu mengambil kira perubahan pantas, landskap global dan perlu memastikan yang negara mengekalkan daya saingnya di dalam persekitaran yang semakin mencabar. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya menghayati tentang pandangan Yang Berhormat bagi Larut

iaitu tentang suntikan modal insan yang baik untuk kita menyerahkan negara, pentadbiran dan sebagainya kepada mereka. Tetapi Yang Berhormat telah lupa untuk melantik sedikit iaitu modal insan, iaitu membina insan yang baik, kita harus juga suntikkan mereka dengan ilmu keagamaan....

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Keimanan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Keimanan, supaya depa cerdik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi mereka bukan penyamun. Orang cerdik dia boleh menyamun, orang cerdik dia boleh menipu, orang cerdik dia boleh buat macam-macam fasal akal dia ada. Tetapi kalau disuntik dengan suntikan didikan agama, insya-Allah dia akan jadi orang yang cerdik, orang yang baik, orang yang soleh, orang yang buat kerja tidak curi masa macam kita ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat bersetuju tidak? Minta pandangan dan tambahan ayat-ayat mengukuhkan lagi hujah-hujah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat sudah curi masa Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, terima kasih. Nanti saya akan curi masa dia pula apabila dia berbahas.

Yang Berhormat bagi Jerai, soal agama ini ada dalam dada kita, dalam diri kita, ini jati diri kita, roh kita. *[Disorak] [Tepuk]* Tidak perlu kita gembar-gembur. Sebagai orang Islam, ini yang Perdana Menteri kata sebagai Islam Hadhari, bukan agama baru yang pembangkang tidak faham itu. Boleh saya teruskan?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Malah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Larut, penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sat bagi saya habiskan sedikit lagi. *[Ketawa]* Malah ia akan menjadi tempoh lima tahun yang sangat genting untuk ekonomi. Ia merupakan satu peralihan ke satu nilai tambah yang lebih tinggi dan ekonomi yang dipacu oleh teknologi disebabkan ia juga menjadi rancangan pertama di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Rancangan Malaysia Kesembilan yang meletakkan strategi-strategi pembangunan negara ini untuk tempoh tahun 2006-2010 adalah merupakan antara yang paling kritikal sejak Rancangan Malaysia Pertama dilancarkan pada tahun 1966.

Saya yakin dan percaya bahawasanya Rancangan Malaysia Kesembilan akan membawa negara ke sasaran separuh jalan di dalam mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Malah ia juga menawarkan Perdana Menteri peluang untuk mengecap agenda ekonomi beliau sejak mengambil alih kepimpinan negara ini pada tahun 2003. Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak balik kepada Yang Berhormat kata, "Keagamaan itu ada di dalam dada". Tetapi mungkin keimanan itu tidak ada. Seseorang itu boleh dikatakan dia beragama Islam tetapi tidak mempraktikkan keislaman dia itu, kerana roh ada tetapi tidak ada keimanan. Dengan adanya Islam Hadhari, kita membentuk tamadun untuk kita suntikkan supaya dalam roh-roh ini diisi dengan keimanan dan ketakwaan. Apa pandangan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat bagi Kepong dapat beritahu kepada ketua dia bahawa pandangan ketua dia jumud, pandangan ketua dia memecahbelahkan masyarakat dan perpaduan negara kita ini dan melanggar dengan peraturan Perlembagaan Negara. Yang Berhormat bagi Kepong, beritahu sama ketua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Keimanan kita ini amat sabar, penuh dengan kesabaran. Cukuplah saya ulas setakat itu. Kita ada masa lain, kita akan bercakap tentang soal agama.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Biar saya habiskan. Itu sabarlah, sabar sekejap, sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengajak semua pihak...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Masih berdiri*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap ya. Bekerja lebih kuat sebagai satu keazaman terutama bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan, malah agensi pusat yang bertanggungjawab menyediakan laporan Rancangan Malaysia Kesembilan juga diingatkan melaksanakan kerja dan tugas dengan rapi supaya dapat mencetuskan kebaikan kepada negara dan membawa rakyat ke mercu kejayaan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Oh! [*Ketawa*] Harus memberi sumbangan dan tiada satu kejayaan menjadi milik seseorang, tetapi semua bagi menjayakan misi nasional dalam agenda Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak keluar, jangan halang dia, dia hendak keluar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya. Seperti yang dimaklumkan Perdana Menteri, teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pelaksanaan bagi tempoh 2006 hingga 2010 adalah untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahap lebih tinggi dan menguruskannya dengan berkesan bagi mencapai pembangunan ekonomi lebih seimbang serta mencapai integrasi nasional.

Rakyat harus faham mengapa Rancangan Malaysia Kesembilan begitu penting dalam memberi signal yang amat jelas bahawa setiap apa yang dirancang oleh kerajaan membawa kesan kepada generasi yang akan datang. Ini jelas dalam lima teras yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang tidak perlu saya jelaskan satu persatu. Rakyat perlu mengambil iktibar untuk memperbaiki kehidupan berdasarkan pengalaman yang ditempuhi walaupun perit tetapi belajar daripada pengalaman adalah cara paling berkesan memperbaiki lagi kehidupan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi minta. Kita bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Mas, ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa sifat Yang Berhormat bagi Larut ini baguslah, ada keterbukaan dan saya teliti daripada awal sampai kepada noktah yang terakhir tadi, di mana Yang Berhormat bagi Larut pada awalnya menyebut ada keseimbangan di antara duniawi dan ukhrawi. Ini markah paling tinggi. Dan saya *confirm* apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai sekejap tadi.

Ada suatu yang saya rasa yang disebut dalam Islam Hadhari yang disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Bagaimana kalau kita pinda sedikit Yang Berhormat daripada Islam Hadhari kepada masyarakat Hadhari sebagaimana yang telah disebut oleh Pasir Puteh dalam sesi lepas. Dengan mengekalkan masyarakat Hadhari tidak Islam Hadhari kerana bila sebut Islam Hadhari ini jadi semacam cacamarba yang itu pun tidak dapat yang ini pun tidak dapat. Rakyat masih terpinga-pinga jadi kita kembali kepada Islam

bila sebut ajaran Islam ini tidak banyak bercakap, tidak banyak berhujah, tidak banyak buat mari benda Islam kembali kepada Islam tidak ada Hadhari, tidak ada takadum.

Islam sahaja cukuplah kerana Islam itu tidak perlu tambah hadapan dan tidak perlu tambah belakang kerana dia sudah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] aku sudah sempurna sudah, aku sudah reda sudah dan aku sudah sempurna. Di situ ada dua perkataan pertama sekali reda daripada Allah dan ada 'tama' daripada Allah. Mengapa yang kita perlu tambah, tambah. Saya bimbang begini sahaja Yang Berhormat bagi Larut, biar kita kongsi, duduk sekejap... sabarlah. Saya bimbang bila kita mati meninggalkan dunia esok datang malaikat untuk soal kita, jadi bila malaikat soal kita dia kata, "Madinuka?" Agama kamu apa? Maka kita jawab Islam Hadhari agama saya. Ini Malaysia ini Islam Hadhari ini mesti tidak ada Islam Hadhari. Macam mana hendak jawab? Andaian kitalah dan bagaimana orang dahulu tidak Islam Hadhari? Kerana sulit itulah saya rasa lebih baik kita kembali kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebut [*menyebut bahasa Arab*]. Hadhari, masyarakat Hadhari, negara Hadhari. Dengan tidak Islam Hadhari bagaimana kalau kita dan masalah tidak ada masalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Macam saya kata awal-awal tadilah, Islam Hadhari ini bukan kita sembahyang 10 kali sehari, makna 10 waktu sama juga jadi tidak ada masalah Islam tetap Islam. Cuma pendekatan di antara Yang Berhormat, pandang bagaimana dengan apa yang kerajaan pandang oleh pemimpin kita, jadi tidak timbul masalah.

Saya hendak menyentuh tentang sistem pendidikan yang berkualiti mampu melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi global *player* dengan ciri-ciri peribadi unggul seperti jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing dan kreatif bagi memenangi cabaran negara dan arus dunia tanpa sempadan hari ini.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Setiu bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti sekejap saya habiskan sekejap, bagi saya habis dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Selain itu dunia telah menyaksikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Setiu tadi bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Ya sekejap saya akan bagi sekejap. Selain itu dunia telah menyaksikan dan sejarah telah membuktikan bahawa kelemahan di dalam konteks intelektual dan kegagalan merencana dengan baik sistem pendidikan hanya akan menyebabkan sesuatu bangsa, masyarakat, negara dan ummah itu di nyah belakangkan dan dipandang rendah. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ini berkait dengan Islam Hadhari. Banyak yang saya tengok pertikaian berkait dengan Islam Hadhari. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Larut dan minta penjelasan. Ada yang mengatakan tidak betul Islam Hadhari apabila dikaitkan Islam itu dengan Hadhari. Saya nampak Islam Hadhari hendak digambarkan bahawa Islam yang sebenar, Islam yang bertamadun, yang maju, tetapi apabila kita tengok pula ada parti yang dikaitkan dengan Islam, Parti Islam. Apakah kita hendak katakan salah ataupun betul pula, Parti Islam, Islam Hadhari sedangkan parti pun dikaitkan dengan Islam. Tidak sempurnakah Islam itu sehingga dikait dengan parti? Terima kasih. Minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu saya harap mereka yang mempunyai pandangan yang cetek tentang Islam Hadhari ini bolehlah menjadikan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu sebagai nasihat untuk mereka menuju ke akhirat, ya.

Justeru mutu sistem pendidikan di negara ini perlu terus dipertingkatkan agar mampu bersaing di arena global dan sekali gus bagi memecahkan monopoli penguasaan barat dalam pelbagai bidang khususnya bidang sains dan teknologi. Universiti-universiti tempatan perlu mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang setanding dengan universiti antarabangsa. Perlu difahami kini universiti bukan lagi sekadar pangkalan ilmu yang melahirkan para pemikir, ilmuwan dan cendekiawan sebaliknya turut diasak untuk menelurkan seramai mungkin tenaga kerja mahir yang boleh memenuhi pasaran kerjaya. Lantaran itu usaha untuk memberikan penekanan kepada ...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...peningkatan piawaian kurikulum institusi pendidikan dalam pelbagai peringkat seperti prasekolah, rendah, menengah, menengah atas dan pengajian tinggi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...bagi memastikan ia mencapai kualiti yang ditetapkan setanding dengan pendidikan di luar negara adalah suatu langkah yang sewajarnya dijana dengan segera mungkin dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tadi Yang Berhormat bagi Larut menyebut tentang pendidikan yang bersifat global tetapi kita jangan lupa tentang akar umbi kita Yang Berhormat ya. Iaitu tentang ciri-ciri tradisi kita, jati diri bangsa sebab sekali gus bila kita hendak berenang dalam laut yang meluas itu kita tidak lupa tentang pantainya sekali gus. Sebab itu saya lebih bersetuju dengan konsep glocal itu iaitu gabungan di antara elemen global sekali gus juga kita berakar umbi kepada nilai-nilai tradisi dan tempatan ataupun *indigenes culture* itu. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat seorang bekas yang pernah terlibat dalam pendidikan.

Malah *enrolment* di institusi pendidikan awal pada tahun 2005, memperlihatkan sahaja seramai kira-kira tiga juta pelajar sekolah rendah dan dijangka meningkat *enrolment* kira-kira 3.2 juta pelajar pada tahun 2010. Jika dilihat pada segi peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan perbelanjaan dan peruntukan pembangunan untuk pendidikan dan latihan peringkat sekolah rendah ialah sebanyak RM4.8 bilion, ini baru di peringkat sekolah rendah. Ini bermakna pelajar semakin ramai. Persoalannya sekarang bagaimana kita hendak menjadikan sistem pendidikan negara semakin dinamik dan progresif. Jika dilihat sistem pendidikan di Jerman ia menawarkan keunggulan *comparative* iaitu sistem dan *syllabus* pendidikan membolehkan pelajar yang dilahirkan adalah berkualiti dari segi teori dan praktikal menjurus kepada industri dan sekali gus memenuhi kehendak pasaran.

Oleh itu soal keciciran pelajar boleh ditangani dengan efisien. Di samping itu keluaran pelajar dalam sumber manusia mahir dan separuh mahir turut juga boleh dipertingkatkan. Pada masa ini pada tahun 2005 bilangan pelatih mengikuti kursus seperti kejuruteraan, mekanikal, *electrical* sivil, pertukangan bangunan, teknologi maklumat dan komunikasi dan sebagainya berjumlah 71,876 orang dan menerusi perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan kita menjangkakan seramai 133,570 orang pada tahun 2010 kerana itu sektor pendidikan dan industri perlu selari supaya tidak berlaku pembaziran. Sebagai contoh sekiranya negara mahu melahirkan pakar bioteknologi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...maka ia perlu memastikan kumpulan itu dari peringkat rendah berjaya sehingga ke peringkat universiti sama juga tenaga pekerja yang memerlukan kepakaran muzik maka kumpulan itu sudah tentu semestinya dikenal pasti sejak awal lagi sebagai contohnya. Sila Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut. Saya puji beliau banyak pengalaman tetapi saya hendak tanya tadi. Sebelum saya tanya ini saya banyak saya dok dengar tadi bukan sahaja pembangkang kadang-kadang pihak kita pun kadang-kadang keliru tentang Islam Hadhari ini. Sebenarnya Hadhari ini bukan *civilization* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, '*civilizational*' Islam. Kalau kita kata Al-Islam Al-Hadhari betul. Bagaimana Pasir Mas? Dari segi arabnya Al-Islam Al-Hadhari. Sifat maksum saya sudah jelas dahulu bukan hendak bersyarah ini Tuan Yang di-Pertua, hendak jelas kerana keliru ini, dua-dua keliru ini. Tetapi pembangkang lagi kuat keliru maka kita mesti kata satu pendekatan dengan hendak menyeimbangkan antara fizikal *spiritual*. *Physical development, spiritual development* ini yang dikatakan Islam Hadhari.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Satu lagi saya hendak tanya, setuju tidak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Boleh tidak kita capai Rancangan Malaysia Kesembilan ini kalau kita dok bawa kalimah-kalimah yang pelik-pelik saya pun tidak faham. [Ketawa] Globalisasi, kemudian pragmatik, negatif, positif, inovatif. Kalau kita sendiri tidak jelaskan dengan betul-betul saya takut jentera kerajaan melaksanakan dasar yang kita buat ini tidak tahu ke mana dia hendak bawa. Takut jadi Rancangan Malaysia Kesembilan juga tidak sampai 90% 100% macam mana pandangan Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya Yang Berhormat masa belum terlewat untuk memahaminya kita sama-sama tunggu insya-Allah jika diizinkan oleh Allah S.W.T. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya sentuh sedikit berkenaan dengan sukan berprestasi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya kena gulung Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...saya hendak sebut tentang, sedikit Tuan Yang di-Pertua fasal dia orang ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tentang media.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong bangun Yang Berhormat, Puchong, hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Biar saya habis sedikit saya hendak pergi ke media fasal masa tidak cukup. Sememangnya kita mengakui bahawa pada zaman pasca moden ini media dilihat bukan sahaja sebagai penyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, berita dan sebagainya. Tetapi juga sebagai pencetus minda masyarakat atau lebih tepat sebagai penentu agenda. Seorang tokoh komunikasi terkemuka pernah menyatakan dalam kebanyakan keadaan media tidak berjaya mempengaruhi orang ramai, menentukan bagaimana untuk berfikir tetapi yang mengajabkan ialah media berjaya mempengaruhi pembacanya untuk menentukan apa yang perlu difikirkan. Justeru itu media boleh dilabel sebagai agen perubahan masyarakat yang baru yang ternyata pengaruhnya melebihi suara-suara lain.

Dalam pada itu selain media memainkan peranan penting dalam mengimbangi keberkesanan dasar kerajaan, paparan isu-isu dan berita yang tepat, benar dan bertanggungjawab amat penting dalam proses ini. Di sini media berperanan sebagai *check and balance* dalam menentukan keberkesanan dasar-dasar negara dalam menjalankan tanggungjawab sosial.

Di Malaysia kita mempunyai mata dan telinga dalam menyuarakan dasar-dasar negara. Bernama atau dikenali sebagai Pertubuhan Berita Nasional Malaysia iaitu sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawa Akta Parlimen 1967 dan mula beroperasi pada Mei 1968 dilihat sebagai agen media yang amat berpengaruh dan berpotensi dalam menjayakan agenda kerajaan terutamanya Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang lain pun membantu jugalah bukan hanya Bernama ya, jangan silap pula akhbar-akhbar lain juga turut membantu.

Peranan Bernama dilihat sebagai sumber berita terkini dan boleh dipercayai malah Bernama dilihat menjalankan penyelidikan bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan seperti maklumat kewangan, tepat masa, berita tepat masa perkhidmatan perpustakaan, penghantaran siaran akhbar dan maklumat secara global, pengkhususan acara dan foto. Malah Bernama juga kini mempunyai audio visual, AV dikenali sebagai berita televisyen yang ditubuhkan pada 1 November 1998.

Bernama TV turut memainkan peranan dalam cadangan Penubuhan Saluran Berita *Malaysian News Channel (MNS)* seperti *Cable News Network (CNN)* atau *British Broadcasting Corporation (BBC)*. Difahamkan dokumen cadangan penubuhan telah dikemukakan kepada Menteri Penerangan. Justeru itu, saya berpendapat sudah tiba masanya Bernama TV beroperasi seperti CNN atau BBC. Ini kerana stesen televisyen sebagai media yang bertanggungjawab membina peribadi, pemikiran dan nilai-nilai patriotik malah kerajaan seharusnya memberi geran yang lebih besar kepada Bernama khususnya kepada Bernama TV.

Pada masa ini kerajaan telah memberikan geran sebanyak RM15.5 juta bagi tahun 2004 berbanding RM12.9 juta bagi tahun 2003. Ia harus ditambah lebih banyak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya juga menyarankan supaya kerajaan yang akan melancarkan siaran percubaan televisyen digital pada September tahun ini diberikan sahaja kepada Bernama TV kerana mereka mempunyai sistem teknologi audio yang canggih serta kakitangan yang berpengalaman. Menteri Penerangan sendiri Datuk Zainuddin Maidin berkata penyiaran televisyen digital bukan saluran ketiga bagi Stesen RTM sebaliknya sistem penyiaran baru.

Kita sebenarnya amat memerlukan stesen TV yang globalisasi kerana ia boleh berperanan mewakili pandangan persepsi dan pendirian Malaysia di peringkat antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebagai contohnya Al-Jazeera. Kalau kita lihat stesen TV berita, Arab Al-Jazeera ini sudah pun membuka bironya di Kuala Lumpur iaitu di menara KLCC. Mengambil kira kedudukan Malaysia sebagai negara Islam, bukan Arab yang progresif dan kedudukan ilmu alam yang menepatkan Malaysia di tengah kawah berita yang aktif. Keputusan itu tentulah tidak menghairankan. Lagi pula rantau ini mencatatkan jatuh bangun kegiatan ekonomi yang sentiasa menarik. Ramai daripada kita mengenali Al-Jazeera hanya sewaktu serangan Amerika ke atas Afghanistan dan kesemuanya Iraq dan juga kemudiannya Iraq. Al-Jazeera mendapat skop berita luar biasa kerana stesen TV itu menerima kenyataan bertulis selain gambar video Osama bin Laden atau orang kuatnya seperti selepas peristiwa 11 September.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Walaupun tidak sempat hendak sentuh industri sukan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya masih yakin bahawa industri ini akan terus memberi sumbangan yang besar.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Kepada ekonomi negara. Dengan itu saya menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

5.02 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Setengah jam sahajalah. Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dengan perasaan penuh harapan kepada misi nasional kita. Tetapi, saya berharap seruan-seruan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat dapat diterima oleh semua kerana kita tidak mahu menyaksikan bagai berseru di padang pasir. Bagai berseru di padang pasir ataupun air di daun keladi sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang hebat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa Yang Berhormat, falsafah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebab Tuan Yang di-Pertua, kita nampak sejak Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri, beliau berkali-kali menyeru supaya penyampaian, *delivery system* dapat dipertingkatkan. Tuan Pengerusi lebih dua tahun selepas beliau memegang teraju, saya nampak sistem penyampaian tidak berubah langsung dan sekarang dengan misi nasional ini, saya berharap semua pihak, semua parti, terutamanya 1 juta kakitangan kerajaan dapat menyahut, dapat menghayati dan juga mengamalkannya. Yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai lima teras. Teras yang pertama meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara kerana kita diberi hanya setengah jam saya pun tidak boleh mengulas dengan panjang lebar apa...*[Ketawa]* saya hendak cakap di sini, tetapi kalau kita hendak meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara. Ya, memang sedia, banyak. Itu satu teras memang perlu kita buat, kerana dengan perkembangan semasa dunia globalisasi dan kemunculan India, kemunculan China ini, kita perlu satu sistem yang dapat mengambil kesempatan. Apa kesempatan ini? Pihak China, pihak India dan Vietnam akan mengeluarkan bahan-bahan yang lebih murah daripada kita, termasuklah baja.

Kalau di Arau kita ada keluarkan baja, kalau kita bau pun ada busuk sedikit, tetapi kita ada berkesan kerana dengan baja kita ini kebanyakan tidak ada guna kerana apabila kita semburnya, pokok-pokok tidak dapat menggunakannya dan kita mesti gunakan cara yang betul supaya peratusan yang diserap oleh pihak pokok ada meningkat. Saya cakap di sini pun Arau pun tidak payah komisen. So...*[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat bagi Kepong, sedikit. Tadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi kepong. Yang Berhormat ada menyebut tentang barangan murah apabila India, China dan juga Vietnam menjadi persaingan kepada barangan kita. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang kemasukan barangan murah ini lebih lagi apabila Malaysia kemungkinan menandatangani perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat. Mungkin sebelum Julai tahun 2007. Pandangan Yang Berhormat tentang nilai tambah bagaimanakah yang perlu kita adakan untuk menyaingi India, China dan juga Vietnam ini, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali itu, kita mesti ada fokus kerana yang saya lihat, fokus itu tidak cukup. Fokus itu memang tidak cukup. Misalnya walaupun kita ada rancangan dasar industri dan sebagainya, kalau kita banding dengan pihak Eropah, Amerika Syarikat dan juga United Kingdom, USA, mereka memang fokus misalnya di China di India dan di Vietnam. Mereka ada fokus termasuklah kajian yang paling menyeluruh dan mendalam dan mewujudkan dasar kepada pedagang-

pedagang pelabur-pelabur mikro kerana Malaysia kita kurang macam ini. Saya mencadangkan supaya untuk meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara kita.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi Yang Berhormat bagi Kepong telah menyatakan bahawa dalam teras pertama itu, iaitu meningkatkan nilai tambah dana ekonomi negara. Sedarkah Yang Berhormat bahawa ini adalah di mana satu aktiviti menambahkan lagi nilai kepada aktiviti-aktiviti ekonomi kita. Kita bukan cakap tentang pengeluaran yang murah, kita bukan cakap tentang pengeluaran yang kompetitif, tetapi apa yang dimaksudkan oleh teras ini ialah kita menambah nilai yang sedia ada, menambah nilai aktiviti-aktiviti ekonomi yang sedia ada. Bukannya kita cakap bagaimana untuk mengeluarkan barang-barangan ataupun perkhidmatan yang murah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Puchong memang ada pandangan dia sendiri, tetapi kalau kita tidak ada mengkaji apa yang berlaku di China, di India dan juga di Vietnam macam mana kita wujudkan keadaan untuk menambahkan nilai ditambah di negara kita.

Kita mesti tahu apa yang berlaku di situ, apa bidang yang kita tidak boleh menyelesaikan dengan mereka. Kita tambahkan nilai kita di bidang-bidang di mana pihak China tidak mampu. Itu satu aspeklah kerana kita bukan sahaja hendak meningkatkan nilai di sini, kita hendak nampak sama ada produk kita dapat dijual misalnya dengan Proton, mengapa kita dapat bersaing dengan orang lain. Di mana kita boleh kongsi dengan Vietnam ataupun China untuk meningkatkan nilai. Itu satu contoh Proton, macam mana kita dapat meningkatkan nilai kita di negara kita dan saya berharaplah pihak kerajaan dapat adakan itu kajian yang menyeluruh, yang mendalam ke atas negara-negara ini dan global, dan memberi nasihat dan cadangan dan bantuan kepada rakyat Malaysia supaya kita dapat bersaing dengannya. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Apa yang saya maksudkan ialah macam ini. Memang di negara China, Vietnam ataupun India ini mereka ini telah melalui satu tahap pembangunan yang berbeza dengan negara kita. Mereka lebih berorientasikan kepada tenaga buruh ataupun berorientasikan kepada sumber-sumber alam yang tertentu, yang berada di dalam negara sebagai contoh, di negara India. Mereka mempunyai orang kata apa, *talent-talent* tertentu dalam bidang ICT. Di negara China mempunyai sumber alam yang tertentu untuk negara mereka. Tetapi dalam negara kita kalau kita hendak *moving out*, dengan izin *from the value change*, kita mesti mengeluarkan satu orang kata apa, memandang atau menganalisis keadaan ekonomi kita ini secara lebih mendalam supaya kita boleh betul-betul memberikan satu perkhidmatan atau produk yang tertentu kepada dunia ini.

Bukan kita hanya memandang kepada China, India dan juga Vietnam sahaja. Masalah kita ialah masalah dunia bukan masalah tiga negara ini sahaja. Bagi saya itulah yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak cukup masalah itu untuk, tidak cukup masa. Walau bagaimanapun di sini, misalnya kalau *alien chemicals*, dengan itu kelapa sawit kita. Ia sangat penting dan di sini kita nampak di China dan di Vietnam tidak ada itu industri ini dan kita kembangkan, kita tambahkan nilai *alien chemicals* di negara kita. Di seluruh dunia, memang seluruh dunia tetapi setengah jam macam mana sekarang dengan itu campuran Puchong 10 minit sudah hilang. 10 minit sudah hilang, dan teras kita ini misalnya teras kelima, mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara ini sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya semua projek kerajaan - kerana kita ada jumlah RM2,020 bilion, ini banyak itu projek. RM220 bilion banyak projek termasuk di Arau pun ada projek. Batu Kawan pun ada sedikit sahaja Batu Kawan itu. Tiga

projek di Pulau Pinang kalau hendak cakap lagi tidak payahlah itu. Tiga projek termasuk jambatan yang kedua ini hendak cakap lagi. Arau tidak ada jambatan, dan kita hendak mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara bukan sahaja kita hendak meningkatkan PIN kita, Pelan Integriti Nasional dan juga IIM kita untuk memainkan peranan yang lebih penting, tetapi saya mencadangkan supaya kita semua projek.

Kita adakan sistem terbuka yang cocok, yang setanding dengan. Cocok dengan itu bahasa baku juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: "Cocok" itu bahasa Indonesia pak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana bahasa Indonesia ini kita mesti hantar ke Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang cocok dengan standard antarabangsa, semua projek. Kita buka projek itu kerana banyak syarikat sekarang konsortium sekarang dia tengok macam mana kalau di dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita gunakan cara-cara yang rumit, dengan kongkalikung dan sebagainya dan dapatkan projek. Kongkalikung itu penyelewenganlah itu, *hanky-panky* itu dia dapat projek dia tidak mampu. Seperti MRR2 Kepong, dahsyat sekali. Rancangan Malaysia Kelapan MRR2 di Kepong itu susahlah kerana tidak ada masa kita hendak bincang dengan panjang lebar. Sudah berkali-kali berdepan dengan Yang Berhormat Sungai Siput pun. Tidak payah saya ada 20 minit lagi sahaja.

Dengan itu pihak Konsortium Bumihiway, dapat projek. Saya tidak tahu macam mana dia dapat projek dan di sinilah Unit Perancang Ekonomi Kementerian Kewangan dan juga JKR mestilah mengkaji semula, menyusun semula macam mana kita boleh elakkan dengan *design and built* ini. Saya tidak boleh terima dan saya mencadangkan supaya semua projek kita adakan sistem tender terbuka. Jangan kita biarkan kongkalikung seperti ini. Jangan kita membiarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ledang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada masa itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat bagi Kepong. Sedar atau tidak Yang Berhormat bahawa mungkin satu atau dua sahaja projek *design and built* yang gagal, itu pun belum tahu gagal kerana ada kaedah dan raktifikasi, banyak lagi projek *design and built* yang berjaya dalam Malaysia ini. Projek PLUS, jambatan Pulau Pinang dan banyak lagilah. Projek KLIA banyak lagi. Takkanlah kerana kudis, pakar kulit tahu, yang di tapak kaki itu boleh merebak sampai ke otak. Sekian terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat tadi itu cakap, "Seperti dicampak baju nampak kurap". Itulah masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia mungkin cakap '*melanoma*' Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, ya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: "Campak baju nampak kurap" kita tidak fahamlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak faham? Oh! Tidak apalah itu mendedahkan keburukan diri sendiri.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tangga Batu, saya tidak tambah masa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada masa, tidak ada masa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan tambah Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Kepong ini daripada tadi mempertikaikan sistem mekanisme, apa juga yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Tetapi Kepong tidak ada pun bagi cadangan-cadangan yang konstruktif, cadangan-cadangan yang positif.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana tidak positif cadang kita adakan itu sistem tender yang terbuka, cocok atau setanding dengan standard antarabangsa. Itu satu cadangan Tangga Batu mesti terima.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kepong sedar tidak yang sekarang ini.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Duduk, duduk tidak ada masa sudah itu saya ada banyak lagi.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kerajaan kita menyediakan berbagai-bagai sistem, berbagai-bagai sistem.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, banyak lagi setengah jam ada.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kelemahannya ialah pada pelaksana. Ini yang kerajaan sekarang ini tengah bercakap tentang modal insan, tentang bagaimana membentuk diri dalam memastikan kerja-kerja menepati piawaian. Kepong ini cakup saja. baru nak baca buku Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharap, saya berharap ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lain kali tidak bersedia janglah hendak berbahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tangga Batu setuju dengan saya, jangan kita usik-usik, cari jalan-jalan untuk mendapatkan itu projek ya, jangan. *[Ketawa]*

Jangan sama sekali Tangga Batu kerana teras yang kedua itu meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, mesti ada minda kelas pertama Tangga Batu, sekarang kelas yang kedua sahaja. Ini memang saya setuju dengan Yang Amat Berhormat, rakyat adalah aset negara paling berharga dan pembangunan modal insan dan anjakan minda serta pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar. Di sini, kalau kita hendak meningkatkan pengetahuan dan inovasi kita, kita sendiri tidak cukup, macam mana? Dan yang penting sekali selain daripada yang kita ada, ini memang satu perkara yang betul, kerana kita diperuntukkan lebih RM50.6 bilion dalam lima tahun akan datang, lebih RM50.6 bilion untuk pendidikan dan latihan. Itu memang satu langkah yang betul dan wang ini mestilah digunakan dengan tepat, dengan persis, dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, berapa kali dan berapa tahun sudah pihak kerajaan menyeru supaya pakar-pakar kita di luar negara, saintis-saintis kita di luar negara kembali daripada negara lain kepada negara kita. Tapi sambutan itu tidak begitu hangat. Apakah masalah? Misalnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak buat, hendak menggalakkan pakar-pakar kita di luar negara balik ke sini, termasuk Tangga Batu, "*jangan melepaskan batuk di tangga*" saja. *[Ketawa]*

"*Jangan melepaskan batuk di tangga*" sahaja kerana dia cakup hendak merit, nak meritokrasi tapi di dalam itu dia kata, kalau saya bagi dia peluang sikit, saya punya posisi itu sudah terancam. Dan dia gunakan cara dan helah untuk menendang ataupun untuk menjadikan masalah kepada orang-orang yang berbakat. Tangga Batu, kita mesti ingat, jangan buat macam itu, itu mentaliti *feudal*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Prasangka buruk ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bagi Kepong tarik baliklah. Minta tarik balik, jangan prasangka saya begitu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, saya tarik balik. *[Ketawa]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Kepong, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharap ...

Seorang Ahli: *Gentlemen*lah sikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharap jangan buat macam itu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya puji Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Semua kakitangan kerajaan, jabatan kerajaan, pihak sektor swasta, pihak pertubuhan yang lain, "*jangan kita melepaskan batuk di tangga saja*" hendak galakkan orang yang berpotensi, berbakat dan sebagainya tapi itu cakap saja. Tapi bila menghadapi masalah ini, dia buat macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada saintis yang boleh mendapat profesor di United Kingdom, kalau dia kembali ke negara kita, sekurang-kurangnya dia diiktiraf, kita bagi dia status sebagai profesor juga. Begitu juga dengan pakar kardiologi, pakar jantung di UK, dia dilantik sebagai *consultant*, sebagai pakar bertauliah di UK, bila dia kembali ke negara kita...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sikit, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tunggu sekejap Yang Berhormat, tunggu sekejap Yang Berhormat, saya nak mencadangkan ya..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Kepong, boleh sikit? Penjelasan? Sikit sahaja, ha.. terima kasih. Tadi Yang Berhormat sebut tentang saintis, Yang Berhormat katakan supaya bagi satu pengiktirafan. Macam mana kita nak bagi Yang Berhormat mereka belum pergi lagi. Tunggulah balik esok, DAP tidak sebut pun memang kerajaan bagi, jadi apa Yang Berhormat nak susah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Larut dia kurang faham mengenai hal ini, dia kurang faham, bola sepak mungkin. Tapi akademi saya tidak nampaklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kepong pun tak pernah tengok bola, jangan cakap pasal bola.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bola sepak mungkin, tapi di Malaysia standard pun tidak begitu tinggi juga. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat industri bola sepak hari ini sudah menyediakan 400 peluang pekerjaan termasuk

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak apalah, kita tingkatkan mutunya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini kalau dengar budak-budak bola, siap Kepong tidak dapat undi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tingkatkan mutu dan nilai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jangan buat sebarang tuduhan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tingkatkan mutu dan nilai, kalau tidak berupaya kita cari orang lain. [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, paling penting sekali kita mesti ...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh, Ketereh.

Seorang Ahli: Ha.. bagilah Ketereh sikit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita tak ada masa, setengah jam saja.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap sahaja. Bila Yang Berhormat bagi Kepong cakap pasal mutu dan nilai, saya tengok ucapan Yang Berhormat

bagi Kepong ini lebih bermutu dari Ipoh Timor, sepatutnya Yang Berhormat bagi Kepong ini jadi Ketua Pembangkang, bukan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebab dia pun Timbalan Presiden DAP, ada mutulah, tahniah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, itu Ketereh, patut campur jambu gajus ...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak tahu jangan cakap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tapi jambu gajus dia tak mahu, sekarang nak jadi batu api pula. *[Ketawa]* Ketereh dia minta ...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Nyala ke bila saya jadi batu api? Nyala ke? *[Ketawa]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tambah sedikit.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Batu Kawan sudah marah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya sokong Yang Berhormat bagi Kepong Tuan Yang di-Pertua. Saya tunggu daripada awal ucapan Ketua Pembangkang tadi, mula-mula di puji bagus, lepas itu hujung tak bagus sampai habis. Saya setujuhlah Ketereh kata tadi, kita tukar Yang Berhormat bagi Kepong jadi Ketua Pembangkang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ketereh itu cukup, kalau nak jadi batu api buat apa? Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya ada sedikit saja. Yang Berhormat bagi Kepong sekejap, sekejap. Mulai tadi sampai sekarang, kita tidak ada cerita apa, apa perbincangan ini, saya pun tak faham. Perbincangan apa ini ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Merapu Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jangan kacaulah, saya ada cadangan, jangan kacau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat ada dua minit lagi. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya mencadangkan supaya, kita kaji semua universiti kita, jabatan kerajaan. Bila seserang itu balik daripada UK, dia nak balik ke Malaysia ini, kalau dia layak menjadi profesor, kita mesti memberi dia status profesor di negara kita, di dalam universiti utama misalnya Universiti Malaya. Begitu juga dengan doktor, kalau dia berlayak dilantik sebagai *consultant* di England, hospital terkemuka di England, bila dia kembali ke Malaysia, mestilah kita beri dia peluang untuk menjadi *consultant* di misalnya Hospital UH Kuala Lumpur. Itulah caranya, tapi yang sebaliknya saya nampak, apabila dia jadi *consultant* di UK, dia kembali ke sini, dia punya pangkat diturunkan, semua bidanglah tu. Kalau begitulah yang dibuat, kita dengan mentaliti feudal ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya gulung Yang Berhormat, habiskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...dengan mentaliti feudal ini, tidak bolehlah kita menarik bakat-bakat ataupun pakar-pakar daripada luar. Kita tidak boleh buat macam itu

Walaupun ada lima teras, saya hanya berpeluang untuk berbahas di dalam dua teras sahaja kerana kekacauan daripada orang-orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah pihak Yang Amat Berhormat dapat meneliti apa yang saya sebutkan tadi. Yang pertama, mengenai sistem tender yang terbuka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Secocok dengan antarabangsa, standard antarabangsa.

Yang kedua, sistem untuk mengambil pakar-pakar daripada seberang laut, kita mesti memberi pengiktirafan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh.

5.30 ptg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung esoklah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga esok jam 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.